Hujung Minggu
ڤليتا برونيا
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

DARIPADA Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tidak akan berlaku kiamat sehingga waktu terasa begitu pantas, maka setahun dirasakan seperti sebulan, sebulan dirasakan seperti seminggu, seminggu seperti sehari, sehari dirasakan seperti satu jam dan satu jam dirasakan seperti satu sambaran api".
(Hadis Riwayat Imam Termizi)

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.38 | SUBUH 4.48 | SYURUK 6.10 | DUHA 6.33 | ZUHUR 12.07 | ASAR 3.29 | MAGHRIB 6.02 | ISYAK 7.16
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 139 | 21 NOVEMBER 2026 / 1448 جمادي الأخير 11 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

TRANSFORMASI DIGITAL MAMPU MENINGKATKAN PRODUKTIVITI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC (AELM) Ke-33. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (*Lihat muka 3*).

APEC CHINA 2026

Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Kesultanan Oman





BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman dan kerajaan serta rakyat Kesultanan Oman bersempena dengan Hari Kebangsaan Kesultanan Oman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman.

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



KEPENTINGAN perpaduan, peranan ASEAN dalam memelihara keamanan, kestabilan serantau
Muka 7



KERJASAMA, perkongsian amalan terbaik pelbagai bidang dipertingkat
Muka 8



MEMPERKASA analisis dasar bagi menyokong Wawasan Brunei 2035
Muka 14



KANAK-kanak amanah bersama masyarakat, negara untuk dipelihara, dididik, dilindungi
Muka 27

PELITA BRUNEI

Usahawan tempatan perlu bersedia bersaing dalam pasaran serantau, antarabangsa

Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil Alameen Wassalatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Anbiya Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'Alaa Aalihie Wasahbihie Ajma'een. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Selamat Pagi.

ALHAMDULILLAH saya berbesar hati dapat menyertai awda semua pada pagi ini di Anugerah Perniagaan Shell LiveWire Brunei Edisi Ke-19. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua finalis kerana berjaya mara ke peringkat utama ini. Pemilihan sebagai finalis merupakan satu pencapaian yang bermakna, yang mencerminkan usaha, disiplin, dan tekad yang telah awda curahkan dalam membangunkan perniagaan masing-masing.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Shell LiveWire Brunei sempena Ulang Tahunnya yang Ke-25. Sepanjang tempoh ini, Shell LiveWire telah menyediakan peluang kepada generasi rakyat Brunei untuk meneroka bidang keusahawanan, memperkukuh keupayaan diri serta mengubah idea menjadi perniagaan yang berdaya maju, di samping menyumbang kepada pembangunan ekosistem perniagaan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hari ini, kita bukan sahaja mengiktiraf perniagaan-perniagaan yang telah dibangunkan, malah turut menghargai individu-individu yang mempunyai keberanian untuk mengambil langkah pertama tersebut. Memandangkan NBD terus melangkah ke arah kepelbagaian ekonomi dan mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035, pembangunan sektor swasta yang lebih kukuh, dinamik dan berdaya saing kekal penting bagi masa depan ekonomi kita. Para usahawan memainkan peranan penting dalam membina perniagaan yang berdaya saing, mewujudkan peluang serta menyumbangkan nilai yang lebih besar kepada ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, membina dan mengekalkan perniagaan yang berjaya merupakan satu perjalanan yang berterusan. Para usahawan perlu bersedia untuk memperkukuh operasi mereka, memahami pelanggan, mengurus kewangan secara bertanggungjawab serta melabur dalam pembangunan sumber manusia. Cabarannya ialah untuk terus berkembang, mencipta nilai dan kekal berdaya saing. Ini bermaksud kesediaan untuk melakukan penambahbaikan, mengguna pakai teknologi baharu serta bertindak balas dengan pantas terhadap perubahan keperluan pasaran.

Bagi perniagaan yang mempunyai keupayaan dan cita-cita untuk berkembang, pasaran serantau dan antarabangsa menjadi semakin penting. ASEAN, khususnya, menawarkan peluang kepada perniagaan kita untuk menembusi pasaran yang jauh lebih besar serta menyertai rantaian nilai yang lebih luas. Walau bagaimanapun, memasuki pasaran baharu bukan sekadar menawarkan produk atau perkhidmatan yang sama di negara lain. Perniagaan perlu memahami jangkaan pelanggan yang berbeza, mematuhi peraturan serta piawaian antarabangsa, mengekalkan konsistensi dan kualiti, di samping membangunkan rangkaian pengedaran dan perkongsian perniagaan yang boleh dipercayai. Peluang ini juga membawa persaingan yang lebih sengit serta jangkaan yang lebih tinggi. Oleh itu, perniagaan kita mesti bersedia untuk bersaing dengan cara menawarkan kualiti, memanfaatkan teknologi serta menunjukkan daya tahan dan keupayaan untuk menyesuaikan diri.

Inilah sebabnya mengapa pendekatan seluruh negara (Whole of Nation) kekal penting. Di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) bersama dengan Brunei Economic Development Board (BEDB), saya percaya kami mempunyai peranan penting untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, perniagaan, pelabur, institusi kewangan dan rakan kongsi industri bagi menyokong pertumbuhan perusahaan serta memperkukuh persekitaran perniagaan di NBD. Salah satu contohnya ialah kerjasama antara Shell LiveWire Brunei, BEDB dan Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi (AITI) melalui pelan hala tuju Startup673, yang menyediakan laluan lebih jelas dan terkoordinasi bagi syarikat pemula (*startups*) untuk maju dan berkembang. Matlamat kami adalah untuk melihat lebih banyak perniagaan tempatan menjadi perusahaan yang lebih mampan dan berdaya saing, yang mampu mewujudkan peluang, berkembang ke pasaran baharu serta menyumbangkan nilai yang lebih besar kepada ekonomi Brunei Darussalam.

Sokongan daripada kerajaan dan rakan-rakan ekosistem perlu disertai dengan komitmen daripada pihak perniagaan itu sendiri. Para usahawan harus mengambil inisiatif untuk berkembang dan mencapai kejayaan dengan memperkukuh tadbir urus, memahami angka-angka perniagaan mereka, mendengar pandangan pelanggan, serta sentiasa meningkatkan piawaian mereka. Perniagaan yang berjaya adalah perniagaan yang belajar daripada cabaran, mampu menyesuaikan diri dan terus melangkah ke hadapan dengan hala tuju yang jelas, disiplin serta tekad yang kuat.



MENTERI Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Perniagaan Shell LiveWire Brunei Edisi Ke-19 pada Khamis, 10 September 2026 yang berlangsung di Dewan Royal Berkshire, Jerudong Park and Polo Country Club, Jerudong.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Haji Mirazman Haji Othman

>> Muka 10

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21	SABTU	11	4.38	4.48	6.10	6.33	12.07	3.29	6.02	7.16
22	AHAD	12	4.38	4.48	6.10	6.34	12.07	3.29	6.03	7.16
23	ISNIN	13	4.38	4.48	6.10	6.34	12.08	3.29	6.03	7.16
24	SELASA	14	4.39	4.49	6.11	6.34	12.08	3.30	6.03	7.16
25	RABU	15	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
26	KHAMIS	16	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
27	JUMAAT	17	4.39	4.49	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.17

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	31 / 25 °C	32 / 24 °C	33 / 24 °C
Pekan Bangar	30 / 24 °C	32 / 23 °C	32 / 24 °C
Pekan Tutong	31 / 24 °C	32 / 24 °C	33 / 24 °C
Kuala Belait	31 / 24 °C	32 / 24 °C	33 / 24 °C

Wallahualam Bissawab

www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 21 NOVEMBER 2026

Jangan biarkan teknologi melalaikan diri daripada ibadah, tanggungjawab

PERKEMBANGAN teknologi masa kini telah memudahkan pelbagai urusan kehidupan, termasuklah dalam urusan mualamat dan transaksi jual beli serta urusan pembayaran dan pelaburan yang kini boleh dilakukan dengan mudah dan begitu pantas hanya melalui telefon pintar.

Di sebalik skrin kecil itu, pelbagai urusan harian mampu diselesaikan dengan begitu mudah, dekat dan pantas. Melaluinya, kita dapat berhubung dengan sanak saudara yang jauh, mencari maklumat dan menuntut ilmu serta memudahkan urusan pekerjaan. Pendek kata, banyak urusan hidup kita jauh lebih mudah dan teratur berbanding dahulu.

Namun, pernahkah kita bermuhasabah dan bertanya kepada diri sendiri : Adakah kita telah menggunakan gajet dengan berhemah dan bijak? Jangan sampai gajet yang sepatutnya memudahkan urusan kehidupan, akhirnya memerangkap diri, lalu melalaikan kita daripada melaksanakan ibadah dan tanggungjawab, merenggangkan hubungan keluarga serta menghabiskan usia yang berharga dengan sia-sia.

Sepertimana yang ditekankan menerusi Khutbah Jumaat pada minggu ini, ketahuilah bahawa gajet hanyalah alat. Jika digunakan untuk kebaikan, ia akan membawa manfaat. Namun, jika ia digunakan tanpa kawalan, ia boleh membawa kepada kelalaian. Oleh itu, antara perkara utama yang perlu dijaga dalam penggunaan gajet ialah menjaga apa yang kita lihat, apa yang kita tulis dan apa yang kita sebarkan.

Penggunaan gajet dalam ruang lingkup keluarga juga perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Gajet sepatutnya menjadi jambatan yang mendekatkan hati, bukan menjauhkan kita daripada orang yang paling hampir dengan kita. Namun hari ini, ada keluarga yang duduk semeja tetapi masing-masing sibuk dengan gajet. Ada ibu bapa yang terlalu leka melayani skrin digital, sementara anak-anak pula dibiarkan bersama gajet tanpa kawalan. Tanpa kita sedari, perbualan, tunjuk ajar dan kasih sayang dalam keluarga semakin berkurang dan akhirnya hilang.

Ingatlah bahawa anak-anak yang kita asuh dari kecil adalah amanah Allah Subhanahu Wata'ala yang akan dipersoalkan kelak. Oleh itu, pantaulah apa yang mereka tonton dan selidiklah dengan siapa mereka berhubung di alam maya. Hadkan tempoh masa penggunaan gajet dan luangkanlah masa bersama mereka. Paling utama, jadilah suri teladan yang baik. Jangan kita menyuruh anak-anak meletakkan gajet, sedangkan telefon bimbit kita sendiri tidak pernah lepas daripada tangan. Anak-anak lebih banyak meniru apa yang mereka lihat, berbanding apa yang mereka dengar. **– Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتريبتكن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتري دان دچيتق اوله قرينت قلس سنديرين برحد، نكارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KEBAWAH DYMM BERANGKAT BALIK MENINGGALKAN REPUBLIK RAKYAT CHINA





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat balik meninggalkan Republik Rakyat China setelah selesai menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC (AELM) Ke-33 di Shenzhen. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda (atas dan kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Othman

SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 19 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat balik meninggalkan Republik Rakyat China setelah selesai menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC (AELM) Ke-33 di Shenzhen, petang tadi.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melintasi barisan kawalan kehormatan statik dan menyusuri permaidani merah sebelum berangkat menaiki pesawat khas.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Shenzhen Bao'an bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Protocol Ambassador, Ministry of Foreign Affairs of the People's Republic of China, Tuan Yang Terutama Ouyang Yujing; Vice Chairman of Guangdong Provincial Committee of Chinese People's Political Consultative Conference, Puan Yang Terutama Li Xin; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Chen Shaochun.

Juga hadir ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Dato Seri Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah berserta para pegawai dan kakitangan Kedutaan NBD di Republik Rakyat China.

Semasa AELM Ke-33, Kebawah DYMM telah menyertai Ketua - Ketua Ekonomi APEC yang lain bagi membincangkan langkah-langkah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan, meningkatkan hubungan perdagangan serta mempererat kerjasama di rantau Asia Pasifik.

Keberangkatan Kebawah DYMM juga mencerminkan sokongan berterusan NBD terhadap usaha memperkukuh kerjasama dengan rakan-rakan serantau demi keamanan dan kemajuan bersama.

Di bawah tema 'Building an Asia-Pacific Community to Prosper Together', APEC 2026 telah memberikan tumpuan kepada tiga keutamaan, iaitu keterbukaan, inovasi dan kerjasama.

Perbincangan turut merangkumi usaha - usaha untuk memperkukuh integrasi ekonomi serantau, memanfaatkan teknologi baharu termasuk Kecerdasan Buatan (AI) serta meningkatkan kerjasama dalam menangani cabaran bersama.

Transformasi digital mampu meningkatkan produktiviti

SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 19 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC (AELM) Ke-33 yang berlangsung di Shenzhen International Communication Center, Shenzhen, Republik Rakyat China.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Shenzhen International Communication Center dialu-alukan oleh Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping, selaku Pengerusi AELM.

Mesyuarat dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh Pengarah Urusan International Monetary Fund (IMF), diikuti dengan sesi yang dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Tuan Yang Terutama Presiden Republik Rakyat China.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa AELM, baginda menzahirkan penghargaan kepada TYT Xi Jinping serta kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China atas sambutan mesra dan layanan baik yang diberikan.

Kebawah DYMM menekankan bahawa tema APEC tahun ini, 'Building an Asia-Pacific Community to Prosper Together', sangat relevan, khususnya bagi ekonomi-ekonomi kecil seperti Negara Brunei Darussalam dan turut menekankan bahawa konflik yang berterusan di tempat lain serta gangguan di Selat Hormuz boleh menjejaskan rantaian bekalan serta kehidupan rakyat di seluruh rantau ini.

Baginda menegaskan kepentingan persekitaran perdagangan yang terbuka dan dapat diramal, sistem perdagangan pelbagai hala yang berasaskan peraturan World Trade Organization (WTO) sebagai terasnya serta usaha APEC ke arah mewujudkan Free Trade Area of the Asia-Pacific (FTAAP).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC (AELM) Ke-33.

Kebawah DYMM turut menekankan bahawa mengurangkan halangan serta mempermudahkan prosedur rentas sempadan akan membantu lebih banyak perniagaan menjangkau lebih ramai pelanggan di luar negara dan menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan serantau.

Transformasi digital, titah baginda, mampu meningkatkan produktiviti dan penyampaian Perkhidmatan Awam; dalam pada itu, adalah penting untuk melengkapkan orang ramai dengan kemahiran yang diperlukan bagi memanfaatkannya secara berkesan.



Baginda turut mengongsikan usaha-usaha Negara Brunei Darussalam melalui inisiatif 'Digital Brunei 2030' dan juga bertitah bahawa penambahbaikan penyampaian Perkhidmatan Awam, pengukuhan kemahiran digital dan galakan terhadap penggunaan teknologi baharu, termasuk Kecerdasan Buatan (AI), turut menyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Dalam mengakhiri titah, baginda mengucapkan penghargaan kepada Republik Rakyat China atas kepimpinannya dalam APEC pada tahun 2026 serta mengalu-alukan kerjasama rapat dengan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tô Lâm apabila Viet Nam mengambil alih kepengerusian APEC pada tahun 2027.

Pada penghujung sesi, TYT Presiden Xi Jinping menyerahkan tanggungjawab sebagai Pengerusi AELM kepada Presiden Republik Sosialis Viet Nam, TYT Tô Lâm, selaku tuan rumah APEC bagi tahun 2027.

PELITA BRUNEI

Kebawah DYMM berangkat menghadiri Majlis Santap



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Rabu, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam bagi meraikan Ketua-ketua Ekonomi APEC bertempat di Shenzhen International Communication Center, Shenzhen, Republik Rakyat China, malam tadi.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan First Lady Republik Rakyat China, Madame Peng Liyuan.

Majlis ini juga diserikan dengan persembahan kebudayaan.

KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda dialu-alukan oleh Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan First Lady Republik Rakyat China, Madame Peng Liyuan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam bagi meraikan Ketua-ketua Ekonomi APEC.

KERJASAMA DALAM BIDANG KEPENTINGAN BERSAMA TERUS DIPERTINGKAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Ketua Eksekutif Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Tuan Yang Terutama John Lee.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Rabu, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Ketua Eksekutif Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong, Tuan Yang Terutama John Lee, bertempat di Grand Hyatt Shenzhen.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Ketua Eksekutif Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong telah bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan baik antara kedua-dua belah pihak, serta menegaskan semula komitmen untuk terus mengukuhkan hubungan dan meningkatkan kerjasama dalam bidang-bidang yang mempunyai kepentingan bersama, khususnya dalam sektor perdagangan, pelaburan, pelancongan dan pertukaran antara rakyat.

Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong menikmati hubungan dua hala yang mesra, yang didukung oleh kerjasama ekonomi, perundangan, serta hubungan sesama rakyat yang kukuh.

Kedua-dua belah pihak terus memperluaskan kerjasama dalam bidang perdagangan, perkhidmatan kewangan dan penyelesaian pertikaian, sambil bekerjasama rapat dalam kerangka APEC bagi memajukan kesalinghubungan serantau dan kemakmuran bersama.

NBD, REPUBLIK PERU TERUS MEMPERKUKUH HUBUNGAN PERSAHABATAN, KERJASAMA

SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Rabu, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala secara berasingan bersama Presiden Republik Peru, Puan Yang Terutama Keiko Fujimori bertempat di Grand Hyatt Shenzhen.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Semasa Majlis Perjumpaan tersebut, kedua-dua pemimpin menekankan kepentingan untuk terus memperkukuh hubungan persahabatan serta kerjasama yang terjalin antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Peru.

Sehubungan itu, kedua-dua pemimpin telah menyampaikan undangan untuk mengadakan lawatan timbal balik bagi meningkatkan interaksi peringkat tertinggi dan memperdalam lagi hubungan dua hala.

Puan Yang Terutama Presiden Republik Peru juga mempelawa NBD untuk meneroka peluang pelaburan di Republik Peru, dengan mengetengahkan potensi bagi kerjasama ekonomi yang lebih luas serta perkongsian yang saling menguntungkan dalam bidang-bidang yang menjadi kepentingan bersama.

NBD dan Republik Peru telah menjalinkan hubungan diplomatik pada 1 Jun 1990 dan terus menikmati hubungan persahabatan yang berlandaskan sikap saling menghormati.

Kedua-dua negara bekerjasama rapat dalam bidang perdagangan, pelaburan, dan tenaga. Hubungan ini turut diperkukuhkan lagi menerusi Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Peru pada November 2024.

Kedua-dua negara juga bekerjasama rapat melalui platform-platform serantau seperti APEC dan Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala secara berasingan bersama Presiden Republik Peru, Puan Yang Terutama Keiko Fujimori bertempat di Grand Hyatt Shenzhen. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda.

Berangkat tiba di Shenzhen, Republik Rakyat China

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Rabu, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat tiba di Shenzhen, Republik Rakyat China bagi menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC (AELM) Ke-33 yang akan berlangsung pada 18 hingga 19 November 2026.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Shenzhen Bao'an dijunjung oleh Chairman of Guangdong Provincial Committee of Chinese People's Political Consultative Conference, Tuan Yang Terutama Lin Keqing; Representative of the Government of the People's Republic of China, Tuan Yang Terutama Han Zhiqiang; dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Chen Shaochun.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Shenzhen, Republik Rakyat China bagi menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC (AELM) Ke-33 yang akan berlangsung pada 18 hingga 19 November 2026. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda.

Berangkat meninggalkan Republik Filipina

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Manila, Republik Filipina. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda (atas dan kanan).

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Selasa, 17 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Manila, Republik Filipina selepas menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 dan Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Ninoy Aquino bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Secretary of Transportation, The Honourable Vivencio "Vince" Bringas Dizon dan Pegawai Kanan Republik Filipina.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Megawati binti Dato Paduka Haji Manan berserta para pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Manila.



PELITA BRUNEI

BERANGKAT MENGHADIRI SIDANG KEMUNCAK KHAS ASEAN-AS

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas, Azmah Haji Ahad

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Selasa, 17 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama para Pemimpin ASEAN, malam tadi, bagi menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Amerika Syarikat (AS) dan seterusnya ke Majlis Santap Malam bagi meraikan Presiden AS, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Sidang Kemuncak tersebut yang diadakan di Hotel Solaire, Manila, dimulakan dengan ucapan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos. Jr.

Setelah Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS berakhir, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat bersama para Pemimpin ASEAN-AS menghadiri Majlis Santap Malam yang dihoskan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Republik Filipina bagi meraikan Tuan Yang Terutama Presiden AS.

Majlis tersebut turut menyaksikan ucapan daripada TYT Presiden Republik Filipina dan ucapan balas daripada TYT Presiden AS.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama para Pemimpin ASEAN bagi menghadiri Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Amerika Syarikat (AS) dan seterusnya ke Majlis Santap Malam bagi meraikan Presiden AS, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda (atas kanan dan atas kiri).

Kesalinghubungan digital, pembangunan bakat tempatan diperkasa

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman

SHENZHEN, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Rabu, 18 November. – Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam (NBD), pada hari ini berkenan menerima mengadap Corporate Senior Vice President and Huawei Vice Chairman of Subsidiaries Board Resource Bureau, Mr. Simon Lin Baifeng, di Grand Hyatt Shenzhen, Shenzhen, Republik Rakyat China.

Semasa perjumpaan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Mr. Simon Lin Baifeng membincangkan sumbangan Huawei terhadap pembangunan digital NBD sejak sekian lama, termasuk dalam memperkukuh infrastruktur telekomunikasi, meningkatkan kesalinghubungan digital serta menyokong pembangunan bakat tempatan, selaras dengan aspirasi Digital Brunei 2030.

Duli Yang Teramat Mulia dan Mr. Simon Lin Baifeng juga telah bertukar-tukar pandangan mengenai peluang untuk terus memperkukuh kerjasama dalam bidang teknologi baharu dan inovasi digital, termasuk potensi penggunaannya dalam pelbagai sektor serta inisiatif untuk meningkatkan keupayaan dan kepakaran tempatan.

Majlis Mengadap tersebut turut mengesahkan semula komitmen berterusan Huawei terhadap transformasi digital NBD serta membuka peluang untuk meneroka kerjasama pada masa hadapan dalam memajukan pembangunan teknologi negara.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Corporate Senior Vice President and Huawei Vice Chairman of Subsidiaries Board Resource Bureau, Mr. Simon Lin Baifeng.



MENGHARGAI 15 TAHUN PERJUANGAN YASKA MEMBANTU PESAKIT KANSER

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Sahrizal Haji Said



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah serta kerabat diraja berangkat menghadiri majlis tersebut.

MANGGIS, Jumaat, 20 November. – Yayasan Kanser Kanak-Kanak (YASKA) meraikan ulang tahun penubuhannya yang ke-15 menerusi satu majlis yang berlangsung di Hua Ho Manggis Ballroom hari ini, dengan menghimpunkan keluarga kanak-kanak penghidap kanser, bekas pesakit kanser, petugas kesihatan, penaja tempatan serta para penyokong yayasan berkenaan.

Berangkat pada majlis tersebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah serta kerabat diraja.

Juga hadir, Yang Mulia Datin Paduka Seri Hajah Mariam binti Abdul Aziz.

Hadir sama, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berserta isteri.

Sambutan tersebut diadakan bagi menghargai perjalanan dan komitmen YASKA selama 15 tahun dalam memberikan sokongan serta bantuan kepada kanak-kanak penghidap kanser dan keluarga mereka di Negara Brunei Darussalam.

Sejak penubuhannya, YASKA memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kanser kanak-kanak, di samping memberikan sokongan dan bantuan kepada kanak-kanak yang didiagnosis menghidap kanser serta keluarga mereka.

Sepanjang 15 tahun penubuhannya, pelbagai pencapaian telah diraih oleh YASKA, antaranya penganjuran acara kesedaran mengenai kanser kanak-kanak setiap tahun, pelaksanaan kem tahunan bagi bekas pesakit kanser atau *survivor*, penyertaan sebagai Ahli Children Cancer International Asia, pembukaan Pusat YASKA serta pembangunan laman sesawang rasmi yayasan berkenaan.

Selain itu, YASKA turut melaksanakan pelbagai inisiatif yang memberikan impak positif kepada kehidupan kanak-kanak penghidap kanser.

Antaranya termasuk usaha memperjuangkan penyediaan wad khusus bagi pesakit kanser kanak-kanak serta penempatan seorang guru dari Kementerian Pendidikan bagi mengendalikan kelas pembelajaran di wad berkenaan.

Usaha tersebut turut diperkukuh melalui penganjuran pelbagai aktiviti di wad dan Pusat YASKA, penyediaan pakej bantuan kepada kanak-kanak yang baru didiagnosis menghidap kanser serta merealisasikan hasrat atau impian kanak-anak.

YASKA juga memberikan peluang kepada bekas pesakit kanser untuk berkongsi pengalaman mereka di pentas antarabangsa dan menyertai kem kanser kanak-kanak di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-15 itu, Yang Mulia Datin Paduka Seri Hajah Mariam telah melancarkan permainan Monopoly edisi khas YASKA.

Menariknya, ilustrasi pada penutup kotak permainan berkenaan merupakan hasil lukisan yang dihadiahkan kepada YASKA oleh Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Permainan berkenaan turut memuatkan satu pesanan yang ditulis oleh Al-Marhum kepada Children Cancer International pada 2015.

Monopoly edisi khas YASKA berkenaan merupakan permainan papan berunsur pendidikan yang membawa pemain menelusuri perjalanan kehidupan seorang kanak-kanak yang menghidap kanser, bermula daripada peringkat diagnosis dan rawatan, menghadapi pelbagai cabaran sepanjang menjalani rawatan di hospital, sehinggalah kepada harapan untuk sembuh.

Setiap langkah dalam permainan tersebut memberikan gambaran tentang pengalaman yang mungkin dilalui oleh kanak-kanak penghidap kanser dan keluarga mereka.

Inisiatif berkenaan bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai penyakit kanser kanak-kanak, malah memupuk pemahaman dan keprihatinan terhadap cabaran yang dihadapi oleh mereka yang terkesan.

Sambutan Ulang Tahun Ke-15 tersebut juga menjadi wadah untuk menghargai semua pihak yang selama ini memberikan sokongan dan bantuan kepada kanak-kanak penghidap kanser serta keluarga mereka, khususnya ketika berhadapan dengan pelbagai cabaran sepanjang tempoh rawatan.

Setiap sumbangan, sama ada dalam bentuk kewangan, khidmat sukarela, usaha advokasi mahupun keprihatinan masyarakat, memainkan peranan penting dalam meringankan beban keluarga yang terjejas akibat penyakit berkenaan.

Melangkah ke hadapan, YASKA berharap agar masyarakat akan terus berganding bahu dan memberikan sokongan berterusan kepada kanak-kanak penghidap kanser serta keluarga mereka.

Hasrat tersebut selaras dengan pegangan yayasan berkenaan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai nilai dan kepentingan tersendiri, setiap keluarga berhak menerima sokongan, dan setiap tindakan kebaikan mampu membawa perubahan yang bermakna dalam kehidupan mereka.



DELEGASI Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diketuai oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

Kepentingan perpaduan, peranan ASEAN dalam memelihara keamanan, kestabilan serantau

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

MANILA, Khamis, 19 November. - Keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat ASEAN menjadi tumpuan Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Ke-47 yang berlangsung di Makati Shangri-La, Manila, Republik Filipina dari 16 hingga 22 November 2026.

Dengan bertemakan 'Parliaments Securing a Peaceful, Prosperous and People-Centred ASEAN', perhimpunan tahunan ini telah menghimpunkan delegasi Parlimen Ahli AIPA, Parlimen Pemerhati dan rakan-rakan pembangunan AIPA bagi memperkukuh kerjasama serantau.

Delegasi Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diketuai oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib bersama Ahli-ahli MMN.

Delegasi turut disertai oleh Jurutulis MMN serta pegawai-pegawai urus setia.

Sempena perhimpunan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Titah Perutusan.

Dalam titah tersebut, baginda menekankan kepentingan perpaduan serta peranan utama ASEAN dalam memelihara keamanan dan kestabilan serantau melalui dialog, multilateralisme dan undang-undang antarabangsa.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menggariskan kepentingan ASEAN Community Vision 2045 sebagai hala tuju ke arah sebuah rantau yang berdaya tahan, inovatif dan berpaksikan rakyat. Penekanan diberikan kepada pembangunan yang inklusif dan mampan, keselamatan makanan, daya tahan tenaga serta perubahan iklim.

Selain itu, baginda menegaskan peranan parlimen dalam menterjemahkan aspirasi serantau kepada hasil yang bermakna di peringkat kebangsaan. Baginda juga menyeru agar kerjasama ASEAN-AIPA diperkukuh, khususnya melalui ASEAN-AIPA Leaders' Interface, selaras dengan komitmen Negara Brunei Darussalam terhadap keamanan, persahabatan dan kerjasama antarabangsa.

Perhimpunan Agung AIPA Ke-47 telah dirasmikan pada 18 November 2026 oleh Yang Di-Pertua Dewan Perwakilan Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Faustino "Bojie" G. Dy III, selaku Presiden AIPA.

Ucapan turut disampaikan oleh Presiden Senat Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Sherwin T. Gatchalian dan Setiausaha Agung AIPA, Tuan Yang Terutama Dr. Chem Widhya.

Majlis Pembukaan Rasmi tersebut antara lain memberi tumpuan kepada cabaran ekonomi dan perkembangan teknologi digital, termasuk keselamatan siber serta perlindungan dan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI).

Kerjasama antara parlimen turut diberi penekanan bagi memperkukuh perlindungan pengguna, memastikan manfaat pertumbuhan ekonomi dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat, serta meningkatkan penyertaan wanita dan golongan muda dalam pembangunan serantau.

Sidang Plenari Pertama menyaksikan penerimaan Parlimen Kebangsaan Republik Demokratik Timor-Leste sebagai Parlimen Ahli AIPA Ke-11, sekali gus melengkapkan keanggotaan AIPA dengan penyertaan parlimen daripada kesemua 11 negara anggota ASEAN.

Dalam Kenyataan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN menekankan kepentingan perpaduan serta peranan utama ASEAN dalam pelaksanaan ASEAN Community Vision 2045.

Yang Berhormat turut menegaskan tanggungjawab parlimen dalam menterjemahkan aspirasi rakyat dan serantau kepada tindakan di peringkat kebangsaan.

Yang Di-Pertua MMN menggariskan bahawa kemakmuran serantau merangkumi kesejahteraan rakyat, keterangkuman sosial dan pembangunan mampan. Selain itu, ia turut merangkumi pertumbuhan ekonomi serta usaha menangani keselamatan makanan dan tenaga, kelestarian alam sekitar dan perubahan iklim.

Seterusnya, Yang Di-Pertua MMN menekankan kepentingan diplomasi antara parlimen dalam membina kepercayaan dan persefahaman, di samping menegaskan komitmen negara terhadap keamanan, persahabatan, kerjasama, multilateralisme dan undang-undang antarabangsa.

Menjelang Majlis Pembukaan Rasmi, beberapa mesyuarat dan forum telah berlangsung pada 17 November 2026 dengan penyertaan delegasi MMN.

Antaranya termasuk Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif AIPA, Sesi Perbincangan Komiti Ahli Parlimen Muda AIPA (YPA) dan Forum Pemimpin Politik Wanita AIPA (WAIPA). Tumpuan perbincangan merangkumi cadangan keanggotaan Timor-Leste, kerjasama serantau, perubahan iklim serta peranan ahli parlimen wanita dan belia.

Perhimpunan Agung AIPA Ke-47 diteruskan dengan mesyuarat-mesyuarat komiti bagi membincangkan cadangan resolusi dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan organisasi.

PELITA BRUNEI

MEMPERLUAS HUBUNGAN DUA HALA MELALUI KERJASAMA ANTARA PARLIMEN

Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat
Foto : Urus Setia Majlis Mesyuarat Negara, Ihsan Kongres Republik Filipina

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Jumaat, 20 November. – Hubungan antara parlimen, kerjasama serta usaha memperluas hubungan dua hala menjadi antara tumpuan beberapa pertemuan delegasi Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersama pemimpin parlimen negara-negara sahabat sempena Perhimpunan Agung ASEAN Inter Parliamentary Assembly (AIPA) Ke-47 yang berlangsung pada 16 hingga 22 November 2026 di Manila, Republik Filipina.

Bersempena Perhimpunan Agung AIPA Ke-47, Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib serta ketua-ketua delegasi Parlimen Ahli AIPA telah mengadakan kunjungan hormat bersama Yang Di-Pertua Dewan Perwakilan Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Faustino "Bojie" G. Dy III, selaku Presiden AIPA.

Dalam pertemuan tersebut, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN menyatakan sokongan penuh MMN terhadap usaha Republik Filipina dalam memperkukuh kerjasama antara parlimen serantau, serta merakamkan penghargaan atas kepimpinan dan usaha negara tuan rumah dalam menjayakan Perhimpunan Agung AIPA Ke-47.

Pertemuan turut menyentuh kepentingan mempererat hubungan kerja antara Parlimen Ahli AIPA serta kesinambungan kerjasama menjelang Perhimpunan Agung AIPA Ke-48 yang akan dihoskan oleh Republik Singapura pada 2027.

Hubungan persahabatan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Demokratik Rakyat Lao serta peluang memperluas kerjasama ekonomi menjadi tumpuan pertemuan Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN bersama Presiden Perhimpunan Kebangsaan Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Sonexay Siphandone.

Kedua-dua pihak menghargai hubungan erat yang terjalin antara kedua-dua buah negara, termasuk hubungan antara institusi perundangan dan pertukaran lawatan di peringkat kepimpinan. Pertemuan turut menyentuh mengenai hubungan dua hala yang diperkukuh melalui perkongsian strategik (Strategic Partnership) sejak 2023.

Dalam bidang ekonomi, perbincangan meliputi peluang kerjasama perdagangan dan pelaburan khususnya dalam sektor pertanian dan tenaga usaha serta meneroka peluang perdagangan dan kerjasama dalam sektor minyak dan gas.

Dalam pertemuan bersama Presiden Perhimpunan Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Thanh Man; Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN menzahirkan penghargaan terhadap hubungan persahabatan yang terus berkembang antara kedua-dua buah negara, termasuk pertukaran lawatan peringkat tertinggi dan kerjasama kukuh melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Perkongsian Komprehensif Brunei Darussalam – Viet Nam 2023 – 2027 (Brunei Darussalam – Vietnam Comprehensive Partnership 2023–2027 Action programme).

Kedua-dua belah pihak turut membincangkan usaha mempererat hubungan antara parlimen melalui pertukaran lawatan dan kerjasama dalam AIPA, di samping meneroka peluang perdagangan, pelaburan dan kerjasama dalam industri halal.

Hubungan persahabatan dan kerjasama erat antara NBD dan Republik Singapura turut menjadi tumpuan pertemuan dua hala Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN bersama Yang Di-Pertua Parlimen Republik Singapura, Yang Berhormat Seah Kian Peng.

Pertemuan tersebut turut menyentuh kerjasama antara kedua-dua parlimen melalui AIPA serta kepentingan meneruskan hubungan erat antara institusi perundangan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN turut menyampaikan sokongan kepada Republik Singapura yang akan menjadi tuan rumah Perhimpunan Agung AIPA Ke-48 pada 2027.



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara semasa menerima kunjungan hormat bersama Yang Di-Pertua Dewan Perwakilan Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Faustino "Bojie" G. Dy III, selaku Presiden AIPA.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN turut berkesempatan mengadakan pertemuan bersama Timbalan Yang Di-Pertua II, Dewan Perwakilan Kerajaan Bahrain, Tuan Yang Terutama Ahmed Abdulwahed, semasa Perhimpunan Agung AIPA Ke-47.

Kedua-dua belah pihak turut menyatakan hasrat untuk terus mempererat hubungan persahabatan antara kedua-dua buah negara, termasuk melalui kerjasama antara institusi perundangan.

Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof juga telah mengadakan mesyuarat dua hala bersama delegasi Norway yang diketuai oleh Pengerusi Asia - Europe Parliamentary Partnership (ASEP) and ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA), Parlimen Norway, Yang Berhormat Tellef Inge Mørland.

Perbincangan menyentuh mengenai perkembangan industri minyak dan gas, tenaga boleh diperbaharui (renewable energies) serta cabaran keselamatan dan kemampanan tenaga. Kedua-dua belah pihak turut bertukar pandangan mengenai perkembangan geopolitik antarabangsa, kesaksamaan gender dan kepentingan kerjasama antara parlimen dalam menangani cabaran bersama.

Kerjasama, perkongsian amalan terbaik pelbagai bidang dipertingkat



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika berucap.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

REPUBLIK SINGAPURA, Jumaat, 20 November. – Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, mengakhiri lawatan kerja rasmi ke Republik Singapura yang berlangsung dari 16 hingga 20 November 2026.

Sepanjang lawatan berkenaan, Yang Berhormat mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Persidangan Keluarga Asia 2026 (Asian Family Conference 2026), di samping mengadakan beberapa pertemuan dua hala dan lawatan ke institusi-institusi berkaitan bagi memperkukuh kerjasama serta bertukar-tukar amalan terbaik dalam bidang pembangunan keluarga, pemerkasa belia, sukan dan keterangkuman sosial.

Persidangan Keluarga Asia 2026 yang berlangsung pada 17 hingga 18 November 2026 dengan tema 'Memperkasa Keluarga, Membina Kesejahteraan Kanak-Kanak' (Empowering Families, Thriving Children) dianjurkan bersama oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga Singapura dan Singapore University of Social Sciences.

Persidangan tersebut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Menteri Penyelaras bagi Dasar Sosial dan Menteri Kesihatan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Ong Ye Kung.

Persidangan berkenaan menghimpunkan lebih 500 penggubal dasar, penyelidik dan pengamal dari seluruh rantau ini bagi bertukar-tukar pandangan serta meneroka pendekatan kerjasama dalam memperkukuh daya tahan keluarga dan kesejahteraan kanak-kanak.

Semasa persidangan tersebut, Yang Berhormat turut diraikan oleh Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli.

Persidangan berkenaan juga menyaksikan pelancaran laporan sulung State of ASEAN Families Report 2026 oleh Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli, yang mengetengahkan perkembangan dan perubahan trend kekeluargaan di seluruh ASEAN, sekali gus menggariskan kepentingan dasar berasaskan bukti serta kerjasama serantau dalam memperkukuh daya tahan keluarga.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan turut menyertai Sesi Plenari bertajuk 'Pendekatan Negara dalam Memperkukuh Kanak-Kanak dan Keluarga' (National Approaches on Strengthening Children and Families) sebagai salah seorang ahli panel, bersama-sama Minister of Family and Social Services of the Republic of Türkiye, Her Excellency Mahinur Özdemir Gökta.

Sesi tersebut dikendalikan oleh Timbalan Setiausaha (Keluarga dan Rakan Kerjasama), Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga Republik Singapura, Esa Masood.

Dalam sesi berkenaan, Yang Berhormat mengetengahkan usaha NBD dalam memperkukuh institusi keluarga bagi menyokong Wawasan Brunei 2035, berpandukan Pelan Induk Sosial Kebangsaan (National Social Blueprint).

Yang Berhormat turut menggariskan Pelan Tindakan Institusi Keluarga 2025-2029 yang berteraskan nilai-nilai kekeluargaan 'SaTu HaraPan', iaitu Kasih Sayang, Tanggungjawab, Hormat - Menghormati dan Keprihatinan.

Selain itu, Yang Berhormat turut menekankan kepentingan memastikan kesejahteraan kanak-kanak sentiasa terpelihara serta memperkasa keluarga yang memerlukan melalui kerangka perlindungan kanak-kanak, Sistem Kebajikan Negara (SKN), bantuan sosial bersasar dan inisiatif pembangunan kemahiran.

Usaha-usaha berkenaan mencerminkan komitmen NBD dalam memperkukuh daya tahan keluarga serta membina sebuah masyarakat inklusif yang memastikan tiada golongan yang terpinggir.

Pada 17 November 2026, Yang Berhormat mengadakan pertemuan dua hala bersama Menteri Kebudayaan, Kemasyarakatan dan Belia Republik Singapura, Tuan Yang Terutama David Neo, bertempat di Kementerian Kebudayaan, Kemasyarakatan dan Belia.

Kedua-dua menteri mengesahkan semula hubungan dua hala yang erat dan sekian lama terjalin antara NBD dan Republik Singapura, di samping bertukar - tukar pandangan mengenai peluang untuk memperluas dan memperkukuh kerjasama, khususnya dalam bidang pembangunan belia, sains sukan serta bidang-bidang lain yang mempunyai kepentingan bersama.

Sejurus selepas pertemuan dua hala tersebut, Yang Berhormat mengadakan lawatan ke Sport Singapore dan The Kallang. Semasa lawatan berkenaan, delegasi telah diberikan taklimat mengenai pendekatan Republik Singapura dalam pembangunan sukan masyarakat dan sukan berprestasi tinggi, pengenalpastian bakat serta laluan pembangunan atlet.

Lawatan tersebut turut merangkumi tinjauan ke Institut Sukan Prestasi Tinggi (High Performance Sport Institute - HPSI) dan Stadium Nasional, yang memberikan pendedahan mengenai penerapan sains sukan, perubatan sukan dan biomekanik dalam menyokong prestasi serta pembangunan atlet.

Lawatan berkenaan memberikan perspektif dan perkongsian pengalaman yang bermanfaat bagi memperkukuh ekosistem pembangunan sukan NBD serta mencapai kecemerlangan sukan secara berterusan dalam jangka panjang.

Manakala pada 19 November 2026, Yang Berhormat meneruskan lawatan kerja ke Our Tampines Hub yang menjadi tuan rumah kepada lawatan berkenaan dan dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli.

Lawatan tersebut memberikan gambaran mengenai pendekatan bersepadu Republik Singapura dalam pembangunan masyarakat melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan sukan, rekreasi, kebudayaan dan sosial di bawah satu ruang komuniti, yang disokong oleh perancangan terselaras, penyelarasan antara agensi serta tadbir urus yang berkesan.

Yang Berhormat juga mengadakan lawatan ke Enabling Village, dengan delegasi berpeluang meneliti pelbagai inisiatif yang menggalakkan keterangkuman golongan kurang upaya, kemudahan akses, pembangunan kemahiran serta sokongan pekerjaan bagi golongan berkenaan.

Kedua - dua lawatan tersebut memberikan perspektif yang bermanfaat mengenai penyampaian perkhidmatan secara bersepadu dan pembangunan komuniti yang inklusif, sekali gus menawarkan pengalaman serta pengajaran yang boleh dijadikan panduan dalam merangka dan menambah baik inisiatif-inisiatif berkaitan di NBD.

Lawatan kerja rasmi tersebut mengukuhkan lagi hubungan dua hala yang erat antara NBD dan Republik Singapura, di samping mengetengahkan peluang untuk meneruskan kerjasama dan perkongsian ilmu dalam memperkukuh daya tahan keluarga, pembangunan belia, kecemerlangan sukan serta keterangkuman sosial.

Yang Berhormat semasa lawatan berkenaan turut diiringi oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman; serta pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan.

BIBD MEGA KARNIVAL 2026 : PERKASA PERUSAHAAN TEMPATAN, PACU PEMBANGUNAN NBD



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 November. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengadakan BIBD Mega Karnival 2026 – Siuk Bah! selama lima hari di Taman Mahkota Jubli Emas, yang menawarkan pengalaman baharu, pelancaran produk, peluang perniagaan, ganjaran, serta pelbagai aktiviti untuk masyarakat sepanjang lima hari acara berlangsung.

Pembukaan rasmi BIBD Mega Karnival 2026 – Siuk Bah! berkenaan dirasmikan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Kumpulan BIBD.

Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Badan Penasihat Syariah BIBD, Setiausaha-setiausaha Tetap dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), serta pihak pengurusan kanan dan pegawai-pegawai BIBD.

Kini memasuki tahun ketiga, BIBD Mega Karnival kembali dengan pengalaman yang lebih hebat, menghimpunkan para pelanggan, keluarga, perniagaan, dan masyarakat di tengah-tengah Bandar Seri Begawan (BSB), di ibu negara.

Pada tahun ini, para pengunjung berpeluang merasai pengalaman dunia di satu lokasi, melalui zon-zon bertema yang diinspirasikan oleh Asia, Eropah, Timur Tengah, Afrika, dan benua Amerika.

Sepanjang lima hari tersebut, pelbagai tawaran makanan, pengalaman membeli - belah, budaya, hiburan, dan aktiviti interaktif akan disajikan di tengah-tengah BSB. Karnival berkenaan turut menawarkan hadiah bernilai lebih BND300,000, di samping kempen-kempen BIBD, aktiviti kekeluargaan, dan peluang untuk memenangi pelbagai hadiah menarik.

Para pengunjung boleh menyertai 'BMK Redemption', iaitu satu pengalaman kupon digital yang berkonsepkan 'Bayar, Imbas, Putar dan Menang!', dengan pembelian yang layak di vendor-vendor yang mengambil bahagian dalam memberikan pelanggan lebih banyak peluang untuk menikmati ganjaran.

Bukan itu saja, pertunjukan dron istimewa pada Sabtu, 21 November ini, bakal menjadi satu lagi acara kemuncak dalam sambutan selama lima hari tersebut.

Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah, berkata BIBD Mega Karnival bertujuan untuk mewujudkan nilai yang melangkaui perbankan. Ia menghimpunkan para pelanggan, perniagaan, dan komuniti kita, di samping memberi peluang kepada mereka untuk memperkenalkan penyelesaian yang memenuhi keperluan gaya hidup, cara perjalanan, dan amalan perniagaan masa kini.

Melalui inisiatif seperti Kad Aman dan Akademi MSME BIBD, mereka berhasrat untuk menjadikan penyelesaian kewangan lebih mudah diakses, sambil membantu perniagaan tempatan membina asas yang lebih kukuh untuk pertumbuhan. Ini mencerminkan komitmen menyeluruh BIBD untuk menjadi Rakan Kemajuan (Partner in Progress) bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) dan rakyatnya.

Komitmen untuk memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berubah tersebut terserlah melalui salah satu pelancaran utama karnival berkenaan, iaitu Program Kad Aman BIBD. BIBD dengan bangganya memperkenalkan dua tambahan menarik bagi kad kredit di bawah Program Kad Aman BIBD, iaitu BIBD Aman Visa Platinum dan BIBD Aman Platinum Mastercard.

Lebih daripada sekadar kad kredit, Aman melambangkan janji ketenangan fikiran, membolehkan pelanggan mengembara dengan penuh keyakinan, meneroka pengalaman baharu, dan menikmati setiap perjalanan dengan jaminan yang lebih baik. Diinspirasikan oleh maksud 'Aman' yang membawa erti ketenangan fikiran, Kad Aman BIBD menandakan satu lembaran baharu dalam komitmen BIBD untuk menyediakan pengalaman perbankan yang inovatif, mudah diakses, dan bermanfaat.

Sebagai program kad kredit pertama BIBD yang tertumpu kepada perjalanan, Aman direka khusus untuk menawarkan keyakinan, kemudahan, dan keselesaan yang lebih besar kepada pelanggan sepanjang perjalanan mereka. Ia juga menggabungkan keistimewaan perjalanan premium, ganjaran gaya hidup, dan perlindungan Takaful yang komprehensif dalam satu tawaran yang menyeluruh.

Selain menetapkan penanda aras baharu bagi inovasi dalam landskap pembayaran di NBD, Kad Aman memperkenalkan kad kredit pertama seumpamanya di NBD yang dilengkapi dengan lampu Light-Emitting Diode (LED) terbina dalam, yang akan menyala pada setiap transaksi tanpa sentuh (*contactless*). Inovasi unik tersebut mengubah urusan pembayaran harian menjadi satu pengalaman istimewa, sekali gus mengukuhkan komitmen BIBD untuk membawakan penyelesaian perbankan yang inovatif dan berorientasikan pelanggan ke pasaran.

Dengan had kredit bermula daripada BND2,000 berbanding had minimum BND4,000 yang lazimnya dikaitkan dengan kad kredit Platinum BIBD yang lain, Aman menjadikan keistimewaan perjalanan Platinum lebih mudah diakses oleh segmen pelanggan yang lebih luas.

Ini membolehkan lebih ramai pelanggan meneroka destinasi baharu, menikmati kemudahan yang lebih baik, serta merasai pengalaman perjalanan yang lebih bermakna. Pemegang kad bakal menikmati pengalaman perjalanan yang lancar dengan empat kunjungan percuma ke ruang istirahat lapangan terbang setiap tahun, elaun bagasi tambahan pada syarikat penerbangan terpilih, serta perlindungan Takaful yang komprehensif dengan merangkumi perlindungan Kemalangan Diri, Takaful Musafir, dan Perlindungan Pembelian.

Bagi memberikan nilai tambah yang lebih besar, pemegang kad juga boleh menikmati kadar penukaran istimewa apabila menukarkan Mata Ganjaran (Hadiah Points) kepada Royal Skies Miles, KrisFlyer Miles, dan AirAsia Points, sekali gus membuka peluang untuk mendapatkan nilai yang lebih tinggi bagi perjalanan mereka pada masa hadapan.

Selain reka bentuknya yang inovatif, pemegang kad Aman juga boleh menikmati tawaran dan diskaun eksklusif di seluruh dunia melalui Visa dan Mastercard, di samping keistimewaan perjalanan serta perlindungan Takaful komprehensif yang direka untuk memberikan ketenangan fikiran terhadap kejadian yang tidak dijangka.

Permohonan dibuka mulai 18 November 2026, selepas pelancaran rasmi di BIBD Mega Karnival. Pelanggan boleh menikmati pengecualian yuran tahunan selama lima tahun dan menerima tiga penyertaan dalam Aspirasi+; 50 pemohon pertama yang berjaya pula akan menerima cenderamata eksklusif Aman Travel. Tertakluk pada terma dan syarat.

Begitu juga dengan Akademi MSME BIBD yang merupakan program pembangunan perniagaan berstruktur yang ditujukan untuk usahawan serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan kerajaan yang berkaitan, Akademi berkenaan menggabungkan kepakaran kewangan dan perniagaan BIBD dengan usaha yang lebih luas untuk menyokong pembangunan perusahaan di negara ini.

Matlamatnya adalah untuk membekalkan usahawan dengan pengetahuan praktikal dan peralatan yang dapat membantu mereka membuat keputusan yang lebih baik, mengukuhkan perniagaan, serta bersedia untuk pertumbuhan yang mampan. Akademi tersebut memahami bahawa setiap perniagaan berada pada peringkat perjalanan yang berbeza, justeru memerlukan sokongan yang bersesuaian dengan keperluan dan aspirasi khusus mereka.

Oleh itu, laluan 'Foundation' (Asas) disediakan untuk individu yang mempunyai idea perniagaan, perniagaan berasaskan rumah, perniagaan mikro, perniagaan di peringkat awal, atau perniagaan yang telah matang yang ingin melakukan penilaian menyeluruh terhadap perniagaan mereka.

Laluan 'Growth' (Pertumbuhan) pula ditujukan bagi perniagaan yang telah mempunyai asas yang kukuh dan bersedia untuk memperkuat operasi serta berkembang lebih jauh, manakala laluan 'Expansion' (Pengembangan) menyokong perniagaan yang menyasarkan pasaran, produk, cawangan, atau saluran perniagaan baharu.

Sebanyak 10 pengambilan dirancang sepanjang 2027, yang merangkumi lima sesi 'Foundation', iaitu tiga sesi 'Growth', dan dua sesi 'Expansion'. Setiap pengambilan boleh menampung sehingga 50 peserta. Satu pengambilan 'Foundation' dalam bahasa Melayu turut dirancang khusus untuk peserta terpilih daripada program '1 Kampung 1 Produk' (1K1P), sekali gus memperkukuh hubungan antara akademi tersebut dengan usaha nasional dalam menyokong usahawan tempatan serta perniagaan berasaskan komuniti.

Fokus utama program tersebut adalah bersifat praktikal. Para peserta akan menumpukan perhatian kepada perniagaan mereka sendiri, dengan menggunakan rangka kerja berpandu untuk meneliti aspek pelanggan, kewangan, operasi, peluang pertumbuhan, dan hala tuju masa depan.

Menjelang akhir program, setiap perniagaan akan menghasilkan kertas strategi praktikal atau pelan tindakan sendiri sebagai panduan bagi peringkat pembangunan seterusnya. Akademi tersebut juga akan menggalakkan usaha formalisasi dan pendigitalan yang lebih meluas.



PEMBUKAAN rasmi BIBD Mega Karnival 2026 – Siuk Bah! berkenaan dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (atas dan kiri).

Para peserta akan diperkenalkan dengan penyelesaian perniagaan BIBD, termasuk Akaun MSME BIBD, QuickPay, dan BizNet, serta boleh dirujuk kepada Pengurus Perhubungan (Relationship Manager) untuk pertimbangan pembiayaan, sekiranya bersesuaian. Pendaftaran dibuka semasa acara BIBD Mega Karnival melalui reruai Bahagian MSME BIBD.

Sementara itu, pembukaan Mega Karnival berkenaan turut menandakan satu bab baharu bagi BIBD At-Tamwil Berhad, yang memperkenalkan logo korporat serta identiti jenama yang telah disegarkan. Identiti baharu tersebut telah dilancarkan secara rasmi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Kumpulan BIBD.

Dengan menampilkan slogan baharu, 'Where Smart Financing Begins', identiti yang diperbaharui tersebut mencerminkan transformasi berterusan BIBD At-Tamwil ke arah menjadi sebuah institusi kewangan yang lebih moden, berorientasikan pelanggan, dan dipacu oleh teknologi digital, di samping mengekalkan hubungan yang kukuh dengan Kumpulan BIBD secara keseluruhan.

Sehubungan itu, BIBD menjemput orang ramai untuk hadir bersama keluarga dan rakan-rakan bagi meneroka pengalaman baharu, menyokong perniagaan tempatan, serta memeriahkan BIBD Mega Karnival 2026 – Siuk Bah!, yang akan berlangsung dari 18 hingga 22 November 2026 di Taman Mahkota Jubli Emas.

Lebih penting lagi, karnival berkenaan mencerminkan peranan BIBD sebagai 'Rakan dalam Kemajuan' (Partner in Progress), dengan memanfaatkan platform dan perkongsiannya untuk menyatukan orang ramai, memperkukuh perusahaan tempatan, serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial jangka panjang NBD.



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa meninjau beberapa zon vendor-vendor yang mengambil bahagian.

PELITA BRUNEI

ISU SERANTAU JADI TUMPUAN MESYUARAT 15TH ASEAN-AIPA LEADERS' INTERFACE

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Rabu, 18 November. – Keterjaminan makanan dan tenaga, jenayah rentas sempadan, ekonomi digital serta perubahan iklim menjadi antara tumpuan Mesyuarat 15th ASEAN-AIPA Leaders' Interface yang berlangsung di Philippine International Convention Centre (PICC), Manila, bersempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49.



MESYUARAT tersebut menghimpunkan Ketua-ketua Negara dan Kerajaan, serta wakil-wakil anggota ASEAN, bersama Ketua-ketua Delegasi Parlimen Negara-negara Ahli ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA), termasuk Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) selaku Ketua Delegasi MMN (atas dan bawah).



Mesyuarat tersebut menghimpunkan Ketua-ketua Negara dan Kerajaan, serta wakil-wakil anggota ASEAN, bersama Ketua-ketua Delegasi Parlimen Negara-negara Ahli ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA), termasuk Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, selaku Ketua Delegasi MMN.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr., selaku Pengerusi ASEAN 2026, menekankan kepentingan kerjasama antara kerajaan dan parlimen dalam menterjemahkan komitmen serantau kepada tindakan yang memberikan manfaat kepada rakyat, khususnya melalui perundangan, peruntukan belanjawan dan pengawasan parlimen.

Sementara itu, Yang Di-Pertua Dewan Perwakilan Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Faustino "Bojie" G. Dy III, selaku Presiden ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA), telah menyampaikan Mesej AIPA yang menggariskan keutamaan terhadap keterjaminan makanan dan tenaga, kerjasama maritim, keselamatan siber serta pembangunan ekonomi digital yang inklusif.

Mesej tersebut turut menekankan perlindungan golongan rentan dan penglibatan parlimen dalam pelaksanaan agenda serantau.

Hasil Mesyuarat 15th ASEAN-AIPA Leaders' Interface akan turut dibentangkan pada Perhimpunan Agung AIPA Ke-47 yang berlangsung pada 16 hingga 22 November 2026, di Manila, Republik Filipina.

HALUAN

>> Muka 2

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Shell LiveWire Brunei, serta rakan-rakan kongsi, mentor dan para hakim, atas komitmen berterusan mereka dalam membangunkan keusahawanan di NBD sepanjang 25 tahun yang lalu. Sokongan awda telah membantu membekalkan para usahawan kita dengan pengetahuan, pendedahan dan keyakinan yang diperlukan untuk memajukan perniagaan mereka.

Kepada semua calon dan finalis, sekali lagi tahniah diucapkan. Walau apa pun keputusannya hari ini, saya menggalakkan awda untuk melihat pengiktirafan ini bukan sebagai pengakhiran perjalanan awda, sebaliknya sebagai satu lagi langkah penting ke hadapan. Manfaatkan platform ini untuk mengukuhkan jaringan, meneroka peluang baharu dan terus membina perniagaan yang lebih mantap. Saya mendoakan kejayaan buat awda semua dalam perjalanan seterusnya. Semoga pencapaian awda menjadi inspirasi kepada generasi usahawan akan datang dan, secara bersama, menyumbang ke arah ekonomi yang lebih kukuh, pelbagai dan berdaya tahan.

Terima kasih.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Majlis Penghargaan, Doa Kesyukuran bagi penerima Biasiswa KHEU

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

GADONG, Khamis, 19 November. - Seramai 10 orang graduan penerima Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) peringkat Ijazah Sarjana Muda yang berjaya menamatkan pengajian pada tahun ini diraikan dalam Majlis Penghargaan dan Doa Kesyukuran yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar serta Pegawai-pegawai Kanan KHEU.

Atur cara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Mohammad Aimaduddin bin Alias, diikuti dengan penyampaian inti sari ayat oleh Awang Muhamad Haziq Amiruddin bin Mohamad Ali dan Awang Mohammad Syahmi Syamini bin Mohammad Ali.

Ketiga-tiga mereka merupakan sebahagian daripada graduan yang diraikan dalam majlis berkenaan.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil, selaku Pengerusi Majlis diikuti dengan ucapan daripada Dayang Fatin Nadhirah binti Shari yang mewakili para graduan.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya bergambar ramai bersama para penerima biasiswa tersebut.

Acara kemuncak majlis menyaksikan penyampaian sijil dan hadiah penghargaan kepada para graduan yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran.

Penganjuran majlis ini merupakan salah satu inisiatif dalam mendukung Rancangan Strategik KHEU 2025 - 2029, selaras dengan Matlamat Pertama Wawasan Brunei 2035, iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Majlis diadakan sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kejayaan para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi, sama ada di dalam mahupun di luar negara.

5 QARI, 6 QARIAH BERJAYA KE PERINGKAT AKHIR MUSABAQAH

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 November. - Seramai 11 peserta yang terdiri daripada lima qari dan enam qariah telah berjaya melayakkan diri ke Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1448 Hijrah / 2027 Masihi.

Lima qari berkenaan ialah Awang Ahmad Rafiq Azzawani bin Haji Muhammad Zainul Arifin Lubis; Awang Abdul Muin bin Haji Abdul Hamid; Awang Mohammad Amirul Ariffin bin Haji Noraidi; Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abd. Rajid dan Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki.

Sementara enam peserta akhir qariah terdiri daripada Dayang Irfah Mazidah Lubis binti Haji Muhammad Zainul Arifin Lubis; Dayang Nurhaneyah binti Nordin; Dayang Hajah Fatinah binti Haji Abd. Wahab; Dayang Nur Amal Atiqah@Aida binti Haji Sudirman; Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat dan Dayangku Alya Syahirah binti Pengiran Haji Jofri.

Mereka merupakan peserta yang berjaya mara setelah bertanding dalam Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1448H / 2027M yang diadakan selama tiga hari berturut-turut mulai Isnin hingga Rabu, 6 hingga 8 Jamadilakhir 1448H bersamaan 16 hingga 18 November 2026M bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan seterusnya menyampaikan hadiah dan cenderamata kepada para peserta dan hakim musabaqah.

Terdahulu, Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Aziman bin Awang Haji Zaman yang juga selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penyelanggara Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1448H / 2027M dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa musabaqah yang diadakan itu merupakan anjuran bersama Bahagian Kemajuan Syiar Islam dan Jabatan Pentadbiran sebagai usaha mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memupuk minat dan kecintaan masyarakat khasnya umat Islam dan golongan belia terhadap Al-Quran.

Melalui musabaqah ini juga, jelasnya, dapat menyemarakkan semangat anak bangsa agar terus menghidupkan generasi Al-Quran dan menggalakkan penglibatan dalam bidang seni bacaan Al-Quran bagi melahirkan qari dan qariah yang berkualiti, berilmu serta berpotensi tinggi sebagai pelapis dan mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Musabaqah Membaca Al-Quran di peringkat antarabangsa.

"Alhamdulillah, musabaqah ini telah berlangsung selama tiga hari mulai 16 hingga 18 November 2026. Seramai 79 peserta qari dan qariah, masing-masing telah memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dengan tartil dan bertarannum.

"Tahniah diucapkan kepada semua peserta yang telah mempersembahkan bacaan terbaik masing - masing. Seperti tahun-tahun sebelumnya, orang ramai juga berpeluang untuk menyaksikan musabaqah ini secara langsung melalui platform di media sosial iaitu Instagram rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama," tambahnya lagi.

Sementara itu, Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, selaku Pengerusi Jemaah Hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1448H / 2027M semasa menyampaikan pengumuman keputusan musabaqah antara lain merumuskan, hasil dari penilaian dan pengamatan para jemaah hakim bersepakat dapat mengkategorikan peserta seperti berikut iaitu peserta yang dapat meningkatkan perolehan markah di peringkat separuh akhir; peserta yang konsisten dengan perolehan markah di peringkat saringan dan peserta yang perolehan markahnya menurun di peringkat separuh akhir.

Jelasnya lagi, para jemaah hakim secara keseluruhannya kualiti persembahan tilawah peserta pada tahun ini ada peningkatan khususnya peserta qari dan jemaah hakim menyarankan untuk mengambil perhatian dalam perkara-perkara berikut antaranya mencakna hukum tajwid khususnya hukum *ghunnah* kerana didapati peserta kurang cermat dalam menyempurnakan kadar *ghunnah* yang sepaturnya.

Dalam pada itu, para peserta perlu mengelakkan tertambah, terkurang, tersalah baris dan tertinggal kalimah yang mengakibatkan pemotongan markah, apatah lagi merosak makna kalimah.

Pada tahun ini, katanya, peserta dapat meningkatkan *tabaqat* suara dengan baik sepertimana yang telah ditaklimatkan, namun didapati sebahagian peserta mencuri nafas semasa dalam bacaan dan kurang cermat iaitu terhenti dalam persembahan bacaan sudah setentunya pemotongan markah akan berlaku.

Meneruskan momentum dalam membawa tarannum dengan *harakat* dan *tabaqat* yang sempurna dan berhati-hati dalam nada *qarar* khususnya memulakan bacaan *basmalah*. Jemaah hakim juga mendapati peserta dalam kalangan qari yang membawakan lima lagu tarannum dari empat lagu yang diperuntukkan dalam masa 10 minit bacaan.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para peserta musabaqah.

Dari sudut kesalahan teknikal, tambahnya lagi, segelintir peserta didapati masih kurang mahir dalam menyusun *maqamat* tarannum agar selari dengan tempoh bacaan yang diperuntukkan. Mengikut rekod, terdapat seramai 14 peserta yang telah menamatkan bacaan ketika lampu kuning masih menyala.

"Justeru, setiap peserta perlu mahir menyusun susunan lagu serta memanfaatkan sepenuhnya masa yang ditetapkan, sama ada ketika sesi latihan (*coaching time) mahupun semasa mempersembahkan bacaan di pentas pertandingan (recitation time*)," tegasnya lagi.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Selawat oleh Ameer Al-Huffaz, ITQSHHB dan diikuti dengan persembahan membaca Al-Quran oleh wakil peserta yang terpilih ke Peringkat Akhir Kebangsaan.

Seramai 79 peserta iaitu 61 orang qari dan 18 orang qariah telah memperdengarkan bacaan masing-masing sepanjang musabaqah tersebut.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmat; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; pengerusi - pengerusi bersama; pengarah-pengarah dan ketua-ketua jabatan serta para pegawai kanan KHEU.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan merupakan projek tahunan KHEU dan diadakan secara berperingkat - peringkat, iaitu melalui Peringkat Saringan Kebangsaan. Ia merupakan laluan permulaan dan medan untuk para qari danqariah negara melangkah ke Peringkat Akhir Kebangsaan yang diadakan kemudian.

Penganjuran Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan dihasrat agar dapat memberikan pendedahan dan galakan kepada qari dan qariah negara dalam meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran mereka, di samping membuka minda dan minat masyarakat untuk mendalami serta mempelajari teknik bacaan yang betul, lebih teratur dan sempurna.

110 graduan Micronet International College diraikan

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG, Rabu, 18 November. - Seramai 110 graduan Micronet International College (MIC) diraikan pada Majlis Graduasi 2026 yang berlangsung di The Empire Brunei, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis turut dihadiri oleh Pengarah Urusan MIC, Sylvester Yong, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan, para pensyarah, ibu bapa serta ahli keluarga graduan.

Para graduan yang diraikan terdiri daripada pelajar Program Pearson BTEC Tahap 1 hingga Tahap 5 dalam Bidang Pengkomputeran dan Perniagaan.



ANTARA yang hadir pada Majlis Graduasi 2026 yang berlangsung di The Empire Brunei.

Pengurus Besar MIC, Sharon Chin, dalam ucapan alu-aluannya menyatakan pencapaian graduan merupakan satu mercu tanda penting dalam perjalanan pendidikan masing-masing.

Sepanjang mengikuti pengajian di MIC jelasnya, para graduan bukan sahaja berpeluang memperoleh pengetahuan akademik, malah turut membangunkan kemahiran praktikal, keyakinan diri serta pengalaman yang berguna sebagai persediaan menghadapi cabaran pada masa hadapan.

Beliau seterusnya berharap agar para graduan terus mencapai kejayaan dalam apa jua bidang yang diceburi, sama ada melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi, memasuki alam pekerjaan mahupun menceburi bidang keusahawanan.

Pada majlis tersebut, dua graduan cemerlang turut menerima Micronet Special Merit Award 2026 sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian akademik, dedikasi dan komitmen tinggi sepanjang tempoh pengajian mereka.

Penerima pertama ialah Awangku Muhd. Adam Firdaus bin Pengiran Haji Abdul Aziz daripada Program Pearson BTEC Level 5 Higher National Diploma in Computing, pengkhususan Keselamatan Siber.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sijil kepada para graduan.

Awangku Muhd. Adam Firdaus secara konsisten memperoleh gred 'Distinction' sejak mengikuti Program Pearson BTEC Level 3 in Computing, selain menunjukkan kreativiti, keaslian serta komitmen tinggi dalam menghasilkan tugasan akademik yang cemerlang.

Sementara itu, penerima kedua ialah Dayang Nor Ellie Matul Syaz Winnie binti Haji Mohd. Rafie daripada Program Pearson BTEC Level 5 Higher National Diploma in Computing.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian sijil kepada para graduan dan Anugerah Kecemerlangan Khas oleh tetamu kehormat, diikuti penyampaian tanda penghargaan oleh Pengarah Urusan MIC kepada tetamu kehormat serta sesi bergambar ramai.

PELITA BRUNEI

TINGKATKAN KESEDARAN, KESIAPSIAGAAN HADAPI RISIKO IKLIM

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUNGKU LINK, Khamis, 19 November. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), buat julung kalinya menganjurkan Forum Iklim Kebangsaan 2026 bertempat di Pusat Kesenian Pro-Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), hari ini.

Forum tersebut bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat mengenai fenomena iklim serta kepentingan kesiapsiagaan awal dalam menghadapi potensi kesannya terhadap negara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Forum ini memberi tumpuan kepada fenomena El Niño yang sangat kuat dan potensi kesannya terhadap Negara Brunei Darussalam, khususnya pengurangan jumlah turunan hujan, peningkatan suhu serta keadaan cuaca yang lebih panas dan kering yang boleh meningkatkan risiko kebakaran hutan, jerebu serta menjejaskan kesihatan awam.



FORUM menampilkan ucaptama pembukaan oleh Emeritus Profesor Dr. Fredolin Tangang daripada Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD.

Pemangku Pengarah Kajicuaca, Dayang Rokiah binti Haji Angas selaku Pengerusi Forum Iklim Kebangsaan 2026 dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa penganjuran forum ini merupakan salah satu inisiatif dan produk perkhidmatan baharu BDMD bagi memperluaskan penyampaian maklumat dan khidmat nasihat iklim kepada masyarakat serta agensi - agensi berkepentingan, sekali gus meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan dalam menghadapi risiko iklim.

Beliau turut menekankan bahawa pemilihan fenomena El Niño sebagai fokus forum adalah bertepatan dengan perkembangan iklim semasa yang memerlukan perhatian daripada semua pihak.

Dalam hubungan ini, maklumat dan khidmat nasihat iklim memainkan peranan penting dalam membantu masyarakat dan agensi-agensi berkepentingan memahami potensi risiko, merancang langkah-langkah persediaan serta mengambil tindakan awal yang bersesuaian bagi mengurangkan risiko dan kesan fenomena El Niño terhadap masyarakat dan negara.

Penganjuran forum ini juga merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan BDMD dalam mendukung Wawasan Brunei 2035, khususnya matlamatnya, iaitu Kehidupan Rakyat yang Berkualiti Tinggi, melalui Keutamaan Kebangsaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, yang menjurus kepada Hasil Pencapaian Kebangsaan iaitu Negara Hijau.

Usaha ini mencerminkan peranan BDMD dalam meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu iklim serta menyokong usaha ke arah persekitaran yang lebih selamat dan mampan.

Forum tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Kilanas, Awang Mohd. Redzuan bin Haji Marjuki.

Forum ini menampilkan ucaptama pembukaan oleh Emeritus Profesor Dr. Fredolin Tangang daripada Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD mengenai fenomena El Niño serta pengaruhnya terhadap corak cuaca dan iklim di peringkat global dan serantau.

Sesi perbincangan bertemakan 'Tinjauan El Niño dan Potensi Impaknya terhadap Cuaca dan Negara Brunei Darussalam' pula menghimpunkan empat orang ahli panel, iaitu Pegawai Kajicuaca, BDMD; Dayang Nurulinani binti Haji Jahari; Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Pejabat Perubahan Iklim Brunei (BCCO), Dayang Siti Nur Rashidah binti Haji Ismail; Pegawai Pengurusan Bencana Kanan, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Dayang Rina Nurhafizah Rezza binti Abdul Rani dan Pegawai Perubatan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Dayang Dr. Nourul Hayati Azrina binti Haji Jaman.

Perbincangan forum mengetengahkan perkembangan dan tinjauan terkini fenomena El Niño, termasuk jangkaan keadaan cuaca dan iklim negara dalam tempoh beberapa bulan akan datang serta potensi implikasinya terhadap pelbagai sektor.

Dari aspek kesiapsiagaan, ahli-ahli panel turut berkongsi peranan dan usaha agensi masing-masing, termasuk penggunaan maklumat dan khidmat nasihat iklim oleh BDMD bagi menyokong tindakan awal, langkah pencegahan kebakaran dan penyelarasan pengurusan bencana, serta usaha memperkukuh daya tahan iklim negara melalui langkah-langkah adaptasi dan perancangan jangka panjang bagi mengurangkan risiko serta kesan cuaca ekstrem. Penekanan turut diberikan kepada langkah - langkah perlindungan kesihatan awam, khususnya dalam menghadapi keadaan cuaca panas dan risiko jerebu.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Iklim Kebangsaan 2026.

Sehubungan itu, orang ramai disarankan untuk sentiasa mengikuti maklumat, ramalan dan khidmat nasihat cuaca serta iklim rasmi yang dikeluarkan oleh BDMD, mengelakkan pembakaran terbuka serta melaporkan kejadian kebakaran kepada pihak berkuasa dengan segera.

Bagi mengurangkan risiko kesihatan akibat cuaca panas, orang ramai juga dinasihatkan supaya memastikan pengambilan air yang mencukupi, mengehadkan aktiviti luar ketika cuaca panas dan memberikan perhatian kepada golongan yang lebih berisiko, termasuk kanak-kanak, warga emas dan individu yang mempunyai masalah kesihatan.

Acara diakhiri dengan lawatan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ke pameran mini yang mengetengahkan maklumat dan inisiatif berkaitan cuaca dan iklim serta perkhidmatan yang disediakan oleh agensi-agensi yang mengambil bahagian.

Turut hadir di forum berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha - setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, wakil-wakil kementerian dan sektor swasta serta para pelajar daripada institusi pengajian tinggi.

Maklumat cuaca terkini boleh diperoleh melalui aplikasi mudah alih Brunei WX atau dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114.

Selain itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* serta mengikuti saluran rasmi kami di Facebook *@bruneiweather,* Instagram *@brunei.weather,* Telegram dan WhatsApp *Brunei Weather.*

Memperkukuh kefahaman, penghayatan masyarakat terhadap falsafah MIB

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Peguam Negara; Yang Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri dan Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan semasa hadir pada Forum Daerah-daerah sempena Majlis Ilmu 2026 bagi Daerah Belait.

BELAIT, Khamis, 19 November. - Forum Daerah-daerah sempena Majlis Ilmu 2026 bagi Daerah Belait, yang merupakan salah satu pengisian Majlis Ilmu sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun telah diadakan di Dewan Persidangan Kuala Belait, hari ini.

Forum yang bertajuk 'MIB : Bukan Sekadar Slogan, Ini Cara Hidup Kitani' membincangkan kepentingan penghayatan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai panduan dan amalan dalam kehidupan seharian, serta peranannya dalam memperkukuh identiti, perpaduan dan jati diri masyarakat Negara Brunei Darussalam (NBD).

Forum berkenaan merupakan sebahagian daripada Forum Daerah-daerah sempena Majlis Ilmu 2026 yang diadakan di keempat-empat daerah, selaras dengan tema sambutan tahun ini iaitu 'MIB : Tonggak Kedaulatan Negara', yang menekankan kepentingan falsafah MIB sebagai asas dalam memelihara kedaulatan dan identiti negara. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib.

Turut hadir, Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Ilmu 2026.

Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani selaku Pengerusi bagi Forum Majlis Ilmu 2026 Daerah Belait dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta para jemputan khas.

Forum berkenaan dihadiri oleh pegawai dan kakitangan kerajaan, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung, wakil-wakil sektor swasta, ahli akademik, penuntut institusi pengajian tinggi, golongan belia, ahli-ahli persatuan serta masyarakat setempat.

Forum tersebut menampilkan tiga ahli panel iaitu Penolong Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abdul Manaf@Muhammad Zulfikri bin Haji Japar dan Dekan Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Awang Abdul Hai bin Haji Julay serta Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD, Dr. Dayang Hajah Asiyah Az-Zahra binti Haji Ahmad Kumpoh.

Forum berkenaan dikendalikan oleh Timbalan Dekan, Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Muhammed Sahrin bin Haji Masri selaku moderator.

Sesi forum turut disusuli dengan sesi soal jawab yang memberikan peluang kepada para hadirin untuk mengemukakan pertanyaan dan mendapatkan penjelasan lanjut daripada ahli-ahli panel mengenai penghayatan dan pengamalan falsafah MIB dalam kehidupan seharian.

Penganjuran forum ini diharap akan terus menjadi wadah dalam memperkukuh kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap falsafah MIB, di samping menyemarakkan budaya ilmu serta memupuk kesedaran bersama mengenai tanggungjawab memelihara identiti, perpaduan dan kedaulatan NBD.



FORUM tersebut menampilkan tiga ahli panel.

IBTE anjur Hari Penghargaan bagi pesara, warga kerja 2026

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan, selaku Pengerusi Lembaga Pengelola IBTE hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Hari Penghargaan IBTE bagi Pesara dan Warga Kerja 2026.

BERAKAS, Khamis, 19 November. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) terus menghargai jasa bakti, dedikasi dan komitmen warga kerjanya dalam memperkukuh kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menerusi penganjuran Majlis Hari Penghargaan IBTE bagi Pesara dan Warga Kerja 2026.

Majlis tahunan yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini, bertujuan meraikan warga kerja yang bersara serta memberikan pengiktirafan kepada kakitangan yang menunjukkan prestasi dan sumbangan cemerlang sepanjang tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal juga selaku Pengerusi Lembaga Pengelola IBTE.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Awang Haji Norjemee bin Jenek dalam ucapan alu-aluannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja IBTE atas usaha, dedikasi dan komitmen berterusan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Menurut beliau, setiap sumbangan tanpa mengira jawatan mahupun peranan mempunyai nilai dan kepentingan tersendiri dalam memastikan IBTE terus berkembang maju serta mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Beliau turut menzahirkan penghargaan khusus kepada warga kerja yang bersara atas jasa bakti, pengorbanan dan sumbangan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka yang telah memberikan kesan serta impak berpanjangan terhadap perkembangan institusi berkenaan.

Dalam pada itu, beliau turut mengongsikan beberapa pencapaian penting IBTE sepanjang tahun 2026 yang mencerminkan usaha berterusan institusi berkenaan dalam memperkukuh kecemerlangan TVET.

Antaranya termasuk pelancaran WorldSkills Brunei National Competition 2026 yang julung kalinya diadakan sebagai wadah mengetengahkan kemahiran, keupayaan teknikal serta kecemerlangan belia tempatan dalam bidang TVET.

Selain itu, IBTE turut menubuhkan IBTE Manufacturing & Innovation Centre (MIC) di IBTE Kampus Sultan Bolkiah sebagai inisiatif untuk memupuk budaya kreativiti, inovasi dan keusahawanan dalam kalangan pelajar serta tenaga pengajar.

Pusat berkenaan menyediakan ruang dan kemudahan bagi mengembangkan kemahiran praktikal dalam bidang pembuatan, menterjemahkan idea kepada produk serta meneroka potensi pengkomersialan produk yang dihasilkan.

IBTE juga telah menubuhkan Bahagian Perkembangan Tenaga Akademik (ASD) sebagai salah satu usaha strategik bagi memastikan pembangunan kompetensi tenaga pengajar dilaksanakan secara terancang, sistematik dan berterusan, selaras dengan keperluan kurikulum, piawaian pengajaran serta hala tuju Pelan Strategik IBTE 2025-2030.

Menurut beliau lagi, dalam menghadapi perubahan keperluan industri dan teknologi, seluruh warga IBTE perlu terus memperkukuh semangat kerjasama, saling menyokong serta menghayati nilai-nilai teras CREATE, iaitu Competence, Resilience, Excellence, Teamwork dan Innovative.

Beliau menekankan bahawa kekuatan sesebuah organisasi terletak pada semangat perpaduan, komitmen dan keupayaan warga kerjanya untuk bergerak ke arah matlamat bersama.

Sehubungan itu, IBTE akan terus memberikan tumpuan kepada pendigitalan dan kelestarian sebagai antara keutamaan dalam memperkukuh penyampaian perkhidmatan serta mewujudkan persekitaran pembelajaran dan pekerjaan yang lebih cekap dan bersedia menghadapi keperluan masa hadapan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil dan cenderahati kepada pesara serta penerima Anugerah Pekerja Cemerlang. Majlis penghargaan berkenaan juga menjadi wadah untuk mengeratkan hubungan profesional serta menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan warga kerja IBTE.

Penganjurannya mencerminkan komitmen IBTE dalam memupuk persekitaran kerja yang positif dan saling menyokong, di samping memastikan setiap sumbangan warga kerjanya terus dihargai dalam usaha memperkukuh peranan institusi tersebut sebagai penyedia TVET yang terkemuka di Negara Brunei Darussalam.

PERKEMBANGAN, CABARAN, PELUANG INDUSTRI KEWANGAN ISLAM DIKETENGAHKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 November. - Lebih 200 peserta terdiri daripada pegawai kerajaan, pengamal industri kewangan, ahli akademik dan penuntut institusi pengajian tinggi tempatan serta antarabangsa menghadiri Simposium Brunei Darussalam Islamic Finance (BDIF) 2026, bertemakan 'Innovating Sukuk for Sustainable and Inclusive Growth'.

Simposium yang diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah tersebut dianjurkan oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), International Islamic University Malaysia (IIUM), INCEIF University, dan Perbanas Institute sebagai penganjur bersama bagi inisiatif Call-for-Papers (CFP) kali ketiga, manakala Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) sebagai rakan kongsi simposium.

Simposium berkenaan merupakan platform untuk membincangkan perkembangan landskap kewangan Islam, dengan mengetengahkan perkembangan terkini, cabaran, dan peluang dalam bidang industri berkenaan.

Simposium itu juga bertujuan untuk memperkukuh kerjasama antara pengamal industri, ahli akademik dan sektor awam melalui perkongsian pengetahuan, penyelidikan akademik serta penyediaan peluang bagi penyelidikan, penerbitan dan pengiktirafan hasil kajian.

Hadir ke simposium tersebut ialah Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ahli-ahli Lembaga Pengarah BDCB dan Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS), pegawai-pegawai kanan kerajaan, BDCB dan institusi-institusi kewangan serta peserta-peserta CFP.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Pegawai Pelajaran Tarannum, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili.

Pengarah Urusan BDCB, Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, dalam ucapan alu-aluannya mengetengahkan pertumbuhan berterusan sektor kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) serta peranan penting sukuk dalam menyokong pelaburan produktif dan pembangunan ekonomi yang mampan.

Beliau turut menekankan usaha berterusan BDCB dalam memperkukuh pasaran modal domestik, termasuk langkah-langkah untuk memudah cara penerbitan sukuk korporat, di samping mengetengahkan potensi sukuk runcit dan inovasi digital dalam memperluas penyertaan pelabur serta meningkatkan capaian kepada pasaran modal.

Dayang Hajah Rashidah turut mengalu-alukan peningkatan penyertaan antarabangsa dalam BDIF CFP, dengan jumlah penghantaran kertas penyelidikan penuh meningkat daripada 29 pada 2025 kepada 43 pada 2026.

Rektor UNISSA dan Pengarah Urusan BDCB kemudian merasmikan pelancaran edisi ketiga Islamic Economics International Refereed Journal, diterbitkan sebagai edisi khas (Vol. 4, No. 1, November 2026), yang menampilkan kertas-kertas penyelidikan terpilih daripada inisiatif CFP 2026.

Jurnal tersebut mengetengahkan sumbangan penyelidikan daripada ahli akademik, pengamal industri dan penuntut mengenai perkembangan utama dalam kewangan Islam, sekali gus menekankan kepentingan penyelidikan dan perkongsian ilmu dalam memajukan industri kewangan Islam.

Simposium turut mengiktiraf sumbangan penyelidikan yang cemerlang melalui Majlis Penyampaian Anugerah Kertas Terbaik.

Anugerah Kertas Terbaik (Kategori Profesional) diraih oleh Assistant Professor Ima Dwitawati dari Republik Indonesia bagi kertas bertajuk 'Digital Halal Ecosystem as a Foundation for Sustainable Sukuk Innovation and MSMEs Inclusivity'.

Sementara itu, Anugerah Kertas Terbaik (Kategori Penuntut) pula dimenangi oleh Ratu Shaima binti Yumni dari Malaysia bagi kertas bertajuk 'Mobilising Shariah-Compliant Capital for Carbon Capture : A Maqasid-Based Framework for Transition Finance in Hydrocarbon-Dependent Emerging Markets'.

Tiga kertas penyelidikan terbaik daripada setiap kategori juga telah dibentangkan, sekali gus menyediakan platform kepada para peserta untuk berkongsi hasil penyelidikan dan pandangan masing-masing.

REKTOR UNISSA semasa hadir pada Simposium Brunei Darussalam Islamic Finance (BDIF) 2026.



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Seterusnya, majlis menampilkan pembentangan ucaptama oleh Lead Researcher for the Centre of Excellence in Social Finance dan Head of Online Programs di INCEIF University, Malaysia, Associate Professor Dr. Ziyaad Mahomed, bertajuk 'Positioning Sukuk as a Strategic Enabler of Islamic Finance Development'.

Simposium turut menampilkan sesi perbincangan panel bertajuk 'The Evolving Sukuk Market :International Insights and Opportunties for Brunei Darussalam' yang dikendalikan oleh Ketua Ekonomi dan Pengawasan, BDCB, Dayang Hajah Nurhuaida Fakhriah binti Haji Damit, selaku Moderator.

Ahli-ahli panel terkemuka terdiri daripada Timbalan Pengarah (Islamic Capital Market) dan Ketua Bahagian Shariah, Securities Commission Malaysia, Dr. Azrul Azlan Iskandar Mirza; Pengarah Islamic Wholesale Banking, CIMB Islamic Bank, Malaysia, Dr. Ayaz Ismail; Pengarah Urusan, BIBD Securities Sdn. Bhd., Jason Wong; dan Associate Professor Dr. Ziyaad Mahomed.

Sesi tersebut mengetengahkan pandangan mengenai masa hadapan sukuk, perkembangan pasaran serantau serta peluang bagi NBD, termasuk aspek kesediaan rangka kerja kawal selia, pasaran dan ekosistem yang diperlukan bagi menyokong pembangunan pasaran sukuk yang dinamik dan mampan.

Selaras dengan tema simposium, sesi pembentangan kertas penyelidikan akan diadakan pada sebelah petang pada 18 November 2026 dan diteruskan pada 19 November 2026.

Sesi-sesi berkenaan akan memberi peluang kepada para peserta untuk mendalami isu-isu utama dalam bidang kewangan Islam melalui perbincangan dan perkongsian pandangan yang lebih menyeluruh.

MEMPERKASA ANALISIS DASAR BAGI MENYOKONG WAWASAN BRUNEI 2035



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei hadir selaku tetamu kehormat pada sesi pembentangan tersebut. Turut berangkat, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 November. – Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPPSSHHB) hari ini mengadakan sesi pembentangan Kertas Teratas Policy Analysis Exercise (PAE) bagi Program Perkembangan Eksekutif (EDP) Siri Ke-20/2025 bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dalam Bidang Dasar Awam dan Pengurusan, anjuran Kementerian Pertahanan.



ANTARA yang membuat pembentangan.

Sesi tersebut berlangsung di Dewan Kuliah IPPSSHHB, Bolkiah Garrison.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut berangkat dan hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Yang Amat Mulia Pengiran Anak Dato Seri Pahlawan Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, wakil-wakil Setiausaha Tetap dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Pemerintah Angkatan Bersama, serta Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan.

Sesi dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengarah IPPSSHHB, Dayangku Dr. Noor Hasharina binti Pengiran Haji Hassan, yang antara lain menekankan kepentingan PAE dalam memperkukuh keupayaan pegawai-pegawai kanan untuk menganalisis isu dasar secara kritikal dan berasaskan bukti, seterusnya menghasilkan cadangan dasar yang praktikal serta sejajar dengan keutamaan dan aspirasi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sesi diteruskan dengan pembentangan tiga daripada lima kertas dasar terbaik yang dihasilkan oleh para peserta EDP Siri Ke-20/2025.

Pembentangan pertama disampaikan oleh Leftenan Kolonel (U) Pengiran Mohamad Ady Hafriz bin Pengiran Mohammad Yusof dari ABDB menerusi kertas bertajuk 'Coordinating Space - Based Services in Brunei Darussalam : Towards a National Governance & Data Sharing Framework'.

Ia diikuti pembentangan oleh Leftenan Kolonel Azaman bin Haji Hussin, juga dari ABDB, bertajuk 'Residential Electricity Consumption in Brunei Darussalam : Behavioural Insights & Policy Interventions for Sustainable Energy Use'.

Manakala pembentangan ketiga disampaikan oleh Penguasa Polis Gina See Yok Gan dari PPDB menerusi kertas dasar bertajuk 'From Backlog to Breakthrough : Building Cybercrime Investigative Capabilities in the Royal Brunei Police Force'.

Pada sesi tersebut, IPPSSHHB turut mengedarkan penerbitan buku terbaharunya yang menghimpunkan lima kertas PAE terbaik daripada kohort EDP Siri Ke-20/2025. Penerbitan berkenaan merupakan kompilasi ketiga yang dihasilkan oleh institut tersebut.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada para pembentang oleh Pemerintah ABDB.

Pembentangan berkenaan mengetengahkan kepentingan memperkukuh keupayaan analisis dasar dalam sektor awam bagi menyokong pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Melalui pembentangan kertas dasar yang merangkumi bidang tadbir urus digital, penggunaan tenaga secara mampan dan penyiasatan jenayah siber, para peserta memperlihatkan peranan program berkenaan dalam menyokong penyelarasan di peringkat Whole of Government, keputusan berasaskan bukti serta penggubalan dasar yang praktikal untuk keutamaan negara.

Sejak diperkenalkan pada 2004, EDP telah menyumbang kepada pembangunan kepimpinan strategik dan pengukuhan keupayaan sektor awam, dengan seramai 533 pegawai kanan daripada pelbagai sektor kerajaan dan perkhidmatan keselamatan telah menamatkan dalam program tersebut.

Penganjuran pada tahun ini juga merupakan kali kelapan sesi pembentangan Kertas Teratas PAE diadakan sejak mula dilaksanakan pada 2019.



PENGARAH IPPSSHHB, Dayangku Dr. Noor Hasharina binti Pengiran Haji Hassan semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

Tangani isu keselamatan bahan ramuan kosmetik

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

GADONG, Rabu, 18 November. - Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kosmetik ASEAN (ACC) Kali Ke-44 serta Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang berlangsung di Centrepoint Hotel, di sini, bermula dari 16 hingga 20 November 2026.

Program selama lima hari itu menghimpunkan lebih 140 peserta, termasuk pihak pengawal selia dari 10 Negara Anggota ASEAN, wakil Persatuan Kosmetik ASEAN (ACA), ahli industri kosmetik yang diiktiraf dari Negara-negara Anggota ASEAN serta wakil Sekretariat ASEAN.

Majlis Perasmian Mesyuarat ACC Kali Ke-44 telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud pada Majlis Pembukaan dan Makan Malam mesyuarat berkenaan.

Dalam ucapannya, Awang Haji Adi Ihram menekankan penilaian keselamatan bahan karsinogenik, mutagenik atau toksik terhadap pembiakan (CMR) yang digunakan dalam produk kosmetik sebagai salah satu perkara utama yang diberikan tumpuan dalam mesyuarat berkenaan.

Beliau turut menegaskan kepentingan Negara-negara Anggota ASEAN untuk sentiasa berwaspada dalam mengenal pasti dan menangani sebarang potensi isu keselamatan yang berkaitan dengan bahan ramuan kosmetik, khususnya yang relevan dengan rantau ASEAN.

Mesyuarat ACC dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan memberi tumpuan kepada pemantauan pelaksanaan Arahan Kosmetik ASEAN (ASEAN Cosmetic Directive) di seluruh Negara-negara Anggota ASEAN, penelitian terhadap keselamatan bahan ramuan yang digunakan dalam produk kosmetik serta pembangunan kaedah pengujian produk kosmetik.

Pada 2 September 2003, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah menandatangani Perjanjian Mengenai Skim Kawal Selia Kosmetik Terharmoni ASEAN (ASEAN Harmonized Cosmetic Regulatory Scheme - AHCRS).

Perjanjian tersebut bertujuan untuk memperkukuh kerjasama antara Negara-negara Anggota ASEAN dalam memastikan keselamatan, kualiti dan manfaat yang dituntut bagi produk kosmetik yang dipasarkan di ASEAN, di samping menghapuskan halangan perdagangan produk kosmetik melalui penyelarasan keperluan teknikal.



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Kesihatan hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Mesyuarat ACC Kali Ke-44 pada Majlis Pembukaan dan Makan Malam mesyuarat berkenaan.

Mesyuarat Badan Saintifik Kosmetik ASEAN (ASEAN Cosmetic Scientific Body - ACSB) Kali Ke-44 dan Mesyuarat Jawatankuasa Makmal Pengujian Kosmetik ASEAN (ASEAN Cosmetic Testing Laboratory Committee - ACTLC) Kali Ke-27 telah berlangsung pada 16 hingga 17 November 2026.

Seterusnya, Mesyuarat Ketua-ketua Delegasi ACC Kali Ke-44 akan diadakan pada 19 November 2026, manakala Mesyuarat ACC Kali Ke-44 akan berlangsung pada 19-20 November 2026.

Semasa Mesyuarat ACC tersebut, Pengarah Jabatan Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan, Kementerian Kesihatan, Republik Kesatuan Myanmar, Dr. Tin Wah Wah Win akan menyerahkan jawatan Pengerusi kepada Pengarah IV, Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan Filipina, Ana Trinidad Rivera.

Sementara itu, Pemangku Pengarah, Cawangan Produk Kesihatan Komplementari, Republik Singapura, Lee Hui Keng, akan mengambil alih jawatan Naib Pengerusi.

Negara Brunei Darussalam sekali lagi menegaskan komitmennya untuk terus bekerjasama dengan Negara-negara Anggota ASEAN, pihak industri kosmetik serta Sekretariat ASEAN di bawah Skim Kawal Selia Kosmetik Terharmoni ASEAN (AHCRS) bagi memastikan keselamatan, kualiti dan manfaat yang dituntut bagi produk kosmetik yang dipasarkan di rantau ASEAN.

Kursus Staf Pertengahan 26/2026 labuh tirai

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ihsan Kementerian Pertahanan

TANAH JAMBU, Khamis, 19 November. - Kursus Staf Pertengahan 26/2026 telah melabuhkan tirainya hari ini dengan berlangsungnya Majlis Penutup di Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB), Kampung Tanah Jambu.

Seramai 49 pegawai telah mengikuti kursus tersebut, terdiri daripada 41 pegawai ABDB, seorang pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan tujuh pegawai tentera antarabangsa dari Republik Rakyat China, Kemboja, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pengarah-pengarah tentera, komandan - komandan, Atase Pertahanan dan Penasihat Pertahanan dari negara-negara peserta, wakil Kedutaan Diraja Kemboja, serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan.

Dalam ucapannya, Pemerintah ABDB menekankan kepentingan mempersiapkan pegawai-pegawai untuk menghadapi persekitaran keselamatan yang sentiasa berkembang serta menyumbang kepada kesiapsiagaan operasi ABDB.

Beliau turut menekankan kepentingan kebolehsuaian, kompetensi profesional dan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) secara beretika, di samping terus mengamalkan pemikiran kritikal dan membuat pertimbangan yang wajar.

Beliau seterusnya mengetengahkan Program Bachelor of Defence and Security Studies (BDSS) yang akan dimulakan pada tahun 2027 melalui Sekolah Pegawai Kadet dengan kerjasama Fakulti Pengajian Ketenteraan (Faculty of Military Studies - FMS), Universiti Brunei Darussalam.

PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei selaku tetamu kehormat semasa menyempurnakan penyampaian sijil pada Majlis Penutup Kursus Staf Pertengahan 26/2026.

Kursus Staf Pertengahan (Intermediate Staff Course) juga akan diserapkan ke dalam program berkenaan secara berperingkat, sekali gus memperkukuh laluan pembelajaran sepanjang hayat bagi pegawai-pegawai ABDB.

Beliau juga menyeru para peserta agar mengaplikasikan ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang kursus, mengekalkan profesionalisme dan integriti serta memberikan sumbangan bermakna kepada organisasi masing-masing.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil tamat kursus dan penganugerahan kecemerlangan kepada peserta-peserta kursus oleh Pemerintah ABDB.

Anugerah Overall Best Student dan Anugerah Best Service Paper telah dimenangi oleh 1257 Kapten Hajah Siti Syafiqah 'Afifah binti Haji Ahmad Mahyuddin dari Kementerian Pertahanan. Sementara itu, Anugerah Commander RBAF's Paper disandang oleh 1215 Kapten Nabilah Afifah binti Haji Said dari Tentera Darat Diraja Brunei.



Kursus selama 14 minggu ini dirangka bagi mempersiapkan pegawai berpangkat Kapten / Leftenan Tentera Laut Diraja Brunei untuk menggalas peranan dan tanggungjawab sebagai pegawai staf, sama ada di peringkat angkatan masing-masing mahupun dalam persekitaran operasi bersama.

Modul kursus menumpukan kepada pembangunan kemahiran pemikiran analitikal, komunikasi, kepimpinan dan perancangan operasi, di samping memperkukuh pemahaman para peserta terhadap strategi ketenteraan, keselamatan dan persekitaran operasi yang sentiasa berkembang.

DOA TOLAK BALA BAGI KESEJAHTERAAN NELAYAN, KELESTARIAN MARIN

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

JERUDONG, Khamis, 19 November. - Bagi memanjatkan doa dan sebagai salah satu usaha memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar kejadian air kemerah-merahan yang melanda perairan Negara Brunei Darussalam segera berakhir dan keadaan perairan negara kembali pulih seperti sediakala, petang tadi telah diadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah serta Doa Tolak Bala yang diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis telah diadakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong. Majlis telah diungakayahkan oleh Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) melalui Jabatan Perikanan.

Hadir ialah Setiausaha Tetap (Industri), KEPI, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Majlis juga bertujuan untuk memohon perlindungan dan kesejahteraan bagi seluruh rakyat dan penduduk negara, khususnya komuniti nelayan serta pengusaha sektor perikanan, di samping memohon keberkatan agar segala usaha pemantauan dan pengawalan yang sedang dilaksanakan dipermudahkan demi memelihara keselamatan makanan, kelestarian sumber marin dan kesejahteraan masyarakat.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap KEPI, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian serta pegawai-pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan di bawah kementerian berkenaan.

Juga hadir, para nelayan, pengusaha akuakultur dan pengusaha-pengusaha sektor perikanan.

Jabatan Perikanan menyeru orang ramai agar terus memberikan kerjasama dengan mematuhi langkah - langkah keselamatan yang telah dimaklumkan sebelum ini sepanjang kejadian air kemerah-merahan masih dikesan di perairan negara ini.

MAJLIS Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah serta Doa Tolak Bala yang diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Industri), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Ini termasuk larangan menangkap, menjual, membeli dan memakan spesies ikan kecil yang disenaraikan iaitu aur-aur, tamban, basong-basong, pusu dan kuasi, termasuk bubuk dan semua jenis kerang-kerangan, serta ikan yang ditemui mati di kawasan perairan terjejas, berikutan risiko pencemaran toksin yang boleh menyebabkan keracunan kepada manusia.

Pada masa yang sama, para nelayan juga diingatkan supaya tidak menjalankan aktiviti penangkapan ikan di kawasan terjejas atau menjual spesies yang ditegah, termasuk melalui platform atas talian.

Selain itu, orang ramai juga adalah dinasihatkan untuk tidak mandi atau berenang di kawasan pesisir pantai yang terjejas.

Jabatan Perikanan akan terus melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan terhadap langkah kawalan yang ditetapkan demi melindungi keselamatan dan kesihatan orang ramai.

Sebarang laporan, pertanyaan atau maklumat berkenaan penjualan ikan-ikan yang ditegah, perubahan warna air atau penemuan ikan mati dalam jumlah yang banyak, bolehlah disalurkan melalui talian +673 2770068 pada waktu bekerja, Talian Hotline +673 8984526, atau e-mel *enquiry@fisheries.gov.bn.*



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1.**'Kepentingan Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan'.** Tarikh Tutup **: 25 November 2026**
2.**'Gigi Sihat, Hidup Lebih Berkualiti'.** Tarikh Tutup **: 2 Disember 2026**
3.**'Pelancongan Tempatan, Kebanggaan Negara'.** Tarikh Tutup **: 15 Disember 2026**

TERMA DAN SYARAT :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap**dan**nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PELITA BRUNEI

LAWATAN AKADEMIK MEMPERLUAS PENGETAHUAN, PENGALAMAN



ROMBONGAN berkesempatan membuat kunjungan hormat kepada Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Ke Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Kasat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 November. - Penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang disertai seramai 35 orang meneruskan lagi pengisian Program Bright 2026 dan Program Keluarga Angkat bersama dengan Komuniti Kampung Kasat menerusi siri lawatan akademik ke beberapa institusi dan agensi di Negara Brunei Darussalam (NBD), hari ini.

Rombongan yang turut diiringi oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kasat itu berpeluang mendapatkan pendedahan secara langsung mengenai sistem pentadbiran, peranan institusi, landskap pendidikan serta kehidupan masyarakat di negara ini.

Rombongan berkesempatan membuat kunjungan hormat kepada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia Ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan.

Kunjungan tersebut menjadi wadah bagi mengeratkan hubungan silaturahim serta memperkukuh persahabatan antara NBD dan Malaysia, khususnya dalam kalangan generasi muda kedua-dua negara.

Rombongan seterusnya mengadakan lawatan ke Jabatan Buruh bagi mendapatkan penerangan mengenai fungsi dan tanggungjawab jabatan berkenaan, terutama dalam aspek pengurusan hal ehwal tenaga kerja serta perlindungan dan kebajikan pekerja.

Lawatan diteruskan ke Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), yang memberikan peluang kepada para penuntut untuk mengenali dengan lebih dekat peranan institusi pengajian tinggi Islam di NBD, di samping bertukar pandangan dan berkongsi pengetahuan dalam bidang pendidikan.

Penganjuran lawatan akademik berkenaan bukan sahaja memperluas pengetahuan dan pengalaman para peserta, malah turut membuka ruang kepada pertukaran budaya, perkongsian ilmu serta pembinaan jaringan persahabatan merentas sempadan.

Pengalaman tersebut diharap dapat menjadi kenangan bermakna kepada para penuntut, sekali gus menyemai semangat saling memahami, menghargai kepelbagaian budaya dan memperkukuh hubungan baik antara masyarakat NBD dan Malaysia.

Program Bright 2026 terus membawa aspirasi meneroka ilmu, berkongsi pengalaman dan membina persahabatan melalui penglibatan aktif generasi muda serta komuniti setempat.



67.44 peratus peroleh Gred A hingga C dalam 5 mata pelajaran

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan pada hari ini telah mengeluarkan keputusan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) Tahun 2026.

Seramai 5,946 calon telah menduduki peperiksaan pada tahun ini dengan 3,874 (65.15 peratus) adalah calon sekolah kerajaan dan 2,072 (34.85 peratus) adalah calon sekolah swasta. Daripada keseluruhan calon berkenaan, 4,010 calon (67.44 peratus) telah berjaya memperoleh Gred A hingga C dalam kelima-lima mata pelajaran.

Manakala calon yang memperolehi Gred A hingga D dalam kelima-lima mata pelajaran adalah seramai 4,833 calon (81.28 peratus). Jumlah calon sekolah kerajaan yang memperoleh Gred A hingga C dalam kelima-lima mata pelajaran adalah seramai 2,336 calon (60.30 peratus), sementara itu pencapaian Gred A hingga C bagi calon sekolah swasta ialah seramai 1,674 calon (80.79 peratus).

Sebanyak 12 buah sekolah telah mencapai keputusan 100 peratus lulus Gred A hingga C bagi kelima-lima mata pelajaran termasuk enam buah sekolah kerajaan. Manakala sebanyak 34 buah sekolah telah mencapai keputusan 100 peratus lulus Gred A hingga D bagi kelima-lima mata pelajaran, dengan 18 buah daripadanya adalah sekolah kerajaan.

Seramai 574 calon sekolah (9.65 peratus) telah mendapat Gred A dalam kelima-lima mata pelajaran.

Daripada jumlah tersebut, seramai 258 calon adalah terdiri daripada calon-calon sekolah kerajaan. Manakala, pencapaian calon yang mendapat empat Gred A dan satu Gred B adalah seramai 757 calon (12.73 peratus), dengan 410 calon (54.16 peratus) adalah daripada sekolah kerajaan.

Pelajar-pelajar yang telah menduduki peperiksaan tersebut boleh mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing. Manakala bagi calon-calon persendirian dikehendaki mengambil slip keputusan mereka di kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok C, Kementerian Pendidikan, mulai Khamis, 19 November 2026, pada waktu pejabat.

Majlis Kesyukuran sempena Penubuhan RB Ke-52

MAJLIS Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei Ke-52, yang diserikan dengan Sembahyang Berjemaah, Doa Hajat dan Tolak Bala, Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil serta Doa Kesyukuran, diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BERAKAS, Rabu, 18 November. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (Royal Brunei Airlines - RB) mengadakan Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan RB Ke-52, yang diserikan dengan Sembahyang Berjemaah, Doa Hajat dan Tolak Bala, Bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil serta Doa Kesyukuran, diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Acara tersebut berlangsung di Surau, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, hari ini. Penganjuran majlis berkenaan merupakan tanda kesyukuran dan penghargaan atas perjalanan serta pencapaian RB sepanjang 52 tahun penubuhannya.

Majlis tersebut dipimpin oleh Ketua Pegawai Risiko (Chief Risk Officer), Awang Kamal Ariffin bin Dato Paduka Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan RB bagi Sesi 2026-2028 bersama Ketua Pegawai Operasi (Chief Operations Officer), Awang Haji Badaruddin bin Haji Bagol.

Turut hadir, pihak pengurusan dan kakitangan RB serta beberapa pihak berkepentingan yang sama-sama memeriahkan majlis berkenaan.

RB ditubuhkan pada 18 November 1974 dan sejak itu memainkan peranan penting sebagai syarikat penerbangan kebangsaan dalam membawa nama Negara Brunei Darussalam ke persada antarabangsa, sekali gus menghubungkan negara ini dengan destinasi di seluruh dunia.

78 PROJEK SENI BINA KETENGAHKAN KREATIVITI, INOVASI PELAJAR PB

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 November. - Sebanyak 78 projek hasil kreativiti dan inovasi pelajar Program Diploma Tahap 5 dalam Seni Bina, Politeknik Brunei (PB) dipamerkan sempena Majlis Pembukaan Rasmi Pameran Seni Bina Politeknik Brunei Kali Ke-4 yang berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad.

Pameran yang bertemakan 'Built Resilience : Designing for Active Living' atau 'Membina Ketahanan : Reka Bentuk ke Arah Kehidupan Aktif' itu menghimpunkan hasil karya 78 pelajar seni bina daripada Tahun 1 hingga Tahun Akhir, Sekolah Sains dan Kejuruteraan, PB, Kampus Lumut.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28 projek merupakan reka bentuk kediaman, 23 projek komersial dan 27 Projek Tahun Akhir yang memperlihatkan keupayaan para pelajar dalam menghasilkan cadangan seni bina yang kreatif dan praktikal serta bersesuaian dengan keperluan semasa.

Pemangku Pengarah PB, Dayang Hajah Armah binti Tengah dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa pameran berkenaan merupakan platform penting bagi mengetengahkan kreativiti, kemahiran dan pencapaian para pelajar, di samping memperlihatkan proses penyelidikan serta penerokaan idea yang menjadi asas kepada setiap reka bentuk.

Menurutnya, tema pameran tahun ini memberikan penekanan terhadap peranan seni bina dalam membentuk persekitaran yang berdaya tahan, sekali gus menyokong gaya hidup masyarakat yang aktif, sihat dan sejahtera.

Pameran berkenaan turut memperlihatkan hasil reka bentuk melalui pelbagai medium, termasuk lukisan seni bina, visualisasi tiga dimensi (3D), model fizikal serta cadangan pembangunan kediaman, komersial dan bercampur.

Menariknya, penganjuran tahun ini turut memperkukuh kerjasama antara PB dengan rakan industri, khususnya Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan Design Marche, bagi memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai keperluan serta cabaran sebenar industri seni bina.

Melalui kerjasama bersama BEDB, para pelajar yang terlibat dalam Projek Tahun Akhir dan projek komersial berpeluang menghasilkan cadangan reka bentuk berdasarkan keperluan tapak serta objektif pembangunan di beberapa lokasi terpilih di negara ini.

Cadangan pembangunan berkenaan merangkumi kemudahan sukan dan rekreasi, pusat kesejahteraan serta pembangunan bercampur yang turut mengambil kira keperluan komuniti dan usaha menggalakkan gaya hidup aktif.

Sementara itu, kerjasama bersama Design Marche memberikan peluang kepada para pelajar meneroka reka bentuk kediaman kontemporari dengan mengambil kira keperluan perumahan moden, perubahan gaya hidup serta keselesaan pengguna.

Jalinan kerjasama berkenaan bukan sahaja membolehkan para pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di bilik kuliah, malah turut meningkatkan kefahaman mereka terhadap tuntutan serta amalan sebenar dalam industri. Usaha tersebut juga selaras dengan matlamat PB untuk melahirkan graduan yang kompeten, kreatif dan bersedia menghadapi alam pekerjaan.

Selain menjadi wadah meraikan pencapaian akademik dan kreativiti pelajar, pameran berkenaan turut berperanan memperkenalkan Program Diploma dalam Seni Bina PB kepada masyarakat, khususnya bakal pelajar, di samping memberikan gambaran mengenai peluang pengajian dan prospek kerjaya dalam bidang seni bina.

Majlis pembukaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti ucapan alu-aluan, tayangan video pembukaan pameran serta penyampaian



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan semasa menyampaikan cenderahati kepada salah seorang penerima.

cenderahati kepada para mentor dan penilai industri. Tetamu kehormat seterusnya berkesempatan menyaksikan sendiri hasil karya para pelajar melalui lawatan ke ruang pameran.

Pameran Seni Bina Politeknik Brunei Kali Ke-4 akan dibukakan kepada orang ramai pada 19 November 2026 dari pukul 8.30 pagi hingga 4.30 petang bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Orang ramai, khususnya bakal pelajar dan mereka yang berminat dalam bidang seni bina, adalah dialu-alukan untuk mengunjungi pameran berkenaan bagi melihat sendiri idea, kreativiti dan inovasi generasi muda dalam mereka bentuk persekitaran binaan yang lebih lestari, berdaya tahan dan menyokong kehidupan aktif.

Tangani isu rintangan antimikrobial melalui pendekatan terselaras



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan dalam ucapan alu-aluannya.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 November. - Ahli Jawatankuasa Rintangan Antimikrobial Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Antimicrobial Resistance Committee - BDAMRC) dengan Kementerian Kesihatan sebagai pihak tuan rumah, telah mengadakan Bengkel Pemetaan Kebangsaan selama dua hari bagi Pembangunan Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Rintangan Antimikrobial (National Action Plan on Antimicrobial Resistance - NAP-AMR) 2.0 pada 18 hingga 19 November 2026 bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di sini.

Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif dalam ucapan alu-aluannya berkata pada tahun ini, usaha-usaha kebangsaan kita dengan penuh penghargaan adalah selaras dengan tema kempen global iaitu 'One Health, One Action : Prevent AMR Now' (Satu Kesihatan, Satu Tindakan : Cegah Rintangan Antimikrobial Sekarang).

Tema ini terangnya, merupakan seruan yang memberi inspirasi kepada kita untuk bertindak serta mengingatkan bahawa dengan menggabungkan kekuatan dan kepakaran daripada semua sektor, kita mempunyai keupayaan bersama untuk menghasilkan impak yang berkekalan.

"Kehadiran kita pada hari ini membuktikan komitmen bersama dalam merealisasikan visi ini menjadi satu kejayaan kebangsaan yang nyata dan bersepadu. Seiring dengan pelancaran usaha merangka NAP-AMR 2.0, kita kini berdiri di atas asas kukuh yang telah dibina sepanjang kitaran pelaksanaan pertama.

"Penamatan Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Rintangan Antimikrobial yang pertama telah memberikan kita pengalaman dan pengajaran yang amat bernilai. Ia telah membantu kita mengenal pasti dengan lebih jelas kekuatan yang dimiliki, bidang-bidang yang memerlukan pengukuhan dari segi struktur, serta ruang untuk meningkatkan lagi keberkesanan kerjasama antara sektor. Kita telah berjaya mencapai pelbagai pencapaian penting secara bersama," jelasnya.

Dalam sektor Kesihatan Manusia tambah beliau, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mewujudkan kawalan kawal selia yang kukuh terhadap penggunaan antimikrobial dalam bidang kesihatan manusia serta berjaya memperluas keupayaan untuk mengintegrasikan teknologi terkini dalam pengawasan genomik.

Kita juga jelasnya, telah mengekalkan rekod prestasi yang cemerlang dalam pelaporan global berkaitan Rintangan Antimikrobial (Antimicrobial Resistance - AMR) dan Penggunaan atau Pengambilan Antimikrobial (Antimicrobial Usage/ Consumption - AMU).

"Usaha Pencegahan dan Kawalan Infeksi (Infection Prevention and Control - IPC) turut memperlihatkan inisiatif yang paling ketara, melalui pelaksanaan usaha-usaha sistematik yang berterusan dan konsisten ke arah pembudayaan serta penerapan amalan tersebut di semua fasiliti kesihatan," ujarnya.

Sementara itu terangnya, dalam sektor Kesihatan Haiwan, kawalan kawal selia telah diperkukuhkan, manakala inisiatif kesedaran dan pendidikan terus menjadi antara usaha utama dalam menangani isu rintangan antimikrobial. Aktiviti pengawasan juga semakin dipertingkatkan, merangkumi pemantauan di ladang-ladang, rumah penyembelihan serta makmal.

Menurut beliau lagi, usaha ini turut diperkukuhkan melalui sumbangan data kepada inisiatif global berkaitan AMR. NBD merupakan ahli aktif Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (World Organisation for Animal Health - WOAH) dan mengemukakan laporan setiap tahun kepada kedua-dua platform ANIMUSE dan TRUVET.

Kedua-dua platform ini masing-masing berperanan dalam pelaporan global mengenai penggunaan antimikrobial dalam haiwan serta pelaporan ubat-ubatan veterinar yang tidak memenuhi piawaian dan yang dipalsukan.

Apa yang paling membanggakan katanya ialah penyertaan sepenuhnya sektor alam sekitar dalam usaha bersama ini, sekali gus melengkapkan penyertaan keempat-empat sektor di bawah pendekatan Kuadripartit (Quadripartite) di negara ini. Perkembangan ini membuka ruang ke arah memperkukuh persefahaman bersama mengenai keunikan, kepakaran dan keupayaan setiap sektor.



BENGKEL berkenaan turut memberi peluang para peserta meneliti pencapaian serta pengajaran diperoleh daripada pelaksanaan NAP-AMR 1.0.

Sehingga kini ujarnya, aktiviti kesedaran secara kolaboratif semasa Minggu Kesedaran Antimikrobial Sedunia (World AMR Awareness Week - WAAW) telah menjadi antara ciri utama pendekatan One Health (Kesihatan Sejagat) yang diterapkan oleh negara dalam menangani isu rintangan antimikrobial. Acara kemudiannya diteruskan dengan sesi bergambar ramai dan lawatan ke reruai pameran.

Bengkel ini menghimpunkan pihak-pihak berkepentingan utama daripada sektor kesihatan manusia, kesihatan haiwan, pertanian dan alam sekitar, termasuk wakil-wakil dari Kementerian Kesihatan (MOH), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), Kementerian Pembangunan, Pihak Berkuasa Makanan Brunei Darussalam (BDFA) serta Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Bengkel ini bertujuan untuk merangka hala tuju strategik NBD dalam menangani isu rintangan antimikrobial melalui pendekatan yang terselaras dan merentas pelbagai sektor.

Sepanjang dua hari bengkel berlangsung, para peserta meneliti pencapaian serta pengajaran yang diperoleh daripada pelaksanaan NAP-AMR 1.0, menyelaraskan keutamaan negara dengan Pelan Tindakan Global mengenai Rintangan Antimikrobial yang telah dikemas kini bagi tempoh 2026 hingga 2036, serta mengenal pasti jurang kritikal dalam setiap sektor.

Bengkel ini juga akan merangka objektif strategik, sasaran pelaksanaan serta kerangka pemantauan. Bengkel ini seterusnya akan diakhiri dengan pengesahan pelan hala tuju yang disatukan bagi memuktamadkan NAP-AMR 2.0.

Melalui pengukuhan tadbir urus pendekatan One Health (Kesihatan Sejagat) serta kerjasama merentas sektor, inisiatif ini menegaskan semula komitmen NBD dalam melindungi kesihatan awam, menjamin keselamatan makanan serta memelihara kelestarian alam sekitar daripada ancaman rintangan antimikrobial.

PELITA BRUNEI

BIJAK MENGGUNAKAN GAJET

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
10 JAMADILAKHIR 1448 / 20 NOVEMBER 2026

GAJET MEMUDAHKAN KEHIDUPAN



- Kita dapat berhubung dengan sanak saudara yang jauh.
- Mencari maklumat.
- Menuntut ilmu.
- Memudahkan urusan pekerjaan.

GUNAKAN GAJET DENGAN BIJAK



- Gunakan untuk kebaikan, ia akan membawa manfaat.
- Gunakan tanpa kawalan, ia boleh membawa kepada kelalaian.

JAGA APA YANG KITA LIHAT, TULIS DAN SEBARKAN,

AMALKAN TABAYYUN (MENYEMAK DAN MENYELIDIK)



- Jangan terlalu mudah menekan butang "hantar" atau "kongsi".
- Tidak semua yang tular itu benar.
- Tidak semua maklumat yang kita terima layak untuk disebarkan.
- Amalkanlah tabayyun.

FIKIR SEBELUM MENEKAN BUTANG HANTAR ATAU KONGSI



ADAB MENGGUNAKAN GAJET KETIKA KHUTBAH JUMAAT



- Simpan telefon bimbit.
- Hentikan sebarang perbualan.
- Elakkan membaca mesej, melayari media sosial.
- Elakkan melakukan perkara yang mengganggu tumpuan.



SILA IMBAS KOD QR UNTUK MENDAPATKAN KHUTBAH JUMAAT YANG LENGKAP DAN UNTUK MENGIKUTI CHANNEL WHATSAPP KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

KHUTBAH JUMAAT

CHANNEL WHATSAPP

UNIT KHUTBAH, BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN,
JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.



Bijak menggunakan gajet

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Tidak dinafikan lagi bahawa umat Islam turut menghadapi perkembangan teknologi yang begitu pesat sehingga meletakkan gajet sebagai salah satu keperluan utama dalam kehidupan. Di sebalik skrin kecil itu, pelbagai urusan harian mampu diselesaikan dengan begitu mudah, dekat dan pantas. Melaluinya, kita dapat berhubung dengan sanak saudara yang jauh, mencari maklumat dan menuntut ilmu serta memudahkan urusan pekerjaan. Pendek kata, banyak urusan hidup kita jauh lebih mudah dan teratur berbanding dahulu.

Namun, pernahkah kita bermuhasabah dan bertanya kepada diri sendiri : Adakah kita telah menggunakan gajet dengan berhemah dan bijak? Jangan sampai gajet yang sepatutnya memudahkan urusan kehidupan, akhirnya memerangkap diri, lalu melalaikan kita daripada melaksanakan ibadah dan tanggungjawab, merenggangkan hubungan keluarga serta menghabiskan usia yang berharga dengan sia-sia.

Ketahuilah bahawa gajet hanyalah alat. Ia ibarat pisau, boleh digunakan untuk menyediakan jamuan dan boleh juga melukakan. Jika digunakan untuk kebaikan, ia akan membawa manfaat. Namun, jika ia digunakan tanpa kawalan, ia boleh membawa kepada kelalaian. Oleh itu, antara perkara utama yang perlu dijaga dalam penggunaan gajet ialah menjaga apa yang kita lihat, apa yang kita tulis dan apa yang kita sebarkan.

Pada hari ini, sesuatu berita boleh tersebar kepada orang ramai hanya dalam hitungan beberapa minit, bahkan kadangkala dalam bilangan saat. Malangnya, masih ada yang terus mengongsi dan menularkan maklumat tanpa memeriksa terlebih dahulu. Justeru, jangan terlalu mudah menekan butang 'hantar' atau 'kongsi'. Ingatlah, tidak semua yang tular itu benar dan tidak semua maklumat yang kita terima layak untuk disebarkan. Amalkanlah prinsip *tabayyun* iaitu memastikan kesahihan sesuatu berita sebelum menyebarkannya.

Jangan biarkan satu sentuhan jari menyebabkan kita tersungkur menjadi ejen penyebar berita palsu, terjerumus dalam dosa fitnah atau menghebohkan perkara aib yang menjatuhkan maruah orang lain. Apa yang kita kongsi hari ini mungkin kita lupakan esok tetapi kesannya pada diri orang lain boleh berpanjangan. Ingatlah bahawa amaran ini telah ditegaskan melalui sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "*Sesungguhnya seorang hamba mengucapkan suatu perkataan tanpa meneliti dan memikirkan akibatnya, lalu disebabkan perkataan itu dia tergelincir ke dalam neraka lebih jauh daripada jarak antara Timur dan Barat*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Justeru, jangan kita menganggap perbuatan di alam maya terlepas daripada perhitungan Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya, apa yang kita lakarkan melalui tulisan, apa yang kita tinggalkan pada ruangan komen dan apa yang kita khabarkan melalui sebaran, semuanya tetap akan dipertanggungjawabkan. Tidak ada satu pun yang terlepas daripada catatan malaikat sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Qaf, ayat 18 :

Tafsirnya : "*Tidak ada perkataan yang dilafazkan (atau perbuatan yang dilakukan seseorang) melainkan di sisinya ada malaikat pengawas yang sedia* (mencatatnya)".

Maka sebelum jari kita bergerak, tanyalah kepada diri : Benarkah ia? Bermanfaatkah ia? Atau akan kita sesali kelak?

Penggunaan gajet dalam ruang lingkup keluarga juga perlu diberikan perhatian yang sewajarnya. Gajet sepatutnya menjadi jambatan yang mendekatkan hati, bukan menjauhkan kita daripada orang yang paling hampir dengan kita. Namun hari ini, ada keluarga yang duduk semeja tetapi masing-masing sibuk dengan gajet. Ada ibu bapa yang terlalu leka melayani skrin digital, sementara anak-anak pula dibiarkan bersama gajet tanpa kawalan. Tanpa kita sedari, perbualan. Tunjuk ajar dan kasih sayang dalam keluarga semakin berkurangan dan akhirnya hilang.

Ingatlah bahawa anak-anak yang kita asuh dari kecil adalah amanah Allah Subhanahu Wata'ala yang akan dipersoalkan kelak. Oleh itu, pantaulah apa yang mereka tonton dan selidikilah dengan siapa mereka berhubung di alam maya. Hadkan tempoh masa penggunaan gajet dan luangkanlah masa bersama mereka. Paling utama, jadilah suri teladan yang baik. Jangan kita menyuruh anak-anak meletakkan gajet, sedangkan telefon bimbit kita sendiri tidak pernah lepas daripada tangan. Anak-anak lebih banyak meniru apa yang mereka lihat, berbanding apa yang mereka dengar.

Begitu juga dalam urusan pekerjaan. Gajet sepatutnya memudahkan pekerjaan, bukan menyebabkan amanah yang dipikul terabai. Jangan biarkan waktu bekerja terbuang begitu sahaja dengan media sosial atau urusan peribadi secara berlebihan. Sebaliknya, gunakanlah teknologi untuk meningkatkan mutu dan produktiviti pekerjaan demi mencari rezeki yang berkat.

Selain itu, ketika Khutbah Jumaat disampaikan, jagalah adab dengan menyimpan telefon bimbit dan menghentikan sebarang perbualan sesama jemaah. Elakkan membaca mesej, melayari media sosial atau melakukan perkara yang mengganggu tumpuan. Jangan biarkan kehadiran kita di masjid menjadi sia-sia hanya kerana perhatian dan fikiran kita melayang pada skrin telefon bimbit.

Untuk akhirnya, marilah kita meletakkan teknologi ini pada tempatnya yang betul dengan penuh rasa takwa. Ingatlah bahawa setiap detik masa yang terbuang menghadap skrin tanpa faedah, merupakan antara nikmat umur yang pasti dituntut jawapannya di Padang Mahsyar nanti. Gunakanlah ruang digital ini dengan rasa amanah, agar diri dan ahli keluarga yang dikasihi terpelihara daripada fitnah dan kelalaian duniawi. Daripada Ibnu Mas'ud Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "*Barang siapa menunjukkan kepada suatu kebaikan, maka baginya pahala seperti pahala orang yang melakukannya*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala membimbing kita menggunakan setiap nikmat teknologi ke arah kebaikan serta melindungi kita daripada perkara yang mengundang dosa dan kemurkaan-Nya. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya : "*Dan peliharalah diri kamu daripada (berlakunya) fitnah (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu kesemuanya). Dan ketahuilah bahawa Allah sangat berat seksanya*". (Surah Al-Anfal, ayat 25)

198 murid Sekolah Al-Falaah diraikan

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 November. - Seramai 198 murid Sekolah Al-Falaah telah diraikan pada hari pertama Majlis Ihtifaal Penutup Penggal Akhir Tahun 2026 berlangsung di Dewan Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar, hari ini.

Murid-murid yang diraikan terdiri daripada seramai 132 murid Tadika 3 (Kindergarten 3) dan 66 murid Tahun 6 Sekolah Al-Falaah Cawangan Sungai Akar dan juga Cawangan Ban 5.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan sesi penyampaian sijil dan hadiah kepada para graduan ialah Pegawai Istinbat Kanan, Bahagian 'Ifta, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Md. Daud.

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan Surah Yaa Siin daripada murid-murid Tadika 3 (Kindergarten 3) Sekolah Al-Falaah Cawangan Sungai Akar dan Cawangan Ban 5 dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada wakil Pengetua Sekolah Al-Falaah.

Majlis berkenaan turut diselajurkan dengan penyampaian sijil dan hadiah kepada para pelajar cemerlang sebagai penghargaan atas pencapaian dan usaha gigih mereka dalam bidang pembelajaran.

Selain itu, beberapa persembahan antaranya persembahan sketsa dan nyanyian, persembahan murattal, persembahan tazkirah dan persembahan tausyeh juga menjadi penyeri suasana majlis yang dipersembahkan oleh murid-murid sekolah tersebut.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh para graduan murid yang diraikan.

Juga hadir sama di majlis berkenaan ialah para kakitangan Sekolah Al-Falaah, murid-murid Tadika 3 (Kindergarten 3) Sekolah Al-Falaah Cawangan Sungai Akar dan juga Cawangan Ban 5 dan juga murid-murid Tahun 6, para pelajar cemerlang serta para ibu bapa dan penjaga murid-murid yang diraikan.



PEGAWAI Istinbat Kanan, Bahagian 'Ifta, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Md. Daud hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan sesi penyampaian sijil dan hadiah kepada para graduan (kanan), manakala gambar bawah kiri, antara ibu bapa serta penjaga murid yang hadir.





NBD RAIH PENGIKTIRAFAN KEPIMPINAN KORPORAT, MODAL INSAN

Siaran Akhbar dan Foto : Sparks Ventures

BANGKOK, Rabu, 18 November. - Kecemerlangan kepimpinan korporat dan pembangunan modal insan Negara Brunei Darussalam (NBD) terus terserlah di persada antarabangsa pada Majlis Anugerah Gala Asia HRD Awards 2026 di Bangkok, apabila dua penerima dari negara ini yang mewakili organisasi serta bidang pencapaian yang berasingan masing-masing dikurniakan pengiktirafan serantau yang berprestij.

Berlangsung di Grand Ballroom, Millennium Hilton Bangkok pada 12 November yang lalu anjuran SMR HR Group, Malaysia, Majlis Gala tersebut menghimpunkan barisan pemimpin perniagaan terkemuka, pembuat dasar, dan perintis sumber manusia dari seluruh rantau Asia Pasifik.

Di hadapan hadirin antarabangsa, kedua-dua penerima diraikan atas sumbangan tersendiri mereka terhadap pembangunan masyarakat dan kemajuan negara.

Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) turut tersenarai antara penerima dari NBD yang diiktiraf pada acara tersebut menerusi Anugerah Contribution to Society (Sumbangan kepada Masyarakat).

Anugerah ini mengiktiraf organisasi atas usaha mereka dalam memberikan sumbangan yang positif dan bermakna kepada masyarakat, melangkaui aktiviti teras perniagaan mereka.

Bagi BIBD, pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan bank dalam menyokong pembangunan komuniti di NBD, termasuk usaha dalam bidang pendidikan, keterangkuman kewangan, keusahawanan serta inisiatif yang membantu mewujudkan peluang bagi golongan yang memerlukan.

Anugerah tersebut diterima bagi pihak bank oleh Pemangku Ketua Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas (Acting Head of Government Relations and Special Projects), Awang Zulhazransa bin Haji Emran.

Dalam kategori individu berasingan, Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Adinin (Adinin Group of Companies), Awang Haji Musa bin Haji Adnin dikurniakan Anugerah Movers & Shakers.

Kategori ini mengiktiraf tokoh pemimpin korporat berwawasan yang mempunyai pandangan jauh strategik, daya tahan keusahawanan dan semangat perintis dalam memacu pertumbuhan industri serta melahirkan generasi bakat tempatan.

Menerusi kepimpinan beliau selama beberapa dekad menerajui Adinin Group, Awang Haji Musa memainkan peranan penting dalam memacu kecemerlangan korporat, memperkukuh ekosistem sektor swasta NBD serta memperjuangkan pembangunan modal insan yang mampan.

Sejurus selepas Majlis Gala tersebut, seramai 15 delegasi NBD yang diselaraskan dan diterajui oleh Sparks Ventures (SVE) selaku Rakan Kongsi Rasmi Negara (Country Partner) bagi Anugerah HRD Asia di NBD menyertai Persidangan Antarabangsa Asia HRD sehari penuh di lokasi yang sama pada 13 November.

Para delegasi mengambil bahagian secara aktif dalam sesi ucaptama dan perbincangan panel yang mengupas kepimpinan kalis masa depan, ketangkasan tenaga kerja serta inovasi organisasi.

Mengulas impak pengiktirafan tersebut terhadap negara, Pengasas dan Pengarah Urusan Sparks Ventures, Pengiran Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari menegaskan kepentingan pencapaian berkenaan di peringkat serantau.

Jelasnya, pengiktirafan yang diberikan secara berasingan kepada BIBD dan Awang Haji Musa menghantar mesej yang jelas ke seluruh rantau ini bahawa institusi dan pemimpin korporat Brunei mampu menetapkan penanda aras dalam impak sosial, daya tahan perniagaan, serta pengurusan modal insan.

"Syabas diucapkan kepada kedua-dua penerima anugerah serta seluruh delegasi negara atas komitmen luar biasa dalam membawa nama baik NBD di Bangkok.

"Pencapaian ini menandakan satu kejayaan bermakna buat negara, dan ia hanyalah permulaan. Selaku Rakan Kongsi Rasmi Negara, Sparks Ventures komited untuk terus memperluas penyertaan Brunei di platform ini dengan bekerjasama rapat bersama agensi-agensi kerajaan utama dan organisasi sektor swasta terkemuka agar lebih banyak kisah kejayaan negara dapat dicalonkan dan diraikan di pentas serantau pada tahun hadapan," ujarnya lagi.

Melanjutkan momentum tersebut, Sparks Ventures juga telah menyatakan minat untuk melobi bagi membawa penganjuran Asia HRD Congress & Awards ke NBD pada tahun 2028, dengan hasrat berkenaan telah pun disampaikan secara langsung kepada Tan Sri Dato' Dr. R. Palan, Pengasas dan Pengerusi Kumpulan SMR HR Group, Malaysia, merangkap Pengerusi Jawatankuasa Anugerah HRD Asia di Bangkok.

Penganjuran kongres berprestij ini di NBD dihasratkan untuk meletakkan negara sebagai hab serantau bagi kecemerlangan kepimpinan dan pembangunan modal insan, di samping merancakkan lagi sektor pelancongan MICE (Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran), memberi limpahan ekonomi kepada industri hospitaliti serta perniagaan tempatan, dan membuka peluang kepada warga profesional Brunei untuk menimba ilmu secara langsung daripada tokoh pemikir bertaraf dunia di tanah air sendiri.

Dengan berakhirnya persidangan tersebut, delegasi NBD pulang ke tanah air dengan jaringan kerjasama serantau yang lebih kukuh serta perspektif strategik baharu bagi terus memacu agenda pembangunan modal insan negara di bawah Wawasan Brunei 2035.



SESI bergambar ramai pada Majlis Anugerah Gala Asia HRD Awards 2026 di Bangkok.

Ma'had Islam Brunei adakan Majlis Khatam Al-Quran

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, ihsan Jabatan Pengajian Islam

TUTONG, Rabu, 18 November. - Bagi menyemai kecintaan terhadap Al-Quran serta membudayakan pembacaannya sebagai amalan dalam kehidupan seharian, Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Dewan Besar sekolah berkenaan bagi meraikan seramai 130 pelajar Sanah 6 dan Sanah 11.

Daripada jumlah tersebut, 62 pelajar lelaki dan 68 pelajar perempuan telah mengkhatamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Penolong Ra'es I (Penyelidikan, Pengantarabangsaan dan Perkhidmatan), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha yang turut memulakan majlis dengan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah.

Majlis diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti bacaan Takhtim dan Doa Khatam yang dipimpin oleh Awang Mohammad Faiz Nur Syakirin bin Mohammad Shah Ifolrizal serta persembahan dikir dan penyampaian sijil kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Khairul Nizam bin Hamdan. Majlis Khatam Al-Quran ini merupakan antara usaha berterusan dalam membentuk generasi yang celik Al-Quran, istiqamah dalam pembacaannya serta menjadikan Al-Quran sebagai pedoman dalam kehidupan.

Penganjurannya turut mencerminkan komitmen Jabatan Pengajian Islam dalam memperkasa pendidikan Al-Quran dan menyemarakkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.



PENOLONG Ra'es I (Penyelidikan, Pengantarabangsaan dan Perkhidmatan), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta.

NBD berada di Monsun Timur Laut

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) masa ini berada di dalam Monsun Timur Laut, yang lazimnya akan berterusan sehingga Mac 2027.

Keadaan cuaca aktif diramalkan bermula Khamis, 19 November 2026 sehingga Selasa, 24 November 2026. Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka menjejaskan beberapa kawasan NBD terutama pada waktu petang dan malam serta berpotensi berlanjutan sehingga awal pagi keesokan hari.

Kelajuan angin meningkat sehingga 45kmsj semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir. Manakala, di perairan NBD, keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit ke sederhana, iaitu antara 0.5 dan 1.5 meter.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi kejadian banjir kilat, tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang berlaku semasa hujan lebat berpetir serta keadaan berangin kencang.

Keadaan laut di paras sederhana adalah berbahaya bagi semua bot bersaiz kecil, semua aktiviti rekreasi dan sukan laut. Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat cuaca terkini boleh diperoleh melalui aplikasi mudah alih Brunei WX atau dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca melalui Talian Cuaca 114.

Selain itu, orang ramai juga boleh melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* serta mengikuti saluran rasmi di Facebook *@bruneiweather*, Instagram *@brunei.weather*, Telegram dan WhatsApp *Brunei Weather*.

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Tawaran No. 01
Term Contract bagi Penyelenggaraan Sistem Penghawa Dingin di Bangunan ATSC dan Remote Site - DCA Building bagi Tempoh Enam (6) Bulan – FSOR
AME / 2026-2027 / SH-54
(Kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 02
Term Contract or One (01) Year of Maintenanc eof Existing Lightings and Electrical Accessories at Department of Civil Aviation Buildings, Brunei International Airport - FSOR
AME / 2026-2027 / SH-55
(Kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 03
To Repair Water Pump and Turret Components at Riv Fire Truck BG 7927 (Riv.2), Department of Civil Aviation.
AME / 2026-2027 / SH-56

Tawaran No. 04
To Repair Air Brake System Components at Water Tender Truck BG 6369 (F7), Department of Civil Aviation.
AME / 2026-2027 / SH-57

Tawaran No. 05
Kerja-Kerja Pemotongan Rumput, Pemangkasan Pokok dan Pembersihan Longkang di Bawah Kawalan Jabatan Penerbangan Awam bagi Tempoh 24 Bulan
AME / 2026-2028 / SH-60
(Kelas II atau ke atas)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
18 November 2026, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
1 Disember 2026, Selasa
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
2 Disember 2026, Rabu.

KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0111

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Phnom Penh, Kingdom Of Cambodia

Bilangan Sebut Harga:
KHELN / KEW / 2026 / 0211

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For Sea Transport Cost Of Personal Effect, Republic Of Singapore

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 25 November 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam Kategori Dan Kelas Terbuka

Tarikh Buka Sebut Harga:
Isnin, 16 November 2026

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran pada:
Isnin, 30 November 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 1 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Bil. Tawaran:
KHEDN / LTK / 2026-09-01

Tajuk Projek :
Term Contract [24 Months] For Maintenance Work Of Decorative Light And Street Lighting Along Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Edinburgh Bridge To The Roundabout Of Jalan Mc Arthur In Front Of Energy Hub Building, Bandar Seri Begawan
– Retender I
[KHEDN / LTK / 2026-09-01].

Bilangan Projek:
KHEDN / UPE / 2106 / 17

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga:
(139) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Penggantian Bateri Baharu Kenderaan BG 4979 Mitsubishi Pajero Sport (2013) – Diesel 4 Cyls (A) Jabatan Penerangan.

Bilangan Sebut Harga:
(140) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Servicing Dan Penyelenggaraan Alat Pemadam Api Jabatan Penerangan.

Bilangan Sebut Harga:
(141) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Pembelian Baharu Alat-Alat Pemadam Api Jabatan Penerangan

Bilangan Sebut Harga:
(144) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bagi Kenderaan BG 9638 Nissan X-TRAIL Luxury (2005) A, TDBNRJAT30EYA…B – Petrol 4 Cylinder, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Bilangan Sebut Harga:
(145) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bagi Kenderaan BG 1238 (KB) Mitsubishi Pajero GL (M) V34VHNDR 2003 Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026
Jam 8.00 Pagi

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Sebut Harga Bagi:

1. Supply And Delivery Of BFRD Vehicles Batteries
(36 Months Contract)
RUJ: JBP / TSH / 16 / 2026 - 2027

2. Membekal Dan Menghantar Combi Tool / Power Unit / Duo Extension Hose
RUJ: JBP / TSH / 27 / 2026 - 2027

3. Supply And Delivery Of Portable Gas Detector
RUJ: JBP / TSH / 28 / 2026 - 2027

4. Membekal Dan Menghantar Baju T-Shirt Tactical Satrea
RUJ: JBP / TSH / 29 / 2026 - 2027

5. Membekal Dan Menghantar Peralatan Pertolongan Cemas
RUJ: JBP / TSH / 30 / 2026 - 2027

6. Supply And Delivery Of UAV Drone, Accessories And Associated Software For Fire Fighting Operational Use
RUJ: JBP / TSH / 31 / 2026 - 2027

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis, 3 Disember 2026
(1.50 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Tajuk:
Permohonan Cadangan Tawaran Pengurusan Dan Pengendalian Bagi Gerai Ramadan 1448H / 2027M

Bilangan Tawaran:
JBKBS / GR / TI / 2027 (2026-2)

Tarikh Tawaran Dibuka:
Sabtu - 21 November 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa - 8 Disember 2026
(Jam 11.30 Pagi)

JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
AUD / BPK / UTM / Q&T / 2026 – 2027 / 02
Pembelian 4 Unit Mesin Shredder Bagi Jabatan Audit, Bangunan Bahirah

Perkara:
Shredder Heavy Duty
Cut Type :- Cross-Cut / Micro-cut
Stamping Ability: Minimum 25-36 sheets of paper (80gm) one way
Fill out Barrel Solid: Minimum 30 Liters
Can shred: Credit Cards, staples, paper clips and CDs / DVDs
Auto start and stop / Reverse / overheat and overload protection / bin full sensor
Shredder speed: 2.5m
Silent operation at < 56db – 58db
Metal gear
Four roller wheels

Unit Diperlukan:
4 Units

Tarikh Tutup:
Selasa, 1 Disember 2026

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:
FPDAM License
– SaaS Subscription Including Supply, Installation And Configuration Of Associated System Implementation
ATELS / 2026 / LTK-05

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran:
9 November 2026,
Isnin

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
23 November 2026, Isnin

Tarikh Tutup Tawaran:
24 November 2026,
Selasa

JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Sebut Harga / Tawaran Bagi Perbekalan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan

Bilangan:
20 / 2026 - 2027
Supply And Delivery Of Lexmark

CS921de/CX921de Toner Cartridge & Photoconductor

Tarikh Tutup:
24 November 2026, Selasa
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga:
(142) INFO / PK / K / 7 (2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Perkhidmatan Kontrak Satu (1) Tahun Bagi Memotong Rumput Serta Penjagaan Pokok Dan Tanaman Landskap Di Tempat, Kawasan, Sekitar Dan Sekeliling Bangunan-Bangunan Asal Serta

Tambahan Jabatan Penerangan.

Yuran:
BND 5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026
Jam 8.00 Pagi

JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT
JABATAN PERDANA MENTERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Secara Terbuka

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JMM / JKSH / 2026 / 26
Troubleshooting Works To Addressable Fire Alarm System And Servicing Fire Extinguisher At Dewan Majlis Building, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Yuran Tawaran:
BND 5.00

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
21 November 2026

Tarikh Tutup:
Selasa, 24 November 2026
Jam: 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

1. Bilangan Tawaran:
KK / 257 / 2026 / HTD (TC)

Keterangan:
The Provision Of Leasing New A4 Monochrome Laser Printer Inclusive Of Toners With Comprehensive Maintenance And On-Site Support Services For Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND 100.00

2. Bilangan Tawaran:
KK / 258 / 2026 / HTD

Keterangan:
One-Off Comprehensive Maintenance Services Inclusive Of Spareparts And Accessories For A Period Of Six (6) Months For DWA Water Treatment Plant In Kuala Belait Dialysis Centre

Yuran Tawaran:
BND10.00

3. Bilangan Tawaran:
KK / 259 / 2026 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Dynamic - Frequency Dental Scaler Handpiece For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

4. Bilangan Tawaran:
KK / 261 / 2026 / JPKAS (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical

JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2026-2027 / 27
Design, Fabrication, Supply And Installation Works For The Enhancement Of Visitor Experience At Wasai Belulok & Wasai Teraja Eco Trails, Mukim Labi, Belait

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
26 November 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0060 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Perform Cleaning, Flushing And Restoration Of Existing Sumps And Seawater Intake Pipeline System At Meragang Site

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 10 Disember 2026
Tidak lewat dari Jam 2.00 Petang
(Lewat diterima tidak akan dilayan)

Consumable (Sterile Water Sampling Bottle With Sodium Thiosulphate) For Environmental Health Division, Department Of Environmental Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
24 November 2026
Tidak lewat jam
2.00 Petang

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI **WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sijil, transkrip dan penghargaan Majlis Kelangsungan Pengajaran Kebangsaan (MKPK) yang berkenaan)
4. Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PSC.BN

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	**PENOLONG PENYELIA PERHUBUNGAN** KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2026/NOV/01/KHLN	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	01	7(A)	25 NOVEMBER 2026
2.	**PEGAWAI URUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL** JABATAN URUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL B.2 EB.3/B.2 (BAHAGIAN II) 2026/NOV/02/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A)	25 NOVEMBER 2026
3.	**PEMBANTU TEKNIK KANAN** PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/NOV/02/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	25 NOVEMBER 2026
4.	**PENYELIA ADAT ISTIADAT** JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/NOV/01/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	02	38(A)	25 NOVEMBER 2026
5.	**PEGAWAI SEJARAH KANAN** PUSAT SEJARAH BRUNEI B.3 (BAHAGIAN II) 2026/NOV/01/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	38(A)	25 NOVEMBER 2026
6.	**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU KANAN GRED I (PHARMACY)** JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI M.17 (BAHAGIAN I) 2026/NOV/01/KKS/JKK	KEMENTERIAN KESIHATAN	02	38(B)	25 NOVEMBER 2026
7.	**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU KANAN GRED I (RADIOGRAPHY)** JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN M.17 (BAHAGIAN I) 2026/NOV/02/KKS/JKK	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	38(B)	25 NOVEMBER 2026
8.	**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU KANAN GRED I (LABORATORY MEDICINE)** JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL M.17 (BAHAGIAN I) 2026/NOV/03/KKS/JKK	KEMENTERIAN KESIHATAN	02	38(B)	25 NOVEMBER 2026
9.	**PEMBANTU MAKMAL** JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL M.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) 2026/NOV/05/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	06	7(A)	30 NOVEMBER 2026
10.	**PENOLONG PEGAWAI SUMBER MANUSIA** JABATAN PENTADBIRAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/NOV/03/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A)	30 NOVEMBER 2026
11.	**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU KANAN GRED II** PUSAT PROMOSI KESIHATAN M.15 EB.16 (BAHAGIAN II) 2026/NOV/04/KKS/JKK	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	38(B)	30 NOVEMBER 2026

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

MEMPERKUKUH KERJASAMA BIDANG KESELAMATAN NUKLEAR, RADIASI

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 November. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) baru-baru ini menerima kunjungan kerja delegasi Jabatan Tenaga Atom Malaysia (Atom Malaysia) selama dua hari, bagi memperkukuh kerjasama dua hala dalam bidang keselamatan nuklear dan radiasi.

Kunjungan kerja tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SHENA, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad, diikuti dengan ucapan daripada Ketua Pengarah Atom Malaysia, Dayang Hajah Noraishah binti Pungut.

Semasa mesyuarat kerja tersebut, SHENA dan ATOM Malaysia bertukar pandangan mengenai aspek keselamatan dan sekuriti nuklear serta sinaran radiasi, termasuk amalan kawal selia.

Perbincangan turut meneroka peluang kerjasama teknikal, termasuk pembangunan kapasiti, perkongsian pengetahuan dan pengukuhan keupayaan institusi.

Antara perkara utama mesyuarat adalah perbincangan mengenai cadangan Memorandum Persefahaman (MoU) antara SHENA dan Atom Malaysia. Kedua-dua pihak meneliti draf MoU tersebut, membincangkan perkara teknikal dan perundangan yang masih dalam pertimbangan serta menimbang langkah susulan dalam proses semakan draf berkenaan.

Sebagai sebahagian daripada atur cara lawatan tersebut, delegasi Atom Malaysia turut mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Menteri Yang Bertanggungjawab bagi SHENA.

Delegasi tersebut turut melawat Makmal Perkhidmatan Dosimetri Radiasi (RDSL) SHENA dan Sistem Amaran Awal Radiasi SHENA. Lawatan ini memberi peluang kepada delegasi untuk mengetahui lebih lanjut tentang keupayaan Negara Brunei Darussalam dalam memantau pendedahan kepada sinaran di tempat kerja dan mengesan perubahan paras sinaran dalam persekitaran.

Kunjungan kerja ini mencerminkan komitmen berterusan SHENA dan Atom Malaysia untuk memperkukuh hubungan dua hala serta kerjasama kawal selia, demi mencapai matlamat bersama untuk melindungi pekerja, orang awam dan alam sekitar.



AUTORITI Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar menerima kunjungan kerja delegasi Jabatan Tenaga Atom Malaysia baru-baru ini.

Penyalaan lampu biru, hijau, putih, merah sempena Hari Kanak-kanak Sedunia

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 November. - Negara Brunei Darussalam akan memeriahkan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2026, yang diraikan setiap 20 November, dengan menyalakan lampu berwarna biru, hijau, putih dan merah di beberapa lokasi utama iaitu Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) dan Bangunan Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Sementara itu, lampu berwarna biru di Jewel Fountain, Jerudong Park.

Penyalaan lampu akan berlangsung dari 20 hingga 22 November 2026 bermula pada 7 malam hingga 12 tengah malam.

Penyalaan lampu ini adalah sebagai sokongan dan peringatan terhadap Hari Kanak-kanak Sedunia, sekali gus mencerminkan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam meratifikasi Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (CRC).

Tema sambutan pada tahun ini ialah 'Hari saya. Hak saya. Masa depan saya.' (My day. My rights. My future.)

Pemilihan warna biru adalah bersempena warna tema Hari Kanak-kanak Sedunia, yang juga merupakan warna rasmi United Nations Children's Fund (UNICEF), manakala warna hijau, putih dan merah melambangkan keprihatinan masyarakat negara ini akan keadaan rakyat dan anak-anak di Palestin.

Penyalaan warna terang ini mewakili perpaduan dalam memperjuangkan hak dan kesejahteraan kanak-kanak di seluruh dunia.

Orang ramai digalakkan untuk mengambil gambar lokasi-lokasi tersebut yang diterangi lampu biru dan memuat naiknya ke media sosial dengan menggunakan *hashtag* #WCD2026. Marilah kita berganding bahu untuk menghormati dan melindungi hak setiap kanak-kanak.



PENYALAAN lampu berwarna biru, hijau, putih dan merah di beberapa lokasi utama, antaranya di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien sempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2026.

Perpustakaan DBP Daerah Tutong anjur Festival Mini

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Khamis, 19 November. - Festival Mini yang dikendalikan oleh Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Daerah Tutong adalah merupakan salah satu rancangan tahunan perpustakaan berkenaan.

Dengan membawa tema 'Sung Dai Li Perpustakaan Tutong' yang bermaksud 'Marilah Ke Perpustakaan Tutong' diadakan selama dua hari bermula Rabu, 18 November dan berakhir hari ini. Festival Mini berkenaan bermula dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Menurut Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat II, Perpustakaan DBP Daerah Tutong, Dayang Norhadijah binti Haji Abdul Wahab semasa ditemu bual menjelaskan bahawa tujuan Festival Mini itu diadakan ialah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kepentingan dan menggalakkan masyarakat celik ilmu pengetahuan melalui membaca.

Selain itu tambahnya, ia juga bagi memperkasa budaya membaca dalam kalangan rakyat Negara Brunei Darussalam, menjadikan perpustakaan sebagai pusat sumber ilmu, melaksanakan visi dan misi perpustakaan dan juga dapat meningkatkan jumlah pengunjung ke perpustakaan.

Kongsinya lagi, Festival Mini tersebut disasarkan kepada kanak-kanak, pelajar sekolah, ibu bapa dan keluarga, guru-guru dan pengguna-pengguna perpustakaan serta orang awam.

Pelbagai aktiviti disediakan yang berunsurkan pendidikan dan ilmu pengetahuan, kreativiti, pertunjukan cerita bayangan dan sebagainya. Para pengunjung juga berkesempatan untuk melakat potret karikatur bersama pelukis-pelukis DBP.

Turut memeriahkan juga, DBP Daerah Tutong telah menjemput Jabatan Muzium-Muzium bagi menunjuk cara permainan tradisi Brunei.

Perpustakaan Daerah Tutong mengalu-alukan kepada ibu bapa dan penjaga untuk membawa kanak-kanak yang berumur 1 hingga 5 tahun untuk mengikuti Program Literasi Awal dan beberapa aktiviti dan kegiatan yang disediakan yang berunsurkan pendidikan awal kanak-kanak sebelum mereka mencecah alam persekolahan.



PARA pelajar sekolah semasa berada di Festival Mini yang dikendalikan oleh Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Daerah Tutong. Pelbagai aktiviti disediakan, berunsurkan pendidikan dan ilmu pengetahuan, kreativiti, pertunjukan cerita bayangan dan sebagainya.

PELITA BRUNEI

PUPUK KEFAHAMAN MENGENAI KENEGARAAN, TINGKATKAN KESEDARAN SIVIK

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PEMANGKU Superintendent 2, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norwen binti Haji Brahim hadir selaku tetamu kehormat pada Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) dan seterusnya menyampaikan cenderamata kepada pemenang kuiz (atas dan bawah kanan).

MASIN, Khamis, 19 November. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik dengan kerjasama Sekolah Menengah Masin telah mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) bertempat di Dewan Auditorium sekolah berkenaan dan dihadiri oleh seramai 106 orang pelajar Tahun 9 dan 10 dari Sekolah Menengah Masin.

Program ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan dalam mendekati golongan remaja di sekolah-sekolah seluruh negara bagi memupuk kefahaman mengenai kenegaraan, meningkatkan kesedaran sivik serta menggalakkan penyebaran maklumat yang tepat dan beretika dalam kalangan pelajar.

Selain itu, Program RRP bertujuan menanamkan nilai-nilai murni, semangat patriotik dan rasa cintakan negara melalui pendekatan pendidikan, interaksi dan hiburan terarah yang berimpak positif.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Superintendent 2, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norwen binti Haji Brahim.

Turut hadir ialah Timbalan Pengetua (Akademik) Sekolah Menengah Masin, Dayang Nur Adyani binti Haji Yusop; Timbalan Pengetua Pentadbiran, Sekolah Menengah Masin, Dayang Nur Shumaimah binti Haji Abdul Amin; Pemangku Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim; Ketua Kampung Masin; Pegawai-pegawai Jabatan Penerangan; wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan guru-guru kanan serta tenaga pengajar sekolah.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' dan diberkati dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pelajar Tahun 9 Sapphire wakil pelajar Badan Agama Dan Akhlak (BADA), Awang Muhammad Farish Danial bin Mazli.

Dalam ucapan alu-aluan, Timbalan Pengetua (Akademik) Sekolah Menengah Masin, Dayang Nur Adyani binti Haji Yusop, menyatakan Program RRP ini merupakan satu inisiatif yang amat bermanfaat dalam meningkatkan kesedaran sivik, memupuk semangat kenegaraan serta membentuk jati diri dan nilai-nilai positif dalam kalangan remaja.

Beliau menambah di samping pengisian yang menarik seperti Taklimat Kenegaraan, persembahan dan aktiviti interaktif, apa yang lebih penting ialah para pelajar dapat memahami, menghayati serta mengambil iktibar daripada mesej-mesej positif dan nilai-nilai murni yang disampaikan melalui pengisian program.

Selain itu, beliau berharap semoga segala ilmu, pengalaman dan pengajaran yang diperoleh dapat dijadikan panduan dalam kehidupan seharian, khususnya dalam membentuk diri sendiri sebagai remaja yang bertanggungjawab dan warganegara yang baik.

Program RRP dimulakan dengan persembahan sajak bertajuk 'Pengemis Kota' yang disampaikan oleh Mohammad Nazairin Al-Syukri bin Abdullah Al Hazmi, Pelajar 11 Lily.

Turut dipersembahkan ialah tayangan video bertajuk 'Be An Upstander, Not A Bystander' yang dihasilkan oleh pelajar Tahun 9 Amber. Video ini membawa mesej tentang gejala buli agar ia tidak berleluasa dalam kalangan pelajar.

Persembahan sketsa bertajuk 'Apa Untungnya' oleh Kumpulan Seni Kreatif Insan Seni menampilkan mesej kesedaran mengenai keburukan gejala buli, merokok dan *vape* serta membuang masa dengan perkara-perkara tidak berfaedah yang merugikan diri sendiri dan orang lain.

Lakonan turut menyelitkan peranan semua pihak termasuk guru, pelajar dan ibu bapa dalam menangani isu-isu sosial.

Taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris. Kandungan taklimat antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara serta lagu kebangsaan negara.

Majlis turut diserikan dengan pelbagai persembahan yang menampilkan bakat serta kreativiti para pelajar iaitu persembahan silat oleh para pelajar Tahun 9, 10 dan 11 dan persembahan pementasan Gulintangan instrumental bertajuk 'Samudera Cita-Cita' berkonsepkan penceritaan tentang perjuangan dan cabaran pelajar dalam menuntut ilmu.

Program RRP turut dimeriahkan dengan persembahan lawak jenaka daripada Kumpulan SYAFDI, yang menyelitkan pengajaran tentang penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) secara berhemah, keburukan merokok dan *vape* serta belajar membahagi masa dengan bijak. Turut diselitkan persembahan nyanyian oleh artis tempatan, Naz Asri yang membawakan lagu 'Teh Hijau' dan 'Panah Asmara'.

Kuiz Kenegaraan turut diadakan bagi menguji kefahaman pelajar yang hadir tentang taklimat yang disampaikan di awal program. Penyampaian cenderamata kepada pemenang kuiz disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.



ANTARA persembahan pada program berkenaan.



Mantapkan mutu pembacaan, pemahaman surah

Siaran Akhbar dan Foto : Al-Muflihun Learning, PQT | Private Quran Teacher

BELAIT, Khamis, 19 November. - Dalam menyebarluaskan lagi usaha untuk membantu para mualaf dan warga Islam mahir dalam pembacaan Al-Quran, Al-Muflihun Learning dan PQT | Private Quran Teacher dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Liang baru-baru ini mengadakan Program Bimbingan Muallaf Siri Ke-3 : Pengukuhan Al-Quran yang memfokuskan kepada melancarkan bacaan Surah Al-'Asr.

Program yang diadakan di Masjid Kampung Sungai Liang tersebut merupakan usaha dan inisiatif berterusan oleh pihak Al-Muflihun Learning dan PQT | Private Quran Teacher dalam memeduli warga mualaf serta masyarakat awam.

Hadir bagi menyampaikan sesi pengajaran adalah Pengasas Al-Muflihun Learning, Awangku Abdul Qayum bin Pengiran Bakar dan Pengasas PQT | Private Quran Teacher, Dayang Nur Darwismah binti Dahari.

Seramai 70 orang peserta yang terdiri daripada masyarakat mualaf, termasuk warga Islam asal dan bukan Islam merentasi keempat-empat daerah telah pun menyertai program ini.

Melalui penyertaan daripada berbilang masyarakat ini, jelas menunjukkan kegigihan serta ketekunan masyarakat untuk menimba ilmu, khususnya dalam memantapkan lagi mutu pembacaan serta pemahaman surah yang dipelajari.

Antara pengisian sepanjang program adalah pengenalan ringkas mengenai dengan Surah Al-'Asr serta memahami akan isi kandungannya dengan penerapan bahasa Arab interaktif.

Pembacaan secara berulang-ulang juga dilaksanakan dalam memastikan peserta bukan sekadar hafal tapi boleh membaca dengan sebaiknya.

Selain daripada itu juga, peserta program turut diberikan pengukuhan huruf *hijaiyah* sebagai asas bagi mencapai tahap pembacaan yang sempurna.

Setelah menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat mualaf dan warga Islam asal, program pada kali ini turut diserikan dengan penglibatan pensyarah dan mahasiswa mahasiswi daripada Fakulti Bahasa Arab dan Fakulti Usuluddin Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang mana sesi pembelajaran interaktif bahasa Arab turut disampaikan bagi menarik minat para peserta program untuk mempelajari bahasa Arab.

Memfokuskan kepada aktiviti perbualan harian bahasa Arab, peserta turut didedahkan dengan kosa kata bahasa Arab bagi menambah lagi dapat peserta dan dalam masa yang sama, mempromosikan pembelajaran bahasa Arab kepada masyarakat awam.



PROGRAM yang diadakan di Masjid Kampung Sungai Liang tersebut merupakan usaha dan inisiatif berterusan oleh pihak Al-Muflihun Learning dan PQT | Private Quran Teacher dalam memeduli warga mualaf serta masyarakat awam.

Turut hadir dalam program tersebut ialah dua pegawai daripada UNISSA iaitu Penolong Pensyarah daripada Fakulti Bahasa Arab, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Abdul Karim dan Pensyarah daripada Fakulti Usuluddin, Dayang Hajah Nurol Halimatul Wara' binti Haji Mumin.

LEBIH 500 MURID TASKA SERTAI PROGRAM INTERAKTIF TA'DIB

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 November. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyakatan dengan kerjasama Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengadakan Program Interaktif Ta'dib Pendidikan Awal Kanak-kanak berlangsung di Dewan TASKA, pagi tadi.

Seiring dengan TASKA Book Character Day, seramai lebih 500 murid TASKA menyertai program berkenaan yang dikendalikan oleh mahasiswa-mahasiswi Kursus Minor Pendidikan Awal Kanak-kanak KUPU SB bersama guru-guru TASKA.

Pelbagai aktiviti menarik dilaksanakan dalam program berbentuk 'Gallery Walk' dan 'Station Rotation'. Setiap pelajar berpeluang mencuba kesemua Bahan Bantu Mengajar (BBM) berteknologi yang berasaskan sifat perkembangan peringkat awal kanak-kanak melalui pergerakan, deria dan pengalaman langsung.

Pengaplikasian teknologi digital seperti Video Mikro, e-Buku Cerita Interaktif mahupun Kad Imbas QR sudah pastinya menarik minat para pelajar untuk melihat, mencuba dan memberi maklum balas, selaras dengan keperluan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21.

Program seumpama ini diharap dapat memberikan nilai tambah kepada mahasiswa mahasiswi terlibat dengan mempamerkan keberkesanan BBM berteknologi dan bahan 'maujud' yang dibina secara menyeluruh di samping memberi pengalaman pembelajaran yang bermakna, menyeronokkan dan signifikan kepada kepada pendidikan awal kanak-kanak.





SEKITAR Program Interaktif Ta'dib Pendidikan Awal Kanak-kanak berlangsung di Dewan TASKA (kiri dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto :
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



Mengekalkan tahap profesionalisme dalam kalangan pengamal industri

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Insurans dan Takaful Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 November. - Persatuan Insurans dan Takaful Brunei (Brunei Insurance and Takaful Association - BITA) telah mengadakan Bengkel Pembangunan Profesional Berterusan (Continuous Professional Development - CPD) mengenai Pengurusan Hubungan Pelanggan (Client Relationship Management) khusus untuk ejen insurans dan takaful di Star Lodge Hotel, Jerudong.

Bengkel ini memberi tumpuan kepada pengurusan hubungan pelanggan dengan objektif untuk menyokong pembangunan profesional para ejen agar mereka lebih bersedia dalam memberikan perkhidmatan serta nasihat kepada orang ramai dan pelanggan mereka.

Melalui bengkel ini, para ejen berpeluang mempelajari cara membina kepercayaan pelanggan melalui kredibiliti profesional yang tinggi, mewujudkan hubungan yang baik dengan pelanggan serta mengekalkan pengaruh profesional secara berterusan dalam jangka masa panjang.

Dalam ucapan pembukaannya, Pengerusi BITA, Awang Haji Shahrildin bin POKLU DP Haji Jaya menekankan peranan CPD dalam mengekalkan tahap profesionalisme dalam kalangan pengamal industri. Beliau turut menyentuh mengenai trend pendigitalan dalam industri berkenaan.

Sebanyak dua sesi bengkel telah diadakan pada hari yang sama. BITA merancang untuk menganjurkan sesi seumpamanya pada tahun 2027. Takwim bengkel akan diumumkan melalui pekeliling industri dan laman sesawang rasmi serta media sosial BITA.



UCAPAN pembukaan Pengerusi BITA, Awang Haji Shahrildin bin POKLU DP Haji Jaya menekankan peranan CPD dalam mengekalkan tahap profesionalisme dalam kalangan pengamal industri.

DARI MAHKAMAH

Warga asing didenda miliki barang tegahan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 November. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan menjatuhkan hukuman denda terhadap seorang perempuan warganegara Malaysia atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman menjatuhkan hukuman denda tersebut terhadap Kian Kok Huau, 64 tahun setelah mengaku bersalah memiliki 115 minuman keras tanpa permit yang sah.

Defendan ditangkap pada 28 Oktober 2021 bertempat di sebuah rumah di kawasan Kampung Kumbang Pasang oleh Pegawai Pencegah Kastam, Bandar Seri Begawan. Defendan dijatuhkan hukuman sebanyak BND5,000 atau pemenjaraan selama lima bulan sekiranya gagal menjelaskan denda tersebut.

Semua barang yang terlibat iaitu minuman keras dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dilupuskan.

PELITA BRUNEI

MEMASTIKAN INFRASTRUKTUR AWAM TERUS BERDAYA TAHAN



PUJA (B) Academy Sendirian Berhad semasa menganjurkan seminar bertajuk 'Evolusi Lampu Jalan : Daripada Pencahayaan kepada Bandar Pintar dan Mampan' bertempat di Dewan Kuliah 3, Universiti Teknologi Brunei (kiri dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : PUJA (B) Academy Sendirian Berhad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 November. - PUJA (B) Academy Sendirian Berhad telah menganjurkan seminar bertajuk 'Evolusi Lampu Jalan : Daripada Pencahayaan kepada Bandar Pintar dan Mampan' bertempat di Dewan Kuliah 3, Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Seminar yang berlangsung dari pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari ini telah menarik seramai 63 peserta daripada pelbagai agensi kerajaan termasuk Kementerian Pembangunan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Daerah Temburong dan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, serta sektor swasta, perunding dan Ahli PUJA.

Para peserta telah diberikan 3 mata Pembangunan Profesional Berterusan (CPD). Inisiatif ini selaras dengan salah satu objektif teras strategik PUJA iaitu meningkatkan kualiti kompetensi profesional serta memperkembangkan kemahiran dan pemindahan ilmu pengetahuan.

Seminar dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Urusan PUJA (B) Academy Sdn. Bhd., Ir. Dayang Hajah Fatimah binti Haji Md. Ali, yang mengalu-alukan kehadiran para peserta serta merakamkan penghargaan kepada pihak UTB atas kesudian menjadi tuan rumah bagi acara tersebut. Ucapan alu-aluan seterusnya disampaikan oleh Tay Shieh Cherng.

Seminar ini telah disampaikan oleh Jurutera Mekanikal di Straits Design, Yap Khai Ming. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam Bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Niigata, Jepun serta berpengalaman dalam penyediaan penyelesaian kejuruteraan di seluruh Asia dan Latin Amerika.

Dengan pengkhususan dalam penyelesaian pencahayaan Diod Pemancar Cahaya (LED), sokongan teknikal dan projek pencahayaan awam, Yap Khai Ming telah berkongsi pandangan praktikal berdasarkan pengalamannya dalam pemasangan sistem pencahayaan LED pintar, penyelenggaraan, penyelesaian masalah teknikal dan penyelarasan projek, termasuk projek-projek yang melibatkan lebuh raya utama dan jambatan di Malaysia.

Seminar ini membincangkan kepentingan pencahayaan jalan raya, termasuk fakta bahawa kadar kemalangan dalam keadaan gelap adalah kira-kira tiga kali ganda lebih tinggi berbanding pada waktu siang. Pencahayaan yang baik juga berperanan dalam membantu mengurangkan kadar jenayah serta menyokong aktiviti perdagangan pada waktu malam.

Yap Khai Ming turut menekankan bahawa tahap kecerahan tidak semestinya menjamin penglihatan yang baik, memandangkan keseragaman pencahayaan juga memainkan peranan penting dalam membantu pengguna jalan raya mengenal pasti sebarang bahaya.

Beliau turut mengupas peralihan teknologi pencahayaan daripada lampu wap natrium tekanan tinggi (HPSV) kepada lampu LED, dengan mengetengahkan satu kajian kes yang menunjukkan penjimatan penggunaan tenaga keseluruhan sehingga 70 peratus.

Selain itu, beliau menjelaskan kepentingan kualiti lampu jalan serta membincangkan penggunaan lampu berkuasa solar dan sistem kawalan pintar berasaskan Internet of Things (IoT). Teknologi ini menyokong matlamat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) serta konsep Society 5.0.

Seminar diakhiri dengan sesi soal jawab yang memberi peluang kepada para peserta untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai topik yang dibincangkan.

Penganjuran seminar ini juga menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035 melalui penerapan sistem pintar dan cekap tenaga bagi memastikan infrastruktur awam terus mampan dan berdaya tahan.

Seminar ini mencerminkan komitmen berterusan PUJA (B) Academy Sdn. Bhd. dalam memperkasakan ahli-ahlinya dengan kemahiran praktikal yang relevan dan bersedia menghadapi keperluan masa hadapan.

Inisiatif ini sekali gus memperkukuh misi organisasi dalam meningkatkan kesedaran, memperluas pengetahuan serta memperkaya pengalaman dalam kalangan komuniti profesional di Negara Brunei Darussalam.



Burung Takau Kasturi

Nama Binatang :
Black and Yellow

Nama Saintifik :
Eurylaimus ochromalus

Keluarga : Eurylaimidae

IUCN : Hampir Terancam

Nama Tempatan :
Burung Takau Kasturi / Burung takau hitam kuning atau Sempur-Hujan Darat (bagi Indonesia)

Order : Passeriformes

Kelas Spesies : Aves

CITES : Apendiks II

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri



Sumber Foto : BWPC 2022 JPH : Haji Rusdi Haji Abd Latif, Marlowe Baldo Acompanado, Asmali Asli, Eugenio P. Buno, Chong Sey Lo, Haji Osman Haji Daud

MARITAH *kitani* mengenali salah satu burung tropika yang sangat cantik dan unik di Negara Brunei Darussalam (NBD) iaitu Black-and-Yellow Broadbill atau lebih dikenali sebagai Burung Takau Kasturi. Dengan warna yang terang dan suara yang merdu, burung ini sememangnya satu khazanah alam yang sangat berharga.

Burung Takau Kasturi atau nama saintifik burung ini ialah Eurylaimus ochromalus dan ia termasuk dalam keluarga Eurylaimidae, iaitu kumpulan burung paruh lebar. Dari segi rupa, Burung Takau Kasturi ni memang mencuri tumpuan - saiz badannya sederhana sekitar 16 hingga 18 sentimeter, mempunyai paruh yang lebar dan berwarna biru kehijauan. Bahagian kepala dan sayapnya berwarna hitam, manakala dada serta perutnya berwarna kuning terang! Warna yang terang ni bukan sahaja cantik, malah membantu ia berkomunikasi dengan pasangan dan ahli kumpulannya.

Di mana kita boleh menjumpai burung ni? Ia biasanya hidup di hutan hujan tropika yang lembap dan jarang diganggu, terutamanya di kawasan hutan tanah rendah di bawah ketinggian 1,000 meter, berhampiran sungai serta kawasan berpaya. Di NBD, ia lazimnya ditemui di kawasan hutan simpan dan taman negara.

Dari segi pemakanan, burung ini adalah insektivor iaitu memakan serangga kecil seperti belalang, kumbang, semut, ulat dan labah-labah serta kadang-kadang buah-buahan kecil. Cara memburunya pun unik iaitu dengan melompat dari dahan ke dahan sambil memerhatikan mangsa.

Paling menarik, ia membina sarang tergantung yang sangat unik pada dahan pokok atau berhampiran air menggunakan daun, rumput, sarang labah-labah dan serat. Induk betina bertelur sekitar dua hingga tiga biji dan kedua-dua ibu bapa menjaga anak bersama-sama.

Dari segi pemuliharaan, Burung Takau Kasturi disenaraikan di bawah Apendiks II Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Flora dan Fauna Liar (CITES) dan dikategorikan sebagai Hampir Terancam (Near Threatened) dalam Senarai Merah IUCN. Populasinya semakin hampir kepada tahap ancaman kepupusan sebab itu penting bagi *kitani* menjaga kelestarian hutan demi kelangsungan hidup spesies ini.

Kepentingannya bukan sekadar mengawal populasi serangga hutan dan menjadi petunjuk ekosistem yang sihat, malah ia menyokong ekopelancongan. Kehadiran burung ini boleh menarik minat pelancong dan penggemar alam untuk aktiviti pemerhatian burung, penyelidikan, serta membuka peluang kepada komuniti setempat sebagai pemandu pelancong untuk memacu ekonomi hijau yang mampan.

Spesies Takau Kasturi bukan sahaja unik dan cantik, malah memainkan peranan penting dalam keseimbangan alam sekitar *kitani*. Mari *kitani* hargai dan pelihara hidupan liar negara *kitani*.

Untuk melihat foto-foto spesies dan maklumat lanjut layari dan ikuti Instagram Jabatan Perhutanan di *forestry.brunei*.

'Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara Hutan Kitani…' Mari kita sama-sama nikmati serta memelihara kekayaan alam semula jadi NBD!



HARI ini lebih 190 negara menyambut WCD dengan pelbagai cara yang melambangkan kasih sayang dan penghargaan terhadap kanak-kanak. Di Negara Brunei Darussalam (NBD) sendiri, Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia diterajui oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat sebagai simbol komitmen negara terhadap Konvensyen Hak Kanak-kanak yang telah disahkan pada 27 September 1995.

Kanak-kanak amanah bersama masyarakat, negara untuk dipelihara, dididik, dilindungi

Rencana : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Ilustrasi : Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi

SEJAK 1954, Hari Kanak-kanak Sedunia (World Children's Day - WCD) disambut pada setiap 20 November di seluruh dunia, bagi menzahirkan komitmen terhadap prinsip yang terkandung dalam Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak (Convention on the Rights of the Child - CRC).

WCD bukan sekadar hari untuk diraikan tetapi hari untuk mengingatkan masyarakat di seluruh dunia bahawa kanak-kanak merupakan harapan dan masa depan negara. Kanak-kanak bukan sahaja tanggungjawab keluarga tetapi ianya amanah bersama masyarakat dan negara untuk dipelihara, dididik dan dilindungi.

Definisi kanak-kanak

Kanak-kanak ialah seseorang yang di bawah umur 18 tahun seperti yang termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak, 2001. Definisi ini juga merujuk kepada individu yang masih dalam perkembangan dan memerlukan perlindungan, jagaan, pemeliharaan serta pemulihan mengikut undang-undang.

Sejarah Hari Kanak-kanak Sedunia

WCD mula diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1954, sebagai usaha global untuk memupuk perpaduan dan meningkatkan kesedaran kesejahteraan kanak-kanak di seluruh dunia.

Tarikh 20 November ini dipilih kerana pada tahun 1959, PBB telah meluluskan Declaration of the Rights of the Child dan 30 tahun kemudian pada 1989 dunia bersatu sekali lagi untuk menandatangani CRC. Jadi kedua-dua peristiwa ini telah menjadi titik sejarah penting dalam perjuangan kemanusiaan ini disebabkan selepas Perang Dunia Ke-2 jutaan kanak-kanak menjadi mangsa peperangan, kehilangan keluarga, pendidikan dan tempat perlindungan, jadi memberi kesedaran kepada dunia bahawa kanak-kanak bukan sekadar generasi muda yang perlu dijaga, tetapi insan yang mempunyai hak, suara dan maruah. Dari kesedaran inilah lahirnya keperluan untuk mewujudkan satu hari khas bagi menghormati mereka ini.

Hari ini lebih 190 negara menyambut WCD dengan pelbagai cara yang melambangkan kasih sayang dan penghargaan terhadap kanak-kanak. Di Negara Brunei Darussalam (NBD) sendiri, Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia diterajui oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat sebagai simbol komitmen negara terhadap Konvensyen Hak Kanak-kanak yang telah disahkan pada 27 September 1995. NBD juga melihat bahawa WCD bukan sekadar sambutan, tetapi ianya satu tanggungjawab untuk memastikan setiap kanak-kanak di negara ini dilindungi, didengari dan diberi peluang yang adil untuk membesar dengan selamat serta menghargai pandangan kanak-kanak sebagai cerminan masa depan negara dan memastikan suara kanak-kanak menjadi panduan dalam membina persekitaran yang selamat, beretika dan sejahtera untuk mereka.

Usaha / strategi bagi kesejahteraan kanak-kanak

Selaras dengan Wawasan Brunei 2035 juga, pelbagai usaha dan strategi telah digariskan bagi memperkukuh institusi keluarga, melindungi kanak-kanak dan memperkasa masyarakat secara holistik dan pendekatan senegara. Ini termasuk pelaksanaan Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-kanak di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial dan Social Blueprint di bawah Wawasan Brunei 2035. Inisiatif dalam Pelan Tindakan berkenaan termasuklah Rangka Kerja Perlindungan Kanak-kanak Dalam Talian (Child Online Protection Framework) (2013) bagi menyelaras tindakan agensi-agensi berkepentingan dalam melindungi keselamatan kanak-kanak di dunia siber, dan Rangka Kerja Perlindungan Kanak-kanak (National Framework on Child Protection) (2021) sebagai panduan kebangsaan dalam membangun ekosistem perlindungan kanak-kanak yang sedia ada.

Selaku masyarakat yang prihatin, perkembangan kanak-kanak amat penting dalam membentuk pertumbuhan dan kesejahteraan mereka pada masa hadapan. Menyedari kepentingan ini, sempena Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru NBD Kali Ke-36 Tahun 2026, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah dengan memperkenankan mengenai penubuhan National Intervention Centre for Early Childhood Education (NICEe) iaitu satu pusat intervensi pendidikan awal kanak-kanak berusia antara 2 hingga 4 tahun bermula tahun 2027. Pusat ini akan diterajui bersama oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Manakala pada Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru NBD Kali Ke-35 Tahun 2025, baginda juga telah bertitah mengenai pembentukan sebuah Kerangka Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak Kebangsaan yang Komprehensif yang akan dipimpin oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama pihak berkepentingan bagi menjamin pendidikan awal (Early Childhood Intervention and Education) yang inklusif, berkualiti, menyeluruh dan berteraskan nilai agama Islam.

Peranan ibu bapa / masyarakat penting

Hari Kanak-kanak disambut sebagai tanda pengiktirafan kepada anak-anak kita. Mereka adalah generasi yang bakal mewarisi dunia ini pada masa akan datang. Menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan mereka diwarisi dengan ilmu, akhlak dan iman yang terbaik demi masa depan negara.

Sebagai insan yang bergelar kanak-kanak yang mempunyai hak, suara dan maruah, para ibu bapa juga perlu diingatkan supaya memainkan peranan masing-masing dalam mendidik dan memantau anak-anak walaupun sibuk bekerja, agar mereka dapat diasuh seta dipupuk dengan nilai-nilai positif serta etika yang betul.

Semua pihak mestilah memainkan peranan untuk memastikan kanak-kanak sentiasa dilindungi daripada sebarang bentuk penderaan, pengabaian atau penganiayaan. Kita mesti melaporkan segera kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat kes berisiko atau situasi meragukan.

Dalam dunia moden dan digital yang penuh cabaran pada masa kini, kanak-kanak juga perlu dibimbing dan diasuh dengan bijaksana serta dilindungi daripada ancaman yang semakin kompleks, terutamanya yang mungkin datang melalui ruang digital.

Alhamdulillah, kanak-kanak di NBD hidup dengan aman dan makmur. Sempena WCD seluruh masyarakat turut diseru untuk mengambil berat terhadap penderitaan kanak-kanak di Palestin, yang terus terjejas akibat konflik yang berlarutan. Dengan adanya WCD ini kita selaku masyarakat di negara ini diharap akan terus mengambil berat serta menyayangi kanak-kanak.

'Selamat WCD' kepada semua kanak-kanak dan orang muda di NBD.

MEMPERKUKUH KEFAHAMAN MENGENAI KEWAJIPAN PENGAMAL PERUBATAN



SESI bergambar ramai di salah satu Siri Sesi Libat Urus berkenaan anjuran Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar dengan kerjasama Bahagian Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Kesihatan.

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 November. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), dengan kerjasama Bahagian Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Kesihatan telah mengadakan Siri Sesi Libat Urus bersama para profesional kesihatan sejak April 2026 bagi memperkukuh pengenalpastian, rujukan dan pelaporan penyakit pekerjaan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sesi-sesi tersebut telah dilaksanakan melalui Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) dan Sesi Libat Urus di pelbagai institusi serta perkhidmatan kesihatan termasuk Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Hospital Suri Seri Begawan, Perkhidmatan Kesihatan Asasi, Pusat Pemeriksaan Kesihatan (Kesihatan Awam dan Perubatan Pekerjaan) serta Pusat Perubatan Jerudong Park.

Sesi-sesi ini telah melibatkan kira-kira 300 profesional kesihatan, termasuk pengamal perubatan, jururawat, profesional kesihatan bersekutu dan kakitangan kesihatan lain yang berkaitan.

Sesi Libat Urus ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai penyakit pekerjaan dan penyakit berkaitan pekerjaan, menekankan kepentingan mendapatkan sejarah pekerjaan pesakit, memberikan penjelasan mengenai tatacara rujukan serta memperkukuh kefahaman mengenai kewajipan pengamal perubatan untuk melaporkan penyakit pekerjaan di bawah Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pelaporan Insiden) (Workplace Safety and Health (Incident Reporting) Regulations).

Pada tahun 2025, NBD mencatatkan kadar kejadian penyakit pekerjaan sebanyak 4.50 bagi setiap 100,000 pekerja. Sejak tahun 2017, sejumlah 135 kes penyakit pekerjaan dan penyakit berkaitan pekerjaan telah dilaporkan, dengan tiga jenis penyakit yang paling kerap dilaporkan ialah kehilangan pendengaran akibat bunyi bising, dermatitis pekerjaan dan gangguan *muskuloskeletal* berkaitan pekerjaan.

Angka - angka ini menunjukkan kepentingan usaha berterusan untuk meningkatkan pengenalpastian penyakit serta menangani kemungkinan kes yang tidak dilaporkan.

Pengenalpastian awal, rujukan yang bersesuaian dan pelaporan yang tepat pada masanya adalah penting bagi membolehkan langkah-langkah intervensi dilaksanakan di tempat kerja, mencegah pendedahan lanjut kepada bahaya serta melindungi kesihatan pekerja.

SHENA dan Bahagian Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Kesihatan akan terus memperkukuh kerjasama dengan pengamal perubatan, termasuk meneroka peluang untuk mengadakan sesi libat urus selanjutnya bersama klinik-klinik pakar bagi meningkatkan keupayaan dalam pengenalpastian, rujukan dan pelaporan penyakit pekerjaan. Bersama-sama, kita berusaha ke arah mewujudkan tempat kerja yang lebih sihat dan selamat di NBD.



TREND

Keunikan 'keyboard clickers' curi perhatian pengguna

Rencana : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : bruphilcrafts.bn

DALAM dunia trend dan gaya hidup masa kini, pelbagai barangan unik dan kreatif semakin mendapat perhatian masyarakat, khususnya dalam kalangan kanak-kanak, remaja dan golongan muda. Seiring dengan perkembangan trend semasa, produk yang mempunyai reka bentuk menarik serta menawarkan pengalaman berbeza semakin mendapat tempat dalam pasaran. Antara trend yang semakin mencuri perhatian ialah *keyboard clickers*, iaitu alat permainan mini yang diinspirasikan daripada papan kekunci komputer dengan reka bentuk yang comel, berwarna-warni dan menghiburkan.

Keyboard clickers hadir dalam pelbagai pilihan warna, termasuk warna *pastel* seperti merah jambu, biru muda, ungu, kuning dan sebagainya. Keistimewaan aksesori ini terletak pada reka bentuk butang kecil yang boleh ditekan berulang kali, sekali gus menghasilkan bunyi klik yang memberikan pengalaman sensori yang menyeronokkan. Sesetengah reka bentuk turut dihiasi dengan karakter kartun, corak menarik serta elemen hiasan yang kreatif, menjadikannya lebih menarik, terutama bagi mereka yang gemarkan barangan comel dan estetik.

Selain mempunyai daya tarikan dari segi penampilan, *keyboard clickers* juga berfungsi sebagai permainan kecil yang boleh dibawa ke mana-mana. Saiznya yang kecil dan ringan memudahkan pengguna menyimpannya di dalam beg atau meletakkannya di atas meja sebagai aksesori peribadi. Malah, terdapat juga reka bentuk yang dilengkapi dengan rantai kunci, sekali gus membolehkan aksesori tersebut digantung pada beg sekolah, beg tangan atau kunci.

Dari segi penggunaannya, permainan ini boleh dijadikan sebagai salah satu bentuk hiburan ringkas untuk mengisi masa lapang. Aktiviti menekan butang secara berulang memberikan kepuasan tersendiri kepada pengguna melalui bunyi klik yang dihasilkan. Bagi sesetengah individu, permainan seumpama ini menjadi pilihan ketika berehat, melakukan aktiviti santai atau sekadar mengisi masa terluang. Walau bagaimanapun, penggunaannya perlulah bersesuaian dengan keadaan dan tidak mengganggu tumpuan ketika belajar, bekerja atau menjalankan aktiviti harian.

Dari sudut kreativiti pula, *keyboard clickers* memperlihatkan bagaimana sesuatu barangan yang ringkas mampu diberikan nilai tambah melalui reka bentuk, warna dan konsep yang menarik. Kepelbagaian pilihan yang ditawarkan turut memberikan peluang kepada pengguna untuk memilih produk mengikut cita rasa masing-masing. Ada yang memilihnya berdasarkan warna kegemaran, manakala sebahagian yang lain lebih tertarik kepada reka bentuk karakter atau bentuk butang yang unik.

Menariknya, aksesori ini juga berpotensi dijadikan sebagai hadiah kecil untuk rakan-rakan, ahli keluarga mahupun koleksi peribadi. Harganya yang lazimnya lebih berpatutan berbanding barangan permainan yang lebih besar menjadikannya pilihan yang sesuai sebagai cenderamata ringkas. Selain itu, aktiviti mengumpul pelbagai reka bentuk dan warna turut memberikan kepuasan kepada peminat barangan mini dan aksesori kreatif.

Namun demikian, pengguna disarankan untuk mengutamakan kualiti dan keselamatan produk, khususnya apabila barang tersebut digunakan oleh kanak-kanak. Pemilihan produk yang sesuai serta penggunaan mengikut peringkat umur penting bagi memastikan pengalaman bermain yang selamat dan menyeronokkan.

Secara keseluruhannya, trend *keyboard clickers* membuktikan bahawa sesuatu yang kecil dan sederhana juga mampu mencipta tarikan tersendiri. Gabungan reka bentuk yang comel, pilihan warna *pastel* serta pengalaman bunyi klik yang menghiburkan menjadikan aksesori ini satu pilihan menarik dalam dunia permainan dan koleksi masa kini. Walaupun trend sentiasa berubah mengikut peredaran masa, kreativiti dan keunikan sesuatu produk tetap menjadi antara faktor yang mampu menarik minat pengguna.

REPUBLIK PERANCIS TOLAK PENYERTAAN DALAM CADANGAN PUSAT PEMULANGAN MIGRAN DI RWANDA

ISTANBUL, 19 Nov. - Kementerian Luar Republik Perancis pada Rabu memaklumkan bahawa negara itu tidak akan menyertai cadangan penubuhan pusat pemulangan migran di luar Kesatuan Eropah (EU) kerana meragui keberkesanannya selain menganggap inisiatif itu bercanggah dengan nilai yang diperjuangkan Paris, lapor Anadolu Ajansi.

Jurucakap kementerian itu berkata pendirian Republik Perancis "tidak berubah" ketika ditanya dalam sidang media mengenai kenyataan Menteri Perwakilan Benjamin Haddad berhubung kem migran di Rwanda.

"Kami percaya bahawa secara praktikal, pusat berkenaan tidak berkesan berdasarkan cara ia dikendalikan. Ia juga tidak mencerminkan nilai yang ingin kami pertahankan," kata jurucakap itu.

Beliau berkata negara-negara Eropah boleh menyertai inisiatif berkenaan menggunakan dana masing-masing, sambil menegaskan bahawa Republik Perancis berjaya memastikan tiada pembiayaan EU disalurkan kepada pusat berkenaan.

Pada Isnin, Austria, Denmark, Republik Persekutuan Jerman, Republik Hellenic Greece dan Belanda memaklumkan bahawa mereka sedang meneliti cadangan penubuhan pusat pemulangan migran di Rwanda, dengan matlamat mencapai persetujuan dan memulakan pemindahan pemohon suaka yang permohonannya ditolak menjelang 2027.

Menurut kenyataan yang diterbitkan Kementerian Imigresen Denmark, lima negara itu memaklumkan bahawa pusat berkenaan akan menempatkan individu yang tidak mempunyai hak sah untuk terus tinggal di negara EU yang mengambil bahagian dan tertakluk kepada perintah pemulangan yang boleh dikuatkuasakan.

Kenyataan itu memaklumkan bahawa individu yang dipindahkan boleh berintegrasi dalam masyarakat Rwanda atau secara sukarela pulang ke negara asal masing-masing atau berpindah ke negara lain yang membenarkan mereka menetap secara sah.

Sebelum ini, United Kingdom (UK) mencapai persetujuan dengan Rwanda untuk menghantar pemohon suaka ke negara Afrika itu bagi memproses permohonan mereka.

Bagaimanapun, Mahkamah Agung UK pada November 2023 memutuskan bahawa rancangan itu menyalahi undang-undang selepas mendapati terdapat alasan kukuh untuk mempercayai bahawa kelemahan sistem suaka Rwanda menimbulkan risiko sebenar pemohon suaka dihantar semula ke negara yang boleh menyebabkan mereka berdepan penganiayaan, suatu tindakan yang dikenali sebagai *refoulement*. - ©BERNAMA

Afrika Selatan hukum penjara 125 tahun ke atas 5 pemburu haram badak sumbu

JOHANNESBURG, 20 Nov. - Lima lelaki yang disabitkan kesalahan memburu badak sumbu secara haram di Afrika Selatan masing-masing dijatuhi hukuman penjara 25 tahun, menjadikan jumlah keseluruhan hukuman penjara mereka 125 tahun, kata polis pada Khamis, lapor Xinhua.

Hukuman itu dijatuhkan pada Isnin oleh Mahkamah Wilayah Komani yang bersidang di Cacadu di Wilayah Eastern Cape. Kelima-lima lelaki terbabit disabitkan kesalahan pada September lepas atas pertuduhan mencuri, melanggar undang-undang biodiversiti, serta memiliki senjata api dan peluru secara haram.

Pertuduhan itu berpunca daripada dua kejadian di Ladang Hidupan Liar Hunters Hill di Sterkstroom pada 2017, menyaksikan lima ekor badak sumbu ditembak mati dan sumbunya diambil.

Suspek ditahan pada Disember 2017 selepas polis menahan dua kenderaan di Wilayah Free State dan merampas selaras senapang .458 Magnum. Ujian balistik kemudiannya mengaitkan senjata api itu dengan kedua-dua kejadian tembakan berkenaan.

Tertuduh tidak dibenarkan diikat jamin dan kekal dalam tahanan sepanjang prosiding undang-undang yang berlangsung hampir sembilan tahun. Hukuman penjara berkenaan adalah tambahan kepada tempoh tahanan yang telah dilalui mereka, menurut polis. Mahkamah turut mengisytiharkan kesemua tertuduh tidak layak memiliki senjata api.

Pesuruhjaya Daerah Chris Hani, Rudolph Adolph memuji usaha bersepadu penyiasat kes kecurian ternakan dan penyelaras badak sumbu peringkat wilayah, sambil menyifatkan hukuman itu akan menjadi pengajaran terhadap jenayah hidupan liar.

Afrika Selatan yang menjadi habitat kepada populasi badak sumbu terbesar di dunia terus berdepan ancaman pemburuan haram yang didorong oleh permintaan terhadap sumbu haiwan itu di pasaran haram antarabangsa.

Data Jabatan Perhutanan, Perikanan dan Alam Sekitar menunjukkan sebanyak 352 ekor badak sumbu diburu secara haram di seluruh negara itu pada 2025, menurun 16 peratus berbanding 420 ekor pada 2024. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2026 pula, sebanyak 230 ekor lagi diburu secara haram di seluruh negara berbanding 248 ekor dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Populasi minimum badak sumbu Afrika Selatan dianggarkan sebanyak 15,096 ekor pada akhir 2025, merangkumi 2,565 badak sumbu hitam dan 12,531 badak sumbu putih, meningkat 4.9 peratus berbanding 2024, menurut jabatan itu.

Bagi mengekang pemburuan haram, pihak berkuasa Afrika Selatan mempergiatkan penguatkuasaan undang-undang dan operasi berasaskan risikan, di samping memperkukuh kerjasama antara agensi kerajaan, rizab hidupan liar swasta dan pertubuhan pemuliharaan. - ©BERNAMA

Jet pejuang siluman F-35 AS lakukan pendaratan cemas di Lapangan Terbang Jepun

KOCHI (JEPUN), 20 Nov. - Sebuah jet pejuang siluman F-35B milik tentera Amerika Syarikat (AS) melakukan pendaratan cemas di Lapangan Terbang Kochi di barat Jepun pada Jumaat, lapor Kyodo News yang memetik pihak berkuasa tempatan.

Punca pendaratan tidak berjadual itu belum diketahui. Tiada kecederaan dilaporkan, menurut kerajaan wilayah Kochi. - ©BERNAMA

Gangguan penerbangan di AS bukan berpunca serangan siber

WASHINGTON, 18 Nov. - Ketua Perisikan Amerika Syarikat (AS) menolak kemungkinan serangan siber sebagai punca gangguan penerbangan secara meluas di seluruh negara itu pada Jumaat lepas, sebaliknya menjelaskan bahawa masalah berkenaan berpunca daripada kemas kini perisian yang tidak dapat ditampung oleh sistem lama, lapor agensi berita Jerman dpa.

"Ini bukan serangan siber dan bukan juga tindakan terancang oleh mana-mana negara," kata Pengarah Perisikan Negara AS Jay Clayton kepada CNBC pada Selasa. Beliau berkata gangguan itu berpunca daripada kemas kini perisian yang gagal dikendalikan oleh sistem sedia ada.

Kegagalan teknikal di Pentadbiran Penerbangan Persekutuan AS (FAA) pada Jumaat menyebabkan penggantungan sementara penerbangan di seluruh negara selama lebih empat jam.

Ia merupakan kali kedua larangan pelepasan pesawat di seluruh negara dikuatkuasakan sejak serangan 11 September 2001. Ribuan penerbangan dibatalkan manakala banyak lagi mengalami kelewatan, dengan syarikat penerbangan masih berusaha memulihkan operasi seperti biasa sehingga Isnin.

Setiausaha Keselamatan Dalam Negeri AS Markwayne Mullin sebelum ini berkata pada Jumaat bahawa tiada bukti menunjukkan gangguan berkenaan berpunca daripada serangan siber. - ©BERNAMA

EU sepakat percepat perluasan rangkaian grid elektrik di Eropah

BRUSSELS, 18 Nov. - Kesatuan Eropah (EU) merancang mempercepat perluasan dan penyambungan rangkaian grid elektrik di seluruh blok itu bagi mengurangkan perbezaan harga elektrik antara wilayah serta menyokong peralihan kepada tenaga lebih bersih, lapor Agensi Berita Jerman (DPA).

Perunding dari negara anggota EU dan Parlimen Eropah mencapai persetujuan di Brussels untuk menghapuskan halangan yang membantutkan pembangunan infrastruktur elektrik di Eropah, menurut kedua-dua pihak pada awal pagi Rabu.

Pakej itu bertujuan meningkatkan kebebasan dan daya tahan bekalan tenaga Eropah, termasuk mempercepat proses kelulusan projek tenaga boleh baharu, grid elektrik, kemudahan penyimpanan tenaga serta stesen pengecasan kenderaan elektrik.

Langkah berkenaan juga bertujuan memastikan bekalan elektrik yang lebih murah daripada sumber tenaga angin dan solar dapat disalurkan ke kawasan yang memerlukan, sekali gus membantu mengurangkan jurang harga antara wilayah.

Selain itu, ia juga dijangka meningkatkan daya tahan sistem tenaga serta memperkukuh perlindungan terhadap serangan fizikal dan siber.

Persetujuan berkenaan adalah berdasarkan cadangan yang dikemukakan Suruhanjaya Eropah pada Disember lalu.

Rangkaian elektrik Eropah sejak sekian lama dilihat sebagai antara halangan utama kepada usaha menurunkan harga tenaga, mengurangkan pelepasan karbon dalam ekonomi serta mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan tenaga dari luar.

Pesuruhjaya Tenaga EU Dan Jorgensen berkata sejumlah besar elektrik berjaya dijana, namun tidak dapat disalurkan ke grid berikutan kekurangan pembangunan infrastruktur.

Suruhanjaya Eropah menganggarkan pelaburan melebihi 1 trilion (USD1.1 trilion) diperlukan untuk memperluas dan memodenkan rangkaian elektrik Eropah menjelang 2040.

Bagaimanapun, persetujuan itu masih memerlukan kelulusan rasmi Parlimen Eropah dan negara anggota EU sebelum dimuktamadkan. - ©BERNAMA

11 maut dalam kemalangan jalan raya di barat laut Madagascar

ANTANANARIVO (Madagascar), 18 Nov. - Sebelas orang maut manakala beberapa lagi cedera selepas sebuah kenderaan penumpang terbabas ketika melalui sebuah jambatan di barat laut Madagascar pada Selasa, lapor Xinhua.

Datuk Bandar Antsohihy Vanessa Justicia Harinomenjanahary berkata kenderaan yang dalam perjalanan dari Antsohihy menuju ke ibu negara, Antananarivo itu terbabas sebelum terbalik beberapa kali.

Siasatan awal mendapati kenderaan berkenaan berkemungkinan mengalami masalah teknikal sebelum kemalangan berlaku.

Pemandunya dilaporkan tetap meneruskan perjalanan meskipun kenderaan itu mengalami masalah teknikal, yang dipercayai menjadi antara faktor penyumbang kepada kemalangan berkenaan.

Susulan kejadian itu, kerajaan mengerahkan sebuah pesawat bagi membawa mangsa yang cedera ke pusat perubatan untuk mendapatkan rawatan. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK BERSKALA BESAR LANDA AUSTRALIA SELATAN SUSULAN RIBUT

C**ANBERRA**, 20 Nov. - Sekolah ditutup susulan gangguan bekalan elektrik berskala besar di Australia Selatan (SA) selepas ribut kuat menyebabkan beberapa menara penghantaran elektrik tumbang pada Khamis, lapor Xinhua.

Ribut petir supersel yang kuat melanda wilayah Eyre Peninsula di SA, kira-kira 240 kilometer ke barat Adelaide pada petang Khamis, menyebabkan dua menara penghantaran elektrik tumbang dan merosakkan menara ketiga dengan teruk.

Syarikat pengagihan elektrik negeri itu memaklumkan bahawa kira-kira 10,000 premis masih terputus bekalan elektrik setakat pagi Jumaat, berkurangan daripada jumlah tertinggi kira-kira 30,000 premis pada Khamis malam.

Premier SA, Peter Malinauskas berkata lapan hospital di wilayah itu menggunakan generator sokongan pada Khamis malam, manakala Jabatan Pendidikan memaklumkan bahawa 35 sekolah dan pusat jagaan kanak-kanak akan ditutup pada Jumaat.

Kerajaan SA pada Khamis malam mengarahkan Pengendali Pasaran Tenaga Australia supaya mendapatkan kapasiti penjanaan elektrik lebihan, namun pihak berkuasa memberi amaran bahawa langkah sementara itu mungkin tidak boleh diharap dan gangguan bekalan elektrik boleh berlarutan selama beberapa hari sementara menara yang rosak dibaiki.

Malinauskas memberitahu radio Australian Broadcasting Corporation pada Jumaat bahawa menara penghantaran elektrik gantian sementara akan dipasang dalam tempoh empat hari.

Mesej amaran kecemasan yang dihantar kepada penduduk Eyre Peninsula pada Khamis malam memaklumkan bahawa perkhidmatan telefon mungkin tidak dapat digunakan dan menasihati mereka yang memerlukan bantuan kecemasan supaya pergi ke hospital.

Pemangku Pesuruhjaya Polis, Linda Williams memberitahu pemberita bahawa usaha memulihkan bekalan elektrik akan mengutamakan bekalan ke menara telekomunikasi. - ©BERNAMA

Korea Selatan : Lebih 110 calon didapati bawa peranti elektronik haram ketika peperiksaan kemasukan universiti

SEOUL, 20 Nov. - Sebanyak 111 kes disyaki menipu menggunakan peranti elektronik dikesan sepanjang peperiksaan kemasukan universiti kebangsaan tahunan minggu ini, menurut Agensi Berita Yonhap yang memetik kenyataan Kementerian Pendidikan pada Jumaat.

Daripada jumlah itu, 54 kes dikenal pasti selepas kerajaan menghantar amaran bencana ke telefon bimbit di seluruh negara sebagai sebahagian daripada langkah memperketat kawalan anti menipu bagi Ujian Keupayaan Skolastik Kolej (CSAT) pada Khamis, menurut kementerian itu.

Pihak berkuasa turut mengesan 52 kes melalui kaedah lain seperti pengesanan isyarat Wi-Fi, manakala lima calon lagi ditangkap ketika sedang menggunakan peranti pintar.

Kerajaan mempertingkatkan langkah membanteras kegiatan menipu tahun ini susulan kemarahan meluas orang ramai berikutan pengakuan calon terbaik peperiksaan akauntan cukai tahun ini baru-baru ini bahawa beliau menipu dengan bantuan kecerdasan buatan (AI) dan peranti digital.

Menerusi tiga amaran bencana yang membunyikan penggera kuat walaupun pada peranti dalam mod senyap, pihak berkuasa mengesan 31 kes pada amaran pertama, 11 pada amaran kedua dan 12 pada amaran ketiga.

Antara yang ditangkap ketika melakukan kesalahan itu ialah seorang calon di Wilayah Chungcheong Selatan yang menggunakan cermin mata pintar, manakala seorang calon di Gyeonggi dikesan menggunakan kamera mini dan fon telinga tanpa wayar.

Kementerian itu yang sebelum ini memberi amaran akan mengambil tindakan undang-undang jenayah terhadap calon yang menipu menggunakan bantuan AI, merancang untuk menentukan tahap hukuman selepas meneliti setiap kes berkenaan.

Kerajaan memaklumkan pihaknya bercadang mengharamkan calon yang ditangkap menipu menggunakan AI daripada menduduki semula peperiksaan CSAT sehingga 10 tahun. - ©BERNAMA

Ratusan keranda, emas berbentuk lidah ditemukan di Republik Arab Mesir

ISTANBUL, 19 Nov. - Ahli arkeologi Republik Arab Mesir menemukan sebuah tanah perkuburan purba yang mengandungi ratusan keranda, artifak emas berbentuk lidah serta barang kemas di wilayah Menoufia, utara negara itu, lapor Anadolu Ajansi yang memetik Kementerian Pelancongan dan Antikuiti Mesir pada Rabu.

Kementerian itu dalam satu kenyataan memaklumkan penemuan di Tell Kom Abu Billo berkenaan merangkumi keranda batu dan tembikar, sisa keranda kayu serta makam berbumbung melengkung yang dibina daripada bata lumpur.

Kajian awal menunjukkan sebahagian besar kawasan perkuburan berkenaan berasal dari abad ketiga dan kedua Sebelum Masihi.

Setiausaha Agung Majlis Tertinggi Antikuiti Mesir, Hisham El-Leithy berkata penemuan sejumlah besar kubur dan keranda yang tertumpu di kawasan halaman terbuka merupakan sesuatu yang belum pernah ditemukan di tapak berkenaan.

Beliau berkata pemeriksaan awal terhadap barangan yang dikebumikan bersama mayat menunjukkan tanah perkuburan itu kebanyakannya digunakan oleh penduduk kelas pertengahan.

Sisa struktur binaan turut ditemukan di bawah timbunan pasir dan runtuhan di kawasan sekitar, menunjukkan kemungkinan masih terdapat lebih banyak struktur yang tertimbus.

Antara artifak yang ditemukan ialah kepingan emas berbentuk lidah, anting-anting, loket rantai dan kepingan emas nipis, selain azimat berbentuk kumbang scarab serta patung kecil pengebumian yang dikenali sebagai ushabti. Sebahagian patung itu mempunyai ukiran tulisan hieroglif.

Ahli arkeologi turut menemukan patung sfinks kecil, serpihan patung dewa helang Horus, serta dua kubur helang di antara keranda yang ditemukan.

Artifak lain pula menggambarkan dewi Isis-Aphrodite, termasuk sebuah artifak tanah liat yang menunjukkan dewi itu duduk di atas bunga teratai sambil menyusukan bayi Harpocrates.

Sebahagian keranda ditemukan tanpa penutup, manakala yang lain pecah akibat kerosakan terdahulu dan aktiviti penggalian batu.

Tanah perkuburan itu terletak dalam kawasan arkeologi Terenouthis purba, di pintu masuk timur Wadi El Natrun, yang suatu ketika dahulu menjadi sumber garam natron yang digunakan dalam proses mumifikasi.

Penggalian terdahulu menemukan tinggalan bandar purba itu serta sebuah kuil yang didedikasikan kepada dewi Hathor.

Menurut kementerian itu, kerja penggalian dan kajian akan diteruskan bagi mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai individu yang dikebumikan di situ serta tradisi pengebumian mereka. - ©BERNAMA

Republik Peru isytihar darurat bekalan bahan api susulan ancaman fenomena El Nino

LIMA, 19 Nov. - Republik Peru mengisytiharkan darurat melibatkan rantaian bekalan bahan api pada Rabu sebagai langkah berjaga-jaga terhadap kemungkinan gangguan dalam sektor hidrokarbon akibat fenomena El Nino, lapor Xinhua.

Kementerian Tenaga dan Perlombongan Peru dalam kenyataan memaklumkan bahawa langkah itu bertujuan membolehkan tindakan sewajarnya diambil tepat pada masanya bagi memastikan bekalan bahan api di seluruh negara terus terjamin meskipun berdepan kemungkinan kesan cuaca ekstrem.

"Pengisytiharan itu meliputi keseluruhan rantaian bekalan hidrokarbon, daripada pemprosesan, penapisan dan penyimpanan hingga pemasaran, memandangkan hujan lebat, banjir, banjir lumpur dan tanah runtuh berpotensi menjejaskan infrastruktur strategik sektor itu di beberapa wilayah negara ini," menurut kementerian berkenaan.

Kementerian itu memaklumkan bahawa langkah berkenaan bertujuan menangani kemungkinan gangguan yang boleh menjejaskan pengangkutan, pengeluaran, perdagangan dan perkhidmatan awam penting, termasuk bekalan elektrik.

Menurut kementerian itu, hidrokarbon termasuk minyak mentah, gas asli, bahan api cecair dan gas petroleum cecair (LPG) menyumbang 67 peratus daripada keseluruhan campuran sumber tenaga Republik Peru.

Pihak Berkuasa Penyeliaan Pelaburan Tenaga dan Perlombongan Peru bertanggungjawab menilai keadaan serta menentukan langkah yang diperlukan bagi menangani situasi darurat itu.

Pengisytiharan darurat itu disiarkan dalam warta rasmi El Peruano dan akan berkuat kuasa selama tempoh maksimum lapan bulan, bermula sehari selepas tarikh penyiarannya. - ©BERNAMA

China capai kemajuan ketara dalam pembangunan mampan

BEIJING, 20 Nov. - Laporan Data Raya Bumi 2026 yang dihasilkan pasukan penyelidik China diterbitkan menerusi laman sesawang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Jumaat.

Sejak 2019, China menerbitkan laporan itu selama lapan tahun berturut-turut bagi mengetengahkan hasil penyelidikan terkini dalam bidang data raya untuk pembangunan mampan serta pendekatan inovatif dalam menyokong pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) menerusi penggunaan data raya.

Penyediaan laporan edisi 2026 itu diketuai oleh Pusat Penyelidikan Antarabangsa Data Raya untuk Matlamat Pembangunan Mampan (CBAS) yang berpangkalan di Beijing.

Menurut laporan itu, China mencatatkan kemajuan yang ketara dalam pembangunan mampan sepanjang 10 tahun lepas. Setakat akhir 2025, negara itu hampir mencapai atau sudah menyempurnakan kira-kira 62.8 peratus daripada 234 penunjuk utama SDG.

Dalam bidang sumber air, kecekapan penggunaan air di China meningkat kira-kira 7.3 kali ganda dari 2000 hingga 2024.

Sementara itu, dalam sektor tenaga, kira-kira 84 peratus ladang angin darat dan 75 peratus loji tenaga solar di seluruh negara mencatatkan keadaan ekologi yang bertambah baik atau kekal stabil.

Laporan itu turut menyenaraikan Program Hutan Jalur Pelindung Three-North sebagai antara projek pemuliharaan ekologi yang cemerlang di dunia. - ©BERNAMA

Voyager 1 NASA catat sejarah, kini 26 bilion km dari Bumi

LOS ANGELES, 19 Nov. - Kapal angkasa Voyager 1 milik Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA) mencatat sejarah apabila mencapai jarak kira-kira 26 bilion kilometer dari Bumi pada Rabu, sekali gus menjadi objek buatan manusia pertama yang mengembara sejauh itu di angkasa lepas, lapor Xinhua.

Menurut pengiraan NASA yang disiarkan menerusi laman sesawang rasmi misi Voyager, pencapaian itu berlaku pada 5.16.07 pagi Rabu waktu Timur Amerika Syarikat (AS).

Jarak berkenaan bersamaan kira-kira satu hari cahaya, iaitu jarak yang boleh dilalui cahaya dalam tempoh 24 jam. Ini bermakna isyarat radio dari Bumi mengambil masa kira-kira sehari untuk sampai ke Voyager 1.

Dilancarkan pada 1977 untuk meneroka planet Musytari dan Zuhal, Voyager 1 telah mengembara di angkasa lepas selama hampir 50 tahun.

Kapal angkasa kembarnya, Voyager 2 pula mengikuti laluan berbeza merentasi sistem suria untuk meneroka Uranus dan Neptun.

NASA memaklumkan bahawa Voyager 2 dijangka mencapai jarak yang sama dari Bumi pada November 2035.

NASA turut memaklumkan bahawa Voyager 1 kini bergerak ke arah sebuah bintang yang terletak lebih 17 tahun cahaya dari Bumi, dikenali sebagai AC+79 3888 atau Gliese 445. - ©BERNAMA

PASUKAN KLUSTER 4 RAIH PINGAT EMAS PERTANDINGAN BOLA JARING



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Pingat Pertandingan Bola Jaring (atas), manakala gambar kanan, antara pasukan yang bertanding.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Khamis, 19 November. - Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Penyampaian Pingat Pertandingan Bola Jaring sempena Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (BDSG) 2026 Kali Ke-3 yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Dalam pertandingan tersebut, Pasukan Kluster 4 berjaya meraih pingat emas, diikuti Kluster 1 yang memperoleh pingat perak, manakala Kluster 5 membawa pulang pingat gangsa.

Pada tahun ini, sebanyak lima acara sukan dipertandingkan, iaitu bola jaring, *bocce*, badminton, futsal dan olahraga (*kids athletics*).

Kejohanan yang berlangsung selama lapan hari, bermula 16 hingga 23 November 2026, melibatkan penyertaan seramai 690 atlet pelajar sekolah rendah dari enam kluster sekolah kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

Penganjuran BDSG merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dalam usaha mencungkil dan mengembangkan bakat serta potensi pelajar dalam bidang sukan, di samping memperkukuh pembangunan sukan di peringkat sekolah.

Pada edisi kali ini, BDSG dikhususkan kepada penyertaan pelajar sekolah rendah dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Khas selaku penganjur bersama.

Kerjasama berkenaan bertujuan memperluas peluang penyertaan dan memberikan ruang kepada pelajar berkeperluan khas untuk turut terlibat dalam aktiviti sukan serta merasai pengalaman menyertai kejohanan di peringkat kebangsaan.



BDSG 2026 : Mencungkil bakat pelajar melalui aktiviti sukan



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Penyampaian Pingat kepada para pemenang.

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

MENTIRI, Rabu, 18 November. – Kementerian Pendidikan pada hari ini mengadakan Majlis Penyampaian Pingat Pertandingan Olahraga (Kids Athletics) sempena Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (BDSG 2026) Kali Ke-3, bertempat di Padang Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan Majlis Penyampaian Pingat kepada para pemenang, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

Acara olahraga (*kids athletics*) telah mempertandingkan sebanyak empat pingat emas yang merangkumi Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan bagi pelajar berkeperluan khas serta Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan bagi pelajar aliran perdana.

Bagi Kategori Lelaki Berkeperluan Khas, pingat emas telah diraih oleh Kluster 3C, manakala pingat perak dimenangi oleh Kluster 6C, sementara pingat gangsa diperoleh oleh Kluster 2C.

Sementara itu bagi Kategori Perempuan Berkeperluan Khas pula, pingat emas dirangkul oleh Kluster 6C, diikuti dengan Kluster 3C sebagai penerima pingat perak, manakala pingat gangsa pula dimenangi oleh Kluster 4C.

Bagi Kategori Lelaki Aliran Perdana, pingat emas diraih oleh Kluster 2A, manakala pingat perak dimenangi oleh Kluster 3A, sementara pingat gangsa diperoleh oleh Kluster 6A.

Pemenang-pemenang bagi Kategori Perempuan Aliran Perdana pula, pingat emas telahdimenangi oleh Kluster 5A, diikuti dengan Kluster 6B sebagai pemenang pingat perak, manakala Kluster 5B pula memperoleh pingat gangsa.

BDSG Kali Ke-3 pada kali ini mempertandingkan sebanyak lima acara sukan, iaitu bola jaring, *bocce*, badminton, futsal dan olahraga (*kids athletics*). Kejohanan berkenaan berlangsung selama lapan hari, bermula
16 hingga 23 November 2026, dengan penyertaan seramai 690 atlet pelajar sekolah rendah dari enam kluster sekolah kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

Penganjuran BDSG merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dalam usaha mencungkil dan mengembangkan bakat serta potensi pelajar dalam bidang sukan, di samping memperkukuh pembangunan sukan di peringkat sekolah.

Pada edisi kali ini, BDSG dikhususkan kepada penyertaan pelajar sekolah rendah, dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Khas selaku penganjur bersama bagi memperluas peluang penyertaan kepada pelajar berkeperluan khas dalam kejohanan tersebut.

Atlet angkat berat negara raih 2 emas, 1 perak



ATLET-atlet angkat berat Negara Brunei Darussalam baru-baru ini berjaya meraih dua pingat emas dan satu pingat perak dalam Kejohanan Persekutuan Angkat Berat Singapura (atas dan bawah).

Berita dan Foto : Ihsan Rabiatul Terudin

REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 18 November. - Atlet-atlet angkat berat Negara Brunei Darussalam baru-baru ini berjaya meraih dua pingat emas dan satu pingat perak dalam Kejohanan Persekutuan Angkat Berat Singapura (Singapore Weightlifting Federation - SWF) Weightlifting Championship 2026 yang berlangsung di Singapura.

Pencapaian tersebut disumbangkan oleh Liyana Safiah Sidek yang meraih pingat emas dalam Kategori Wanita W49, Nurul Syuhaidah Ahman yang meraih pingat perak dalam Kategori Wanita W49 dan Mohammad Nashrul bin Haji Abu Bakar yang meraih pingat emas dalam Kategori Lelaki M65.

Pencapaian ini merupakan hasil usaha gigih, disiplin serta komitmen para atlet dalam sukan angkat berat.





NBD SERTAI SUKAN PERSAHABATAN BIMP-EAGA KE-12



YANG Berhormat Menteri Pendidikan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bergambar ramai pada Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-12, Sabah, Malaysia 2026.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan menyertai Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-12 yang akan berlangsung di Sabah, Malaysia, pada 23 hingga 27 November 2026.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara kepada Kontinjen NBD ke Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-12, Sabah, Malaysia 2026 telah diadakan di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan bendera negara ialah Menteri Pendidikan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Shahram bin Haji Abd Rahman, yang turut membacakan Doa Selamat pada penghujung majlis.

Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap selaku Pemangku Setiausaha Tetap KKBS, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid.

Dalam ucapannya, beliau menekankan bahawa penyerahan bendera negara bukan sekadar acara simbolik, malah melambangkan amanah, kebanggaan dan tanggungjawab kontinjen dalam menggalas nama NBD di arena sukan serantau.

Dayang Hajah Noridah turut menjelaskan bahawa Sukan Persahabatan BIMP-EAGA bukan sahaja menjadi medan pertandingan sukan, malah berperanan sebagai platform untuk mengeratkan hubungan persahabatan, memupuk persefahaman serta memperkukuh kerjasama antara Negara Anggota BIMP-EAGA.

Sehubungan itu, beliau berharap agar semua atlet dan pegawai kontinjen dapat memberikan komitmen sepenuhnya, berusaha bersungguh-sungguh serta menampilkan prestasi terbaik, di samping menjunjung tinggi semangat kesukanan, disiplin dan integriti serta sentiasa mematuhi peraturan pertandingan, termasuk peraturan *anti-doping*.

Dayang Hajah Noridah menaruh harapan agar pengalaman yang diperoleh sepanjang penyertaan dalam temasya berkenaan akan menjadi asas penting dalam membina barisan atlet pelapis yang berkualiti, berdaya tahan dan berpotensi untuk terus menyumbang kepada kecemerlangan sukan negara pada masa hadapan.

Kemuncak majlis menyaksikan tetamu kehormat menyerahkan Bendera NBD kepada Dayang Noorfaizah binti Haji Suboh selaku Chef de Mission Kontinjen NBD ke Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-12, Sabah, Malaysia 2026.

Kontinjen NBD kali ini dianggotai seramai 64 orang, terdiri daripada 42 atlet dan 22 pegawai termasuk Chef de Mission, pegawai-pegawai urus setia dan perhubungan, pegawai perubatan, jurulatih serta pengurus.

Kontinjen negara akan menyertai tujuh acara sukan iaitu badminton, boling padang, karate, olahraga, pencak silat, renang dan sepak takraw.

Sukan Persahabatan berkenaan bertujuan untuk mengeratkan persahabatan dalam kalangan Negara Anggota BIMP-EAGA serta memupuk perpaduan, persefahaman dan kerjasama melalui penganjuran aktiviti sukan.

BIMP-EAGA merupakan singkatan bagi Kawasan Pertumbuhan Brunei - Indonesia-Malaysia-Filipina. Edisi pertama sukan berkenaan berlangsung di Filipina pada tahun 1996, diikuti Sarawak pada tahun 1997 sebelum dihentikan sementara.

Temasya tersebut diadakan semula pada tahun 2003 dengan Filipina sebagai tuan rumah, diikuti Sabah pada tahun 2004, Indonesia pada tahun 2006, NBD pada tahun 2008, Filipina pada tahun 2012, Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2014, Kalimantan Timur, Indonesia pada tahun 2016, NBD pada tahun 2018 dan Filipina pada tahun 2024.

Pada Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-11 yang berlangsung di Filipina, kontinjen negara berjaya meraih tiga pingat emas, dua pingat perak dan lapan pingat gangsa.

Kontinjen negara dijadualkan bertolak ke Sabah secara berperingkat-peringkat mulai 21 November 2026.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan, wakil persatuan-persatuan sukan kebangsaan serta ahli keluarga atlet.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

8 atlet negara gegar World Bowls Series Finals 2026

KUALA LUMPUR, 20 Nov. - Lapan atlet Malaysia antara 24 pemain terbaik dunia dari 10 negara yang bakal berentap pada World Bowls Series (WBS) Finals 2026 di Stadium Juara, Kompleks Sukan Negara Bukit Kiara, di sini dari 2 hingga 4 Disember ini.

Presiden Persekutuan Lawn Bowls Malaysia (PLBM) Datuk Awalan Abdul Aziz berkata penganjuran edisi berkenaan bukan sahaja mengiktiraf keupayaan negara sebagai destinasi utama boling padang dunia, malah menjadi medan terbaik buat atlet tempatan membuktikan kehebatan di halaman sendiri.

"Bowls Malaysia amat berbesar hati diberi kepercayaan oleh World Bowls untuk menganjurkan WBS Finals 2026, sekali gus membuktikan Stadium Juara sekali lagi akan menjadi pentas pemain terbaik dunia mempamerkan kehebatan mereka," katanya menerusi kenyataan, hari ini.

Saingan sengit selama tiga hari itu bakal menyaksikan pembahagian pemain kepada dua kumpulan enam pemain bagi setiap kategori untuk saingan peringkat kumpulan sebelum mara ke peringkat kalah mati dengan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah USD30,000.

Kempen skuad negara dilonjakkan dengan kehadiran jaguh wanita nombor satu WBS, Emma Firyana Saroji yang akan mengetuai cabaran selepas merangkul gelaran perseorangan wanita Piala Dunia di venue sama tahun lepas, selain dibantu naib juara singles Sukan Komanwel Glasgow 2026, Izzat Shameer Dzulkeple.

Turut menggalas cabaran negara ialah beberapa lagi pemenang pingat Sukan Komanwel Glasgow 2026 iaitu Mohammad Soufi Rusli dan Aleena Ahmad Nawawi, yang dijangka memberi tentangan sengit kepada barisan bintang antarabangsa lain.

Pentas WBS Finals 2026 kali ini turut menampilkan pemain nombor satu dunia lelaki dari Scotland, Iain McLean serta jaguh Ireland, Gary Kelly dan Sam Tolchard dari England.

Kejohanan berkenaan turut menampilkan aksi perlawanan pertunjukan menarik antara Malaysia menentang pasukan 'Rest of the World' yang bakal diperkuatkan oleh barisan bintang global seperti Cheryl Chan dari Hong Kong, Aiden Takarua dari New Zealand, Shauna O'Neill dari Ireland dan Sam Tolchard dari England manakala skuad negara dikemudi gandingan mantap dibantu jurulatih Fairul Izwan Abd Muin. - ©BERNAMA

TAHUKAH AWDA

MENGAMALKAN ilmu nujum yang dilarang dan mendatangi ahli nujum juga termasuk dalam dosa-dosa besar. Orang-orang Islam hendaklah berwaspada daripada apa jua kegiatan menilik perkara-perkara ghaib dan meramal perkara-perkara yang akan berlaku seperti ramalan zodiak kerana ia termasuk dalam ilmu sihir. Selain daripada haram mengamalkan ilmu nujum dan mendatangi ahli nujum, belajar dan mengajarkannya kepada orang lain juga adalah haram. Demikian juga haram memberi atau menerima sesuatu sebagai ganti seperti memberi upah kepada ahli nujum untuk meramal nasib dalam kehidupan yang akan datang.

SUMBER : *www.mufti.gov.bn.*